



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 03 DISEMBER 2014 ( RABU )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrums Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Ramli bin Shaiai  
Encik Mohd. Redzuan bin Adam  
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi  
Encik Ahmad Hafizan Yusof  
Encik Shahzrin bin Dzahari  
Encik Ibrahim bin Mat Mom  
Encik Hairudin bin Omar

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**( Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke-13 pada hari yang kelapan (3 November 2014) dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Membentangkan kertas mesyuarat :-

1) Kertas Mesyuarat Bil.55 Tahun 2014

- Laporan Pengauditan Berkenaan Pembayaran Gratuiti oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan Anak-anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi semua. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan (soalan saya nombor 149). Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: PEMERBADANAN MENTERI BESAR (MBI)**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan apakah peranan dan matlamat penubuhan MBI?
- b) Sila nyatakan apakah aktiviti utama dan jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh MBI mengikut pecahan daerah?
- c) Sila senaraikan nama pengerusi dan pegawai kanan MBI serta gaji, elaun dan kesemua kemudahan yang dinikmati?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan Y.B. Sekinchan. Saya pohon keizinan Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab soalan 149 bersekali dengan 214 dan 239 kerana ia melibatkan perkara yang sama.

Y.B. Tuan Speaker,

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ditubuhkan di bawah Enakmen No.3 Tahun 1994 (Negeri Selangor), di bawah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 18 Mei 1994. Antara kegiatan utama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) adalah bertindak sebagai *investment* am bagi pihak Kerajaan Negeri di mana objektif penubuhannya adalah bagi melaksanakan pengawasan bersepadu yang berkesan ke atas pelaburan yang dibuat bagi pihak Kerajaan Negeri. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) juga berperanan sebagai medium pelaksana bagi agenda Kerajaan Negeri Selangor melalui arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di samping mengambil alih fungsi Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI) sepenuhnya setelah badan itu di *domain* kan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh MBI adalah 8,809.82ekar dan keluasan tanah mengikut pecahan daerah adalah seperti dalam lampiran yang akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat kerana ianya perincian bagi setiap daerah. Antara aktiviti yang dijalankan di atas tanah-tanah tersebut adalah penjualan dan pembangunan hartanah termasuk pembangunan rumah mampu milik dan penyelesaian serta baik pulih projek terbengkalai.

Lembaga Pengarah MBI terdiri daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor (selaku Pengerusi), Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri (selaku Ahli Lembaga Pengarah). Tiada sebarang elaun tahunan yang diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah. Sebelum 23 September 2014, jumlah kakitangan MBI adalah seramai 36 orang. Terdiri daripada 2 orang pegawai pengurusan utama (kumpulan pengurusan - 19 orang, kumpulan eksekutif - 11 orang dan kumpulan sokongan - 4 orang). Daripada jumlah tersebut, 20 orang merupakan kakitangan tetap manakala 16 orang lain merupakan kakitangan kontrak. Walau bagaimanapun, Pengerusi MBI ketika itu telah mengambil pilihan untuk menamatkan kontrak 14 orang kakitangan berkuat kuasa 23 September 2014 dengan bayaran pampasan dan ganti notis 3 bulan gaji sebanyak RM2.8juta.

Pengurusan MBI yang baru (yang mengambil alih) pada 1 Disember 2014 iaitu tiga hari yang lalu, telah diminta untuk menstrukturkan semula operasi MBI termasuk jumlah perjawatan yang tertakluk kepada tugas dan fungsi baru MBI. Persoalan gaji pegawai MBI bergantung kepada kelulusan lembaga. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memantau dan menetapkan dasar dan polisi serta persoalan terperinci yang ditentukan oleh pihak pengurusan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih atas jawapan tadi, Y.A.B. Dato' Menteri Besar. saya nak minta penjelasan tentang soal pegawai-pegawai yang letak jawatan dikatakan diminta oleh MBI untuk letak jawatan. Tapi setahu saya (maklumat yang saya terima), ada pegawai yang dia telah mengisytiharkan sendiri letak jawatan. Letak jawatan sendiri bukan disuruh oleh MBI letak jawatan. Jadi, kenapa boleh kita bayar dengan pampasan dan sebagainya (itu satu).

Yang kedua, *management* yang baru (yang telah dilantik oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar tiga hari yang lalu) seperti jawapan tadi, boleh umum siapa senarai *management* yang baru itu? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Sekinchan. Perkara pertama dibangkitkan, saya kira ada wajarnya (kewajaran) untuk kita meneliti laporan audit yang baru saja dibentangkan di dalam Sidang ini berhubung pembayaran gratuity oleh MBI dan anak-anak syarikat MBI kepada mereka-mereka yang didakwa telah ditamatkan perkhidmatan mereka. Dan saya kira penemuan audit juga ada dilaporkan pada muka surat 3 dan perkara ini boleh kita teliti dan bincangkan apakah langkah-langkah yang perlu diambil seterusnya.

Persoalan yang kedua, pelantikan yang baru dibuat pada 1 Disember yang lalu melibatkan jawatan CEO dan COO. Pertama, CEO yang kita lantik ialah saudara Y.M. Raja Shahrin dan yang kedua, COO Saudara Soflan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan 150.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: WIFI SELANGORKU**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Selepas fasa pelaksanaan 2010-2013 melalui Geran Selangorku apakah status WIFI Selangorku?
- b) Adakah perancangan akan datang untuk menambah lagi lokasi di setiap DUN?
- c) Jika ada, berapakah yang diperuntukkan bagi meneruskan WIFI percuma bagi 2014-2018?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan kepada Y.B. Hulu Kelang.

Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat negeri Selangor dengan menempatkan 112 lokasi di seluruh Selangor dengan memperuntukkan 2 lokasi di setiap DUN. Perkhidmatan ini menggunakan sepenuhnya peruntukan Geran Selangorku sebanyak RM2,747,959.86. Seperti yang sedia maklum, Geran Selangorku tidak lagi membiayai dan mengeluarkan dana untuk program-program seperti WiFi Selangorku ini.

Untuk masa depan, sebagaimana yang kita semua sedia maklum dan telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, kita akan menambahkan daripada 112 lokasi ini menjadi 2,500 lokasi. Cuma perinciannya kita akan dapat bila kita sudah sahkan siapa penyedia servis ini dan fokusnya ialah untuk memastikan setiap lapisan masyarakat Selangor (bukan hanya di kawasan bandar, tetapi juga di kawasan luar bandar) mendapat perkhidmatan Internet. Dan sebarang perbincangan lanjut nanti, kita akan ambil maklum tentang masalah-masalah yang ada sebelum ini untuk kita pastikan servis yang disediakan di masa hadapan menjadi lebih baik. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan. Hulu Kelang mendapat maklumat bahawa selepas ini pihak PBT (di mana terdapatnya kemudahan WiFi itu) akan dipertanggungjawabkan dalam menyelenggara dan sebagainya yang bererti ada tanggungan kewangan. Dan saya difahamkan bahawa ada *reluctant* (dengan izin) untuk mereka melakukan dan memberi sokongan. Adakah benar? Apakah penjelasan EXCO?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Itu saya fikir model yang ada sebelum Y.A.B. Dato' Menteri Besar mengumumkan bahawa kita akan memperkenalkan perkhidmatan di 2,500 *hotspot* dan itu merupakan kerangka yang baru dan (apa itu) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi merupakan isu yang lama, yang melibatkan 112 *hotspot* tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan 151 dah jawab sekali dengan soalan 15. Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 152.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : TANGGUNGJAWAB KETUA KAMPUNG**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tanggungjawab utama seorang Ketua Kampung apabila ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan nampaknya bertanggungjawab lebih kurang yang sama tetapi adalah lebih berkuasa dari segi pentadbiran.
- b) Adakah kewujudan Ketua Kampung masih perlu dan bermakna pada masa ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Pandamaran bertanyakan berkaitan dengan tanggungjawab Ketua Kampung.

Ketua Kampung adalah seorang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi memimpin dan mengetuai sesuatu kampung di negeri Selangor. Pelantikan yang dibuat mengikut Pekeliling Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (Pekeliling Selangor) Bil.2 Tahun 1991. Ketua Kampung bertanggungjawab di atas kemajuan dan keselamatan kampung di samping mematuhi syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut :-

- (i) Bertanggungjawab menyampaikan kepada penduduk kampung segala dasar-dasar kerajaan dan menasihati mereka supaya mematuhi dan taat setia kepada kerajaan yang memerintah di samping memberikan unjuran, galakan dan tegahan seperti berusaha ke arah kemajuan dan pembangunan diri, keluarga dan kampung.

Mengamalkan suruhan agama dan berpegang kepada adat resam bangsa yang bersesuaian dengan kehendak, masa dan menggalakkan orang-orang kampung membayar apa-apa hasil kepada kerajaan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

Memberikan bantuan yang munasabah kepada kakitangan kerajaan yang menjalankan usaha (menjalankan tugas) di dalam kampung. Menggalakkan pembentukan semangat perpaduan dan kerjasama di antara satu sama lain dan mencegah dan menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah.

- (ii) Hendaklah berunding dengan Penghulu Mukim terlebih dahulu bagi sesuatu perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kemajuan dan keselamatan kampung sebelum disampaikan kepada Kerajaan Negeri;
- (iii) Bahawa perkhidmatan sebagai Ketua Kampung adalah dikawal oleh peraturan-peraturan dan tata tertib yang ditetapkan oleh kerajaan daripada masa ke semasa.

Kesimpulannya yang saya boleh buat (yang Kerajaan Negeri boleh buat) bahawa hasil dari pemerhatian Kerajaan Negeri di peringkat dasar, kewujudan Ketua Kampung masih relevan dan bermakna pada masa ini kerana mereka lebih dekat dengan masyarakat kampung serta lebih memahami permasalahan yang dihadapi

oleh penduduk kampung berbanding ahli majlis yang hanya bertanggungjawab di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan daripada segi pentadbiran. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyambut baik tentang jawapan daripada EXCO berkenaan dengan kewujudan Ketua Kampung masih relevan. Tetapi saya difahamkan bahawa apa yang dijelaskan tentang tanggungjawab-tanggungjawab ketua-ketua kampung adalah masih tinggi daripada Kerajaan Negeri. Tetapi saya rasa mereka kini berada dalam satu keadaan dilema kerana dalam satu kampung, saya rasa Ketua Kampung lebih kenal daripada ahli majlis kerana mereka rasa ini satu simbolik sebagai wakil kampung itu. Tapi mereka tidak ada apa-apa kuasa pun termasuk kalau ada apa isu berkenaan dengan aduan terhadap apa-apa pun, saya rasa ahli majlis yang lebih berkuasa ataupun relevan untuk mengatasi ataupun membawa aduannya ke majlis dan sebagainya.

Tentang aktiviti pun, ahli majlis ada peruntukan. Tetapi Ketua Kampung tak ada peruntukan. Jadi, saya rasa Ketua Kampung (walaupun penting), dia tidak dapat menjalankan tugasnya sekarang. Jadi, saya rasa

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan? Soalannya?

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Soalan saya, saya rasa sekiranya Kerajaan Negeri mengamanahkan ketua-ketua kampung yang menjadi begitu penting, maka apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membolehkan mereka menjalankan tugasnya selaras dengan *expectation* daripada Kerajaan Negeri dan juga penduduk-penduduk? Itu saja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Pandamaran. Saya kira daripada sudut tanggungjawab ini, dia berbeza di antara Ketua Kampung dan juga ahli majlis kerana pegawai yang dirujuk (ataupun jabatan yang dirujuk). Kalau ahli majlis yang mana akan merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan walaupun kita sedia maklum mereka mempunyai kuasa-kuasa tertentu sebagai ahli majlis yang juga dipilih oleh Kerajaan Negeri. Begitu juga tanggungjawab Ketua Kampung (saya kira), walaupun sebahagian negeri Selangor ini adalah kawasan yang telah membangun dan sebahagian daripada masyarakatnya adalah pembayar cukai. Tapi kita tidak nafikan juga di dalam satu Pihak Berkuasa Tempatan itu masih ada lagi kawasan-kawasan yang disifatkan sebagai kawasan kawalan yang begitu besar. contohnya di daerah Sabak Bernam, Kuala Langat, Sepang, Hulu Selangor yang mana peranan Ketua Kampung ini adalah sangat penting terutamanya apa yang saya sebutkan tadi hubungan ataupun peranan ketua kampung dengan masyarakat dengan keluarga-keluarga masyarakat yang ada di kampung itu.

Tujuan-tujuan pembangunan. Suka saya maklumkan sini juga bahawa Ketua Kampung juga mempunyai peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Sebagai contoh RM10,000 setahun yang kita utorkan untuk Ketua Kampung membuat program-program yang mungkin tidak begitu besar (program yang ringkas). Tetapi, kita juga tidak menghalang untuk Ketua Kampung bersama-sama dengan YB Ahli Dewan Negeri tempatan untuk mengadakan program-program yang bersama bersifat besar yang mungkin peruntukan ini juga boleh dikongsi bersama yang akhirnya perpaduan yang kita harapkan di dalam masyarakat kampung itu dapat dinatijahkan.

Jadi, saya melihat secara keseluruhannya walaupun mungkin di negeri Selangor ini ramai Ketua Kampung adalah mewakili kepada ataupun yang dilantik kepada kampung-kampung tradisi, tetapi peranan juga masih lagi perlu. Contohnya bagi ketua-ketua kampung yang mewakili kepada kampung-kampung baru yang saya kira dia mempunyai tugas dan fungsi yang saya kira berbeza walaupun tidak mempunyai kuasa secara langsung kepada masyarakat tempatan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ada satu perkara berkaitan dengan tanggungjawab Ketua Kampung. Alhamdulillah, kita tengok Ketua Kampung telah pun menjalankan peranan dengan baik. Tetapi ada satu permasalahan yang saya dapati, tempoh pelantikan Ketua Kampung ini ada sedikit *contradict* ataupun dengan izin ada sedikit percanggahan bila mana dalam manual pelantikan dengan surat kuasa agak berbeza kerana dalam surat kuasa itu mengatakan bahawa. *Sorry*. Dia dalam manual mengatakan bahawa pelantikan itu boleh ditamatkan bila-bila masa, tetapi dalam surat kuasa ada dalam perkara "(d) bahawa perkhidmatan tuan sebagai Ketua Kampung akan tamat apabila mencapai umur 65". Jadi, persoalannya perkara ini perlu dibetulkan disebabkan peranan mereka yang begitu *significant* di dalam kampung menyebabkan pelantikan itu mereka merasakan sehingga berumur 65 tahun.

Sebab baru-baru ini saya telah mendapat satu surat saman daripada salah seorang Ketua Kampung yang telah ditamatkan dan juga kepada pejabat daerah disebabkan hanya satu ayat yang kesilapan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Jadi, apakah perkara ini pihak kerajaan akan biar begitu saja? Atau perbetulkan surat kuasa yang telah dikeluarkan kepada ketua-ketua kampung?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih kepada Batu Tiga. Saya akan lihat perkara ini. Walau bagaimanapun, pelantikan Ketua Kampung ini juga yang akhirnya akan di *endose* kan (dengan izin) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pun begitu, saya akan lihat perkara yang khusus tentang perkara

tadi. Dan sebenarnya, bagi antara syarat-syarat untuk pelantikan Ketua Kampung yang sebenarnya kita maksudkan itu adalah pelantikan itu bagi Ketua Kampung bermakna tidak melebihi daripada umur 65 tahun daripada lantikan yang pertama. Walau bagaimanapun, saya akan lihat semula. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada Y.B. EXCO, sekarang ini satu jawatan kepada Pengerusi JKKK ini iaitu dia sebagai ketua kepada PKK iaitu Pasukan Keselamatan Kampung. Jadi, apa kita lihat ada separuh kampung tak ada PKK ini, ada separuh kampung ada dan ada pula PKK ini dipanggil PROSA (ataupun apa ayat di panggil) kepada kampung-kampung. Jadi, bagaimanakah pandangan ataupun masa depan PKK ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Dusun Tua. Saya ingat PKK ini adalah satu entiti yang memainkan peranan di dalam keselamatan kampung juga walaupun mungkin secara dasarnya tidak disebutkan di dalam dasar pentadbiran kampung itu sendiri. Tetapi, ini sebagai inisiatif bagaimana kita nak melihat bahawa peranan masyarakat terutamanya ataupun mereka-mereka yang bersedia untuk berkhidmat, membantu daripada segi keselamatan dan juga kawalan kampung yang mana secara tidak langsungnya Ketua Kampung itu adalah sebagai Pengerusi kepada pasukan ini. Pun begitu, saya akan lihat semula berkaitan dengan PKK ini dan kita juga mendapat beberapa respons sebenarnya termasuk daripada segi keselamatan PKK itu sendiri. Mungkin ia melibatkan sama ada perlu untuk dicarumkan dalam insurans dan sebagainya. Ini yang perlu saya kiranya untuk kita teliti dan kita juga mendapat respons yang baik terutamanya daripada pasukan keselamatan ataupun pihak PDRM sendiri yang mana secara tidak langsungnya dengan wujudnya PKK ini, dia dapat bantu serba sedikit di atas masalah (mungkin) kekurangan anggota mereka di dalam memberikan pemantauan bersama dalam soal keselamatan kawalan kampung itu sendiri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ini terakhir. Teratai, sila.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin nak tanya Y.B. EXCO, adakah kerajaan Selangor bersedia untuk mengadakan pilihan raya untuk Ketua Kampung (JKKK) ini seperti mana yang telah dilakukan di tiga Kampung Baru bagi kerajaan Selangor sebelum ini dan juga telah dilaksanakan di Perak apabila di bawah kerajaan Pakatan Rakyat? Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Teratai. Saya kira apa yang dilakukan oleh JKKK Kampung Baru ini pun, tiga kampung yang sudah diadakan secara pilihan raya tempatan. Satu inisiatif sebagai pilot projek dan setakat ini di peringkat pemilihan Ketua Kampung tradisi ini, kita masih belum lagi

memikirkan. Mungkin berkaitan dengan pemilihan seperti pilihan raya di peringkat kampung itu sendiri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan seterusnya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 153.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PEMBINAAN SKATEPARK ATAS NAMA PBT**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kerajaan berhasrat untuk membangunkan pusat-pusat *skate park* berpandukan piawaian MBPJ dan MBSA?
- b) Apakah piawaian-piawaian kebersihan, keselamatan dan mesra alam sekitar yang digunakan?
- c) Berapakah kos sesuatu *skate park* dan jumlah setiap tahun bermula 2008?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Kelang. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan khusus untuk membina pusat *skate park*. Namun, Kerajaan Negeri sedia untuk mengkaji cadangan untuk membina kemudahan ini. Walau bagaimanapun, terdapat PBT-PBT khususnya di kawasan bandar telah menyediakan kemudahan ini seperti di MBSA, MBPJ dan MPSJ. Terdapat juga beberapa buah PBT juga mempunyai rancangan untuk membina pusat *skate park*, namun kesesuaian lokasi dan perancangan peruntukan perlu diambil kira bagi memastikan kemudahan ini dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Piawaian keselamatan, kebersihan dan mesra alam sekitar perlu diutamakan dalam penyediaan pembinaan pusat *skate park*. Kemudahan ini perlu ada kemudahan berkala bagi memastikan pengguna yang menyertai aktiviti ini tidak mendapat kecederaan. Penyelenggaraan juga perlu dibuat secara berkala kerana struktur pembinaan tersebut mudah rosak akibat faktor cuaca dan penggunaan yang kerap.

Tiga buah PBT di negeri Selangor telah menyediakan kemudahan ini dan butiran perbelanjaan adalah seperti berikut :-

- (i) di MBSA. Lokasi dia di Taman Sukan Lasak, Seksyen 13 Shah Alam. Jumlah perbelanjaan adalah RM5,422,021.77;
- (ii) di MBPJ (Kompleks Rakan Muda Arena, Petaling Jaya) RM50,000;

(iii) MPSJ (Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya) RM200,000.

Sekian, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Adakah pihak PBT bekerjasama dengan belia PBT untuk menganjurkan program itu dengan lebih berkesan di peringkat antarabangsa? PBT.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya nampak aktiviti *skate park* ini adalah satu aktiviti yang baru dan juga moden untuk pada masa ini. Pada masa sekarang, masih tak ada perbincangan di antara PBT dengan EXCO Belia untuk kerjasama kita memajukan projek ini. Mungkin cadangan daripada Y.B. Hulu Kelang boleh kita timbangkan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan 154.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : POLISI “VALUE FOR MONEY”**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sejauh manakah kejayaan polisi ini dalam mengurus kewangan negeri?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mahu menerapkan polisi ini dalam bajet dan perbelanjaan negeri akan datang?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Batang Kali yang ingin mendapatkan maklumat tentang dasar *value for money*.

Yang Berhormat,

Kejayaan polisi *value for money* ini diterapkan dalam dasar harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal yang dipraktikkan dimana Kerajaan Negeri dapat menjimatkan wang melalui perbandingan harga anggaran dan sebenar tanpa mengabaikan faktor kualiti perkhidmatan dan bekalan dalam membuat sesuatu perolehan. Melalui dasar harga terendah juga, jabatan dapat membuat penjimatan dan lebihan peruntukan boleh digunakan oleh jabatan berkenaan bagi keperluan pembangunan yang lain.

Dasar harga terendah ini akan diteruskan dengan beberapa penambahbaikan dan Kerajaan Negeri berpandangan kesinambungan dasar memainkan peranan penting dalam penyediaan perbelanjaan Kerajaan Negeri di samping memberi fokus kepada jabatan dalam menyediakan kos-kos bagi projek dan program lain di masa akan datang.

Bermula tahun 2015, pindaan dasar perolehan semasa iaitu daripada Dasar Harga Terendah selepas melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut Off* diubahsuai atau dengan izin *modified cut off system* di mana harga yang berjaya adalah harga terendah dari kalangan harga yang di senarai pendek iaitu dalam julat 0% hingga minus 20% (lebih rendah dari harga min) dengan syarat lulus semua penilaian teknikal. Ini berbeza dengan minus 20% dari anggaran jabatan dan *cut off* ini ditentukan dari semua harga yang di bida oleh kontraktor termasuk anggaran jabatan. Jadi, kalau sebelum ini kalau kontraktor boleh dapat maklumat dalaman tentang anggaran jabatan (dalam sistem yang baru ini), ianya tidak lagi dapat membantu pihak yang cuba membocorkan maklumat ini.

Melalui sistem yang baru ini, kita yakin Kerajaan Negeri bukan saja dapat menerapkan prinsip *value for money* dalam pentadbiran, tetapi juga mampu menjamin penggunaan yang berkualiti demi kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya ingin bertanya, apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa polisi yang *rigid* ini telah menyebabkan ada (yang saya difahamkan) kontraktor-kontraktor yang mendapat kontrak itu memulangkan semula kontrak-kontrak yang mereka dapati. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Batang Kali. Kerajaan Negeri menyedari perkara ini dan sebenarnya ianya telah memberikan kesan kepada perjalanan projek-projek dan program dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Sebab itulah kita mengambil pendirian untuk mengubah daripada sistem dan dasar harga terendah kepada *modified cut off system* ini.

Seperti yang kita telah tegaskan tadi, dalam pelaksanaan dasar harga terendah ada kontraktor yang membuat harga pembidaan yang terlalu rendah menyebabkan mereka tidak dapat *deliver* ataupun menyiapkan projek tersebut. Ada juga di kalangan mereka yang terpaksa menyerahkan semula (seperti yang disebut oleh Batang Kali tadi) dan akhirnya kerja-kerja ini tertunggak dan sebab itu ada perbincangan dalam Dewan ini di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat melihat pencapaian belanja pembangunan khususnya dalam agensi dan Jabatan JKR itu jauh lebih rendah daripada apa yang kita sasarkan.

Jadi, menyedari masalah-masalah inilah maka kita mengambil keputusan untuk merombak Dasar Harga Terendah kepada *modified cut off system* ini dan dengan

mengambil kira setelah penilaian teknikal disiapkan dan dalam julat (yang saya sebut) antara 0% hingga 20% (minus 20%) lebih rendah dari harga min, maka kita dapat memastikan prestasi kontraktor yang membida kerja itu dapat kita jamin kualiti kerjanya dan siap pada waktu dan tempoh yang ditetapkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya terima kasih. Saya nak minta sikit komen kepada YAB Menteri Besar, Kerajaan Negeri dia punya pendapat dan pandangan sama ada sistem ini memang kita akui memang yang terbaiklah di praktis. Jadi bagaimana dengan anggaran yang dibuat oleh pihak jabatan, apakah itu membawa makna bahawa anggaran itu tidak tepat ataupun apa sebenarnya implikasi daripada anggaran-anggaran yang dibuat oleh pihak jabatan-jabatan negeri. Sebab jabatan pun ada kemampuan dari segi teknikal membuat pengukuran dari segi kadar dan sebagainya. Jadi bagaimana nak mengatakan itu sebagai satu kaedah yang terbaik sebab jabatan itu sendiri sewajarnya juga sepatutnya sudah ada kaedah atau cara membuat bajet yang lebih tepat untuk tujuan sesuatu projek itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya terima kasih Yang Berhormat Permatang. Seperti yang kita sedia maklum dalam membuat anggaran di peringkat jabatan itu dimasukkan juga dalam *cut off* dan anggaran yang dibuat oleh jabatan. Dalam semua anggaran atau pun unjuran sama ada di peringkat jabatan ataupun di peringkat negeri sekali pun unjuran dan anggaran ini sebagai satu panduan sahaja. Tetapi apabila spesifikasi yang ditetapkan dalam kerja-kerja dan projek tersebut dapat diperhalusi dan dengan kaedah dan teknologi yang baru kita boleh melakukan penjimatan khususnya apabila kita melakukan tender terbuka. Sebab itu *cut off* itu juga diambil kira dalam membuat unjuran dan anggaran di peringkat jabatan dan apabila dibuat pembidaan secara terbuka sistem yang kita gunakan ini dapat diteruskan supaya penjimatan itu terus berlaku dengan menjamin kualiti kerja yang baik dan mengikut tempoh yang ditetapkan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan Ijok No. 155.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Di Ijok ada 7 sekolah rendah agama rakyat. Ijok perlukan satu sekolah menengah agama rakyat. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina satu ?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ijok bertanyakan berkaitan dengan sekolah menengah agama rakyat. Cuma saya nak pastikan sama ada Ijok maksud Ijok adalah sekolah menengah agama atau pun dan sekolah rendah agama ataupun sekolah rendah agama rakyat dan sekolah menengah agama rakyat.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Maksud saya ialah di Ijok terdapat 7 sekolah rendah agama rakyat. Lepas itu sekolah agama, lepas sekolah rendah agama mereka terpaksa berhijrah jauh keluar dari Ijok untuk mendapatkan pendidikan agama sekolah agama menengah luar pada Ijok. Jadi saya nak tahu apakah kriteria Kerajaan Negeri untuk membina satu sekolah menengah agama.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih saya kira apa yang di maksudkan Ijok adalah sekolah rendah agama. Sebab sekolah rendah agama rakyat biasanya adalah inisiatif penubuhannya oleh masyarakat atau pun pihak swasta atau pun jawatankuasa-jawatankuasa tertentu. Kita sedar bahawa di Ijok ada 7 buah sekolah rendah agama dan Ijok menanyakan sama ada, ada perancangan untuk membina sekolah menengah agama. Dan setakat ini memang tidak ada rancangan untuk membina sekolah menengah agama di kawasan Ijok pun begitu kita akan lihat kerana Kerajaan Negeri ada melihat beberapa inisiatif kita untuk mengujudkan sekolah Mahaad Tahfiz di Negeri Selangor. Dan kita jangkakan kita akan bina tiga buah maahad tahfiz dan kita lihat mungkin kita boleh fikirkan di kawasan Ijok itu di kawasan Ijok juga boleh ada perancangan untuk membina maahad tahfiz di sana. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan 156.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : E-CONSENT**

156. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Terangkan cara-cara kegunaan *e-consent* secara ringkas
- b) Berapakah permohonan yang telah di proses setia tahun sejak tahun 2007
- c) Adakah pengguna sistem ini perlu mengemukakan permohonan secara manual walaupun telah melengkapkan seluruh proses permohonan melalui *e-consent*?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku yang ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan *e-consent*. Untuk makluman Yang Berhormat terdapat 2 kaedah menggunakan *e-consent* iaitu melalui *consent2u*(<http://consent2u.selangor.gov.my>). Permohonan diisi oleh pemohon secara atas talian menggunakan sistem *consen2u* ini di alamat url seperti di atas. Selepas menghantar permohonan secara atas talian, pemohon perlu mencetak slip pengesahan berserta butiran pemohon dan penerima yang telah ditandatangani dan membawa bersama dokumen sokongan kepada Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan. Setelah permohonan diterima kerani akan membuat semakan ke atas data-data yang telah dimasukkan oleh pemohon. Permohonan seterusnya diproses ke peringkat perakuan dan kelulusan secara *on line*. Kaedah yang kedua ialah melalui kaunter pemohon perlu hadir ke kaunter dan menghantar permohonan, borang permohonan seperti biasa. Kerani akan membuat kemasukan data ke dalam sistem *e-consent* dan proses seterusnya akan dibuat secara *on line*. Untuk makluman Yang Berhormat semenjak tahun 2007 sebanyak 75,231 permohonan melalui *e-consent* dan *consent2u* telah diproses. Sehingga hari ini seperti yang saya nyatakan 75,231 permohonan telah di proses yang diluluskan sebanyak 72,856 dan yang ditolak sebanyak 373. Soalan yang ketiga adakah pengguna sistem ini perlu mengemukakan permohonan secara manual walaupun telah melengkapkan seluruh permohonan melalui *e-consent*. Pemohon tidak perlu mengemukakan permohonan secara manual, pemohon hanya perlu membawa slip pengesahan berserta butiran pemilik dan penerima yang dicetak melalui sistem *conseent2u* dan telah ditandatangani oleh pemilik dan penerima juga dokumen sokongan ke kaunter untuk disemak oleh Pejabat Tanah dan Daerah. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan. Saya meneliti jawapan YAB Dato' Menteri Besar, saya mendapati bahawa apa yang disebutkan sebagai *e-consent* dia tidak sepenuhnya e. Tidak e sepenuhnya iaitu masih ada kekurangan dari segi permohonan yang dibuat secara manual. Saya ingin bertanya kepada kerajaan memandangkan kerajaan perlu memproses lebih 1,000 transaksi tanah di PTG khususnya adakah kerajaan akan bercadang membelanjakan sejumlah wang untuk mengemas kini dan menaik taraf sistem ini kepada sistem yang e sepenuhnya untuk mengurangkan birokrasi menjimatkan masa dan meningkatkan keberkesanan dalam hal ehwal pentadbiran tanah. Ini soalan penting. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Cadangan itu memang ada dalam pemerhatian Kerajaan Negeri dan kita sedang berusaha untuk memastikan semua urusan pentadbiran khususnya di Pejabat Tanah ini dapat di perkemaskan menggunakan teknologi-teknologi baru termasuk yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dan beberapa langkah telah pun di ambil untuk mengemaskinikan seperti yang telah saya nyatakan baru-baru ini di pihak PTG sendiri mereka telah membangunkan satu sistem untuk

mempercepatkan dan menghalang proses birokrasi ini berterusan dan kita akan lancarkan pada awal tahun 2015 dan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini kita akan teliti dan saya percaya cadangan ini akan diambil serius oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan 157 telah habiskan, soalan 23, 158 telah di jawab bersekali dengan soalan 109. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan 159.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : BELANJAWAN 2014 DAN RIZAB NEGERI UNTUK BELIA DAN SUKAN**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Apakah pecahan penggunaan sebenar berbanding perancangan terhadap peruntukan sektor sosial untuk belia RM3.5 juta dan sukan RM8 juta bagi tahun 2014?
- b) Apakah pecahan penggunaan sebenar rizab negeri tahun 2014 berbanding perancangan, RM50 juta bagi pembangunan usahawan dan pemerksaan belia?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Taman Medan atas soalan beliau. Peruntukan keseluruhan jawatankuasa tetap belia dan sukan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM11 juta 500. Pecahan penggunaan peruntukan adalah seperti berikut:

- Untuk Projek Pembangunan Belia Peruntukan yang telah diberikan adalah sebanyak RM3.5 juta dan baki peruntukan yang ada pada sampai ke tarikh ini adalah sebanyak 5,192.00 ringgit bermakna ada 99 peratus telah dilaksanakan dan dijalankan.
- Yang kedua menaik taraf infrastruktur sukan, peruntukan yang telah diberikan adalah sebanyak RM800 ribu dan baki peruntukan yang ada pada ketika ini ataupun pada bulan November, awal November yang lalu ialah RM52,776.95 sen. Baki peruntukan ini kita telah menggunakan sebanyak 93 peratus daripada peruntukan yang telah digunakan.
- Yang ketiga, pembangunan sukan iaitu untuk SUKMA atau pun Sukan Selangor SUKSEL RM7.2 juta dan baki peruntukannya adalah RM363.04 sen dan dengan peruntukan yang digunakan adalah sebanyak 98 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat beberapa baki-baki yang tersebut sedang dalam proses untuk di putuskan di antaranya ialah naik taraf infrastruktur sukan kita sedang cuba untuk mendapatkan makluman daripada Majlis Daerah Sabak Bernam dan juga Majlis Perbandaran Selayang iaitu dua majlis yang belum kita peruntukan untuk naik taraf kemudahan sukan. Dan saya ada beberapa maklumat secara terperinci untuk Program Pembangunan Belia yang sebanyak RM3.9 juta itu saya, kita ada 12 program ataupun 12 perincian yang pertama peruntukan watakah pelantikan pertandingan *video clip* senamrobik dan sebagainya yang saya akan kemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat Taman Medan. Untuk infrastruktur juga saya ada maklumat terperinci dengan 9 Majlis Daerah yang telah kita peruntukan tidak termasuk dua daerah yang saya sebutkan tadi dan untuk peruntukan sukan juga saya ada perincian empat perkara yang meliputi kepada semua angka-angka yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan. Yang Berhormat EXCO belum jelaskan tentang penggunaan rizab negeri yang di peruntukan untuk pembangunan belia. Usahawan dan belia, usahawan belia pada tahun 2014 telah diluluskan penggunaan Rizab Negeri Selangor untuk tujuan pembangunan usahawan belia sebanyak RM50 juta.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Daripada maklumat EXCO yang sebelum ini dan EXCO yang ada di sebelah saya, setakat ini memang tidak ada digunakan sepanjang daripada penggal yang lepas, mungkin dana itu telah diumumkan namun program itu belum sempat di rangka dan dilaksanakan. Sebab kita ada program yang kita dah ada ini meliputi RM11 juta ini pun kita sudah, sudah ada dan ia melibatkan dua tiga *Standco* yang lain terhadap perkara tersebut.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan, saya mohon penjelasan lagi, kalau sekiranya telah diluluskan dalam sidang belanjawan lepas, ya, penggunaan Rizab Negeri Selangor untuk Pembangunan Usahawan Belia, jadi apakah dia tak digunakan akan di bawah ke hadapan untuk digunakan pada tahun 2015.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Taman Medan. Taman Medan saya kira kita perlu, kita perlu membezakan di antara dua perkara. Pertama belanjawan iaitu perkara yang ada dalam kira-kira kewangan negeri dan kedua penggunaan rizab. Saya rasa dalam belanjawan yang lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang lepas terangkan bahawa penggunaan rizab itu di luar, di luar daripada belanjawan yang diperuntukkan untuk 2014. Apa yang saya bentangkan tadi ialah perkara yang telah di bajet atau dibelanjawankan dan yang disebutkan RM50 juta itu adalah perkara di luar penggunaan rizab. Jadi penggunaan wang rizab itu tidak digunakan lagi dan saya kira ia masih ada di situ lagi dan belum

dilaksanakan, belum ada perancangan apa yang hendak digunakan dan apa program yang secara terperinci daripada untuk tahun tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan. Yang Berhormat EXCO tadi mengatakan wang berkenaan tidak digunakan. Saya nak tanya, ini satu kegagalan bagi saya buat bajet tak diguna kenapa sangat kenapa benda-benda macam ini boleh berlaku.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Batang Kali. Saya terangkan balik ya. Yang dikatakan di bajet dan dibelanjakan itu adalah peruntukan dan kewangan Kerajaan Negeri. Rizab ia akan di peruntukan untuk penggunaan daripada maklumatnya untuk peruntukkan sepenggal ya, satu penggal bukannya ikut tahun. Jadi wang itu masih ada dalam rizab negeri ya. Jadi kalau kita guna rizab negeri nanti pihak pembangkang pula kata dah tak ada duitlah sampai nak korek rizab ya. Jadi kita belanjakan apa yang ada daripada apa sekarang dan wang yang disebutkan permulaan rizab itu adalah komitmen pentadbiran yang lepas untuk menggunakan rizab setelah rizab mencecah lebih daripada dua ataupun dua perpuluhan enam bilion ringgit Malaysia. Jadi kalau ada permintaan-permintaan yang selebihnya kita akan kemukakan dalam program dalam masa depan ini untuk merancang program-program pembangunan usahawan dan belia. Ya kita kena terangkan bahawa bajet daripada belanjawan kita telah gunakan 90 peratus lebih. Yang itu penggunaan rizab yang boleh digunakan ia belum lagi digunakan untuk kerana ia bukan digunakan untuk satu tahun sebaliknya ia perancangan untuk satu penggal di pihak Kerajaan Negeri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dah dijelaskan tadi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tidak saya nak lagi sedikit penjelasan kerana bila kita membuat bajet selalunya ada permintaan. Jadi kalau dah buat bajet langsung tak guna ini satu kesalahan dalam membuat perkiraan. Itu sebab saya kata ini merupakan kegagalan yang sangat besar. Buat bajet tanpa mengambil kira tentang permintaan sebenar. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak apa soalan ini telah dijawab tadi.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Dia nak tahu bajet dengan apa yang kita rangkakan untuk satu penggal. Ya, bajet tah dah kita dah belanjakan yang itu bukan bajet itu *allocation* yang disediakan daripada rizab untuk digunakan jika diperlukan mengikut daripada cadangan Kerajaan Negeri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** OK. Soalan 160 telah dijawab bersekali dengan soalan 37. 160 telah dijawab dalam soalan 111. Bukit Melawati.

**Y. B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan 162.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: BAHU JALAN RENDAH – JABATAN KERJA RAYA**

162. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.

- a) Mengapa jalan-jalan negeri telah turap semula dengan *premix* dibiarkan bahu jalannya rendah.
- b) Apakah tiada peruntukan yang disediakan untuk bina semula bahu jalan selepas di *premix* semula jalan berkenaan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Melawati yang bertanya. Jalan-jalan negeri yang telah pun diturap semula dengan *premix*, bahu jalan ini juga akan dibina supaya selaras/searas dengan jalan. Begitu juga peruntukan bina semula bahu jalan selepas di *premix* ini termasuk di dalam kos-kos penyelenggaraan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya. Bukit Melawati

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO saya rajin berjalan. Sekarang ini kan cantik jalan-jalan. Tapi bila kita lihat bahawa bahu-bahu jalan itu rendah berbeza, kalau saya nak bincang cerita dulu dan sekarang, saya ada sebut ada warga emas dulu dan sekarang, beza jauh. Bila jalan itu dah cantik, tapi bahu jalan itu rendah bukan sahaja di Bukit Melawati malah di tempat-tempat lain boleh lah, Sg. Air Tawar pun mengaku bila saya timbulkan soalan ini. Bila kita berbasikal atau bermotor bila berlaku dua kenderaan besar menyebabkan tolakan kita akan ke bawah. Bawah tahulah nasib kita baik, kalau baik, tak baik. Tak nak cerita. Jadi bermakna kalau dulu bila JKR buat kerja kita tengok ketika itu siap jalan datang apa *grader* potong tanah merah cantik, sama-sama cantik jalan. Ini rendah, banyak jalan yang bahu jalannya rendah. Saya tak sebut lagi bahu jalan yang tinggi. Yang menakung air yang menyebabkan jalan rosak. Jadi saya tanya apakah langkah selepas ini membolehkan apabila siapkan bajet siapkan bahu jalannya sekali, jadi cantik jalan itu. Itu sahaja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih atas keprihatinan Bukit Melawati, terima kasih juga atas pujian bahawa jalan-jalan di Selangor ini telah mula baik, bagus *alhamdulillah*. Ada projek-projek yang *excercise* nya berbeza mana katanya turapan dan pembinaan bahu jalan ini *excercise* yang berbeza. Kadang-kadang kita anugerahkan projek misal kata untuk Kelas F di bawah RM200 ribu jadi bila diutamakan pembinaan jalan-jalan tetapi dalam masa yang sama juga kita minta pihak JKR atas keprihatinan selepas sahaja sepatutnya di buat selenggara jalan-

jalan yang baru ini seharusnya terus maknanya sekaligus dengan projek untuk memperbaiki bahu jalan ini dan dari sudut peruntukkan itu memang termasuk dalam kos penyelenggaraan jalan. Jadi dua *excel* yang berbeza jadi kita akan pastikan bahawa selepas daripada ini selepas sahaja ia diturap dengan baik begitu juga seterusnya terus langsung sepatutnya kerja-kerja untuk melaraskan bahu jalan ini juga laksanakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Selain daripada keperluan untuk membina bahu-bahu jalan ini juga kita dapati jalan-jalan terutamanya di kawasan kampung-kampung di luar bandar terdapat keperluan ya di kawasan tempat-tempat awam, seperti sekolah, surau, masjid dan sebagainya untuk tujuan-tujuan keselamatan perlu dibina bonggol-bonggol jalan dan juga *signage* dengan izin iaitu tanda-tanda supaya diperlahankan kenderaan. Selain daripada itu juga di kawasan persimpangan jalan itu memerlukan terutamanya lampu-lampu jalan pada waktu malam.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan speaker, keluar pada tajuk asal bahu jalan rendah.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Soalan asal.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini soalnya ialah adakah keperluan-keperluan ini perlu dibina oleh kerajaan sendiri sedar tentang keperluan-keperluan ini dan apa rancangan untuk orang kata untuk membina keperluan-keperluan tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** EXCO boleh jawab jika mahu, kalau keluar dari tajuk soalan. Tak jawab. Kampung Tunku sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Saya lihat soalan ini adalah satu sahaja sebabnya ialah kekurangan pemantauan. JKR adalah satu jabatan yang saya rasa memerlukan penyediaan dan pemantauan yang teratur tapi bukan sahaja di bahagian dewan tapi juga di bawah Yang Berhormat EXCO. Saya ingin bertanya YB EXCO berapa kali MMKN ataupun *Standco* Yang Berhormat berjumpa dengan JKR sebulan. Kalau tak sampai sekali sebulan, adakah perkara ini akan diperbaiki pada tahun 2015. Ini soalan penting.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih di atas keprihatinan Kampung Tunku di atas permasalahan pemantauan dan sebagainya. Bagi *term* yang baru ini kita baru enam puluh hari dan kita secara *STANDCO* secara rasminya menyuruhnya baru sekali, tetapi dari sudut pertemuan-pertemuan kerap di adakan. Saya difahamkan bagi tempoh yang lepas di adakan pertemuan secara berkala bersama dengan JKR sudah pasti mungkin sebulan sekali seperti mana yang diakui oleh EXO yang utama yang meng *incharge* infra ini dan kita pastikan untuk tahun

yang mendatang ini pemantauan ini harus kita rangkakan dengan cukup efektif dan terbaik. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan 163 telah di jawab dalam soalan 97, soalan 164 telah dijawab dalam soalan 150. Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDZWAN:** Soalan 165.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : MAHAD TAHFIZ SAINS**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Berapakah jumlah Maahad Tahfiz Sains yang sudah di bina oleh Kerajaan Negeri dan berapakah jumlah sasaran pembinaan menjelang 2017?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Gombak Setia. Berkenaan dengan Maahad Tahfiz Sains setakat ini kita ada tiga buah maahad tahfiz sains yang menggunakan bangunan yang sedia ada dan dalam perancangan dan kita akan membina tiga buah lagi, satu buah maahad tahfiz sains integrasi yang siap dibina di Alam Impian dan *Insyah-Allah* tahun hadapan akan berfungsi dan *Insyah-Allah* dalam perancangan ini kita akan membina tiga buah lagi Maahad Tahfiz Sains Integrasi ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang bilangan Maahad Tahfiz Sains yang masih tidak mencukupi yang saya ingin tahu lebih lanjut dari Yang Berhormat ialah walaupun ada cadangan untuk membina bilangan Maahad Tahfiz Sains yang lebih banyak kita tidak dimaklumkan secara terperinci di mana dan bila ia akan di bina. Kita juga tidak dimaklumkan berapa peruntukan yang akan di peruntukan oleh Yang Berhormat oleh Kerajaan yang spesifik, berapa satu, berapa banyak yang perlu di belanja untuk membina satu sekolah ini. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat memberi maklumat yang lebih kepada dewan yang mulia ini.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN KHAIRI:** Terima kasih Kampung Tunku. Sebenarnya pembinaan perancangan pembinaan tiga buah maahad tahfiz ini adalah menggunakan kita rancangkan untuk gunakan wang rizab yang kita telah umumkan di dalam kerajaan yang lalu dan secara *detail* nya saya akan memberikan kepada Kampung Tunku secara bertulis. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan 166 telah dijawab dalam soalan 84. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan saya 167.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : MASALAH PENDAPATAN PETANI NEGERI SELANGOR**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Berapakah purata pendapatan petani negeri Selangor mengikut bidang pertanian seperti penanam kelapa sawit, penanam padi, sayur-sayuran dan nelayan?
- b) Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani dan nelayan?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk program ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Kota Anggerik yang bertanya. Purata pendapatan petani yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Selangor pada tahun 2013 bagi sektor utama tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan adalah seperti berikut:

- Tanaman padi bilangan petani 9084 dan purata pendapatan ialah RM1200
- Tanaman sayur-sayuran bilangan petani 345 dan purata pendapatan RM4,900 sebulan
- Bagi tanaman buah-buahan bilangan petani 588 dan purata pendapatan RM1729.00 sebulan.

Langkah kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani adalah seperti berikut:

- Memastikan pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berterusan melalui program peningkatan hasil padi negeri Selangor dan Program *Natural Farming* kawasan padi. Melalui program ini peningkatan hasil padi adalah memberangsangkan manakala Program *Natural Farming* membantu dalam mengurangkan kos operasi petani serta menjana pendapatan tambahan hasil jualan produk *natural farming*.
- Dan yang keduanya memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mengujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di mana terdapat 12 kawasan TKPM di negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri

dan ternakan. Melalui program ini petani dibimbing untuk melaksanakan projek pertanian secara komersial, hasil pertanian yang dipersijilkan dengan MyGAP dan SOM untuk mencapai sasaran purata pendapatan bulan sebanyak RM 3000.00 sebulan.

- Yang ketiga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah melaksanakan Program Pemulihan Dan Penanaman Semula Kelapa sejak tahun 1998. Program ini masih diteruskan sehingga kini dengan memberi tumpuan kepada kaedah integrasi tanaman di mana penanaman kelapa diselangkan dengan tanaman kontan atau integrasi dengan kelulut sebagai usaha bagi meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil kelapa melalui hasil tanaman kontan dan madu kelulut ini.
- Dan yang keempat meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan MyGAP dan SOM. Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia. Hasil yang dikeluarkan dari ladang telah diberi pensijilan SOM pula boleh dilabelkan sebagai produk organik dan produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang tinggi atau premium.
- Dan yang kelima, Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani turut di laksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman contohnya seperti kerepek, minyak kelapa dara, kuit tradisional, pasti, bakeri dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2014 jumlah peruntukan yang disediakan bagi menyokong program peningkatan pendapatan adalah berikut :

Bagi tahun 2014 seperti mana yang dimohon bajet pembangunan sebanyak RM10 juta dan bajet mengurus RM19 juta. Rasional peruntukan tersebut di agihkan adalah untuk menyokong program-program yang telah pun dijalankan yang telah pun disusun. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan. Kalau kita lihat petani-petani yang menjalankan *sea* organik ini nampaknya dapat meningkatkan pendapatan. Apa usaha kerajaan sekurang-kurangnya 80 peratus petani padi dapat melaksanakan program ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kota Anggerik. Berkenaan dengan *Program Natural Farming* seri tadi pihak kerajaan, saya sendiri telah pun turun melihat bengkel-bengkel yang telah pun ada di lapangan sebanyak 12

bengkel. Walau bagaimanapun, difahamkan hanya 12 sahaja yang bergerak aktif. Kita tahu bahawa program ini sangat baik, jadi di pihak kerajaan sedang meneliti apakah sebenarnya kekangan-kekangan yang dihadapi oleh petani dan pihak kerajaan sangat berminat untuk membantu mereka bagi meneruskan usaha ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan. Dewan ini dimaklumkan beberapa tahun yang lalu bahawa kita ada satu Program *Stimulasi* Ekonomi Negeri Selangor. Salah satu sasaran ialah untuk meningkatkan produktiviti dan juga pengeluaran padi di Sabak Bernam dan juga Sungai Besar. Soalan saya ialah apakah pencapaian produktiviti petani-petani di kawasan ini pada masa sekarang kerana produktiviti ada kaitan langsung dengan pendapatan. Dahulu dikatakan lima tan sehektar terlalu rendah, sampai di kawasan Sekinchan dia boleh sampai kedua belas ke tiga belas tan sehektar dan pencapaian atau pun sasaran kerajaan sekurang-kurangnya tujuh hingga lapan tan sehektar. Saya ingin dapatkan sama ada apakah pencapaian pengeluaran ataupun produktiviti petani-petani padi di negeri Selangor pada masa sekarang dan sekiranya kita masih tidak capai tujuh (7) hingga lapan tan (8) sehektar apakah masalah dia.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih, saya rasa persoalan tentang peningkatan hasil padi ini telah pun dijawab pada soalan hari ini pun telah di jawab pada sebelum daripada hari ini. Seperti mana yang kita tahu pendapatan petani 6.4 metrik tan sehektar dan kita *target* meningkat kepada tujuh (7) metrik tan seekar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan saya adalah apakah masalah dia, punca dia.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Masalahnya, punca nya. Punca. Jelaskan soalan apakah puncanya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Punca tidak sampai tujuh (7) hingga lapan (8) tan sehektar. Kita sudah lima empat tahun.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Dia sebenarnya banyak, banyak punca-puncanya, punca-puncanya dan seperti mana yang dijawab semalam banyak juga program-program telah pun kita laksanakan. Antaranya yang besarnya tentang sikap, tentang masalah sikap, seperti mana yang disebutkan tadi Sekinchan boleh sampai 12 metrik tan sehektar tapi ada hanya sampai empat lima dan sebagainya. Jadi melalui program-program yang pernah saya sebut sebelum ini antaranya ialah Program Pembangunan Modal Insan kepada petani ini juga harus diberikan penekanan termasuk juga program-program penggunaan teknologi-teknologi baru yang diperkenalkan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong.

**Y. B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan saya no. 168.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK : RIZAB PBT**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah rizab kewangan secara bersih bagi PBT masing-masing.
- b) Nyatakan perancangan untuk menggunakan rizab untuk projek berkepentingan orang awam mengikut PBT masing-masing.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, Terima kasih kepada Balakong. Jumlah rizab kewangan PBT setelah mengambil kira liabiliti semasa berdasarkan penyata kewangan tahun 2013 yang telah diaudit adalah seperti berikut. Untuk MBSA rizab 37.57 juta, MPPJ 308.25 juta, MPAJ 69.43 juta, MPSJ 67.03 juta, MPS 6.01 juta, MPKJ 97.78 juta, MBSP 84.12 juta, MDHS 11.58 juta, MDKL 12.3 juta, MDSB 7.99 juta. Projek berkepentingan orang awam di rancang oleh PBT dengan menggunakan peruntukan pembangunan seperti mana ianya dimasukkan ke dalam anggaran perbelanjaan setiap PBT. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sedang melihat semula jumlah rizab PBT berikutan ianya perlu bersesuaian dengan keperluan PBT tersebut. Dengan fungsi PBT memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Timbalan Speaker. Soalan saya 169

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(SELAT KLANG)**

**TAJUK : MASALAH PENGURUSAN BANGUNAN PANGSAPURI KOS RENDAH  
OLEH JMB KHUSUSNYA DI SRI PERANTAU**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Semua maklum bahawa majoriti JMB yang mengendalikan Pangsapuri Kos Rendah tidak mampu. Bagaimanakah Kerajaan Negeri merungkai masalah berangkai keadaan ini secara praktikal?
- b) Pembeli rumah jenis ini menghadapi masalah rumah dilelong kepada pembeli yang BUKAN MISKIN. Apa tindakan kerajaan?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dan Tuan Speaker. Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri dengan ruang dan kuasa yang terhad bagi membantu JMB terutamanya di Pangsapuri-pangsapuri Kos Rendah seperti mana yang kita tahu bahawa terdapat begitu banyak program-program yang dikhususkan untuk mereka yang tinggal di Pangsapuri Kos Rendah di antaranya adalah:-

- i) Melaksanakan program pendidikan dan pemberdayaan penduduk pangsapuri kos rendah secara bersepadu bersama pelbagai agensi melalui satu program yang dikenali sebagai Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria dan Harmoni.
- ii) Memberi insentif dan galakan kepada komuniti pangsapuri kos rendah supaya bekerjasama dengan aktiviti keselamatan dan pencegahan jenayah melalui satu skim yang dinamakan sebagai Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor ataupun SEROJA.
- iii) Melaksanakan program pemberian air percuma bagi pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal yang dikenali sebagai Selangor Free Water Scheme (SAFWA).
- iv) Melaksanakan program pemberian diskaun cukai pintu kepada penduduk pangsapuri kos rendah yang bertujuan untuk mengurangkan beban penduduk pangsapuri kos rendah sekali gus membantu JMB mengutip caj penyenggaraan.
- v) Memberi bantuan baik pulih kerosakan harta bersama melalui Skim yang dipanggil CERIA ataupun *Government for Residents Improvement Aid* ataupun skim baik pulih negeri berkebijakan yang berkonsepkan perkongsian kos di antara Kerajaan Negeri dan penduduk. Skim CERIA ini juga telah dilebarkan untuk memberi fokus kepada usaha-usaha untuk membaik pulih flat ataupun untuk membaik pulih lif yang dinamakan sebagai program LECERIA dan juga program CERIA ini juga untuk membantu mereka yang duduk di pangsapuri untuk membuat migrasi daripada meter pukal kepada meter individu dan program ini dipanggil sebagai CERIA PERMAI.

Kerajaan Negeri juga melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sering kali bertindak sebagai mediator dalam membantu menyelesaikan masalah dan pertikaian yang dihadapi oleh JMB melalui satu badan atau satu Mesyuarat atau forum yang dinamakan Mesyuarat Pemudah Isu-isu Hartanah Bertingkat (PRIHATIN). Walau bagaimanapun selepas ataupun mulai tahun 2015 apabila Akta 757 diguna pakai maka PRIHATIN ini akan diganti dengan TPS ataupun Tribunal Perumahan Berstrata.

Kerajaan Negeri juga melalui LPHS telah menjalankan proses pendakwaan terhadap pemberi yang ingkar membayar caj di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007(Penyenggaraan dan Pengurusan) (Akta 663) sejak daripada Jun 2012.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif dengan melancarkan kursus Kurikulum Pengurusan Bangunan Berstrata ataupun FOKUS mulai 2 Mac 2014 yang bertujuan untuk mendidik atau memberi latihan kepada mereka yang menjadi Ahli Jawatankuasa JMB serta Ahli-ahli Majlis Perbandaran Pengurusan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan dalam mendepani cabaran dalam menguruskan pangsapuri mereka.

Khusus kepada Pangsapuri Seri Perantau, Kerajaan Negeri telah menjalankan Kempen Pangsapuri Kita Bersih Ceria dan Harmoni berserta pelancaran Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan pada 2010. Manakala Pangsapuri Seri Perantau Blok B, C, D, E dan F yang telah mempunyai JMB telah pun ditawarkan bantuan baik pulih lif di bawah skim LECERIA pada 11 Julai 2014. Walau bagaimanapun tiada maklum balas yang diterima daripada setiap JMB sehingga kini. Mungkin Yang Berhormat dapat membantu Kerajaan Negeri.

Untuk soalan yang kedua tentang pembeli rumah jenis yang menghadapi rumah mereka ataupun isu-isu di mana Rumah Kos Rendah itu dilelong. Kerajaan Negeri amat memandang serius masalah unit-unit Rumah Kos Rendah yang dilelong kerana kegagalan pembeli atau peminjam membayar semula ansuran pinjaman yang telah ditetapkan sebagaimana di dalam aku janji pinjaman perumahan yang ditandatangani dengan bank atau sumber pinjaman kewangan.

Dalam perkara ini, pihak bank atau pemegang gadaian mempunyai hak untuk mengambil pemilikan rumah sekiranya pembeli atau penggada melanggar apa-apa perjanjian termasuk gagal membayar ansuran pinjaman perumahan. Tindakan melelong Rumah Kos Rendah ini adalah selaras dengan Seksyen 260 Kanun Tanah Negara di mana pemegang gadaian memohon kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi mendapatkan suatu perintah supaya tanah yang tergadai itu dijual secara lelongan.

Untuk menyelesaikan masalah ini, pernah dibincangkan dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi satu kajian di mana satu tabung diwujudkan untuk membantu mereka yang menghadapi masalah untuk membayar ataupun untuk melunaskan tunggakan-tunggakan kepada bank-bank yang terlibat bukan bermakna bahawa kita nak memberi mereka bantuan kewangan supaya mereka dapat membayar pinjaman mereka tetapi mungkin Kerajaan Negeri yang akan mengambil alih rumah-rumah tersebut bukannya mereka daripada pihak luar membelinya dan kemudian disewakan kepada mereka yang terlibat dan sekiranya mereka kemudian mampu untuk membelinya kita akan pulangkan kepada mereka untuk membelinya menggunakan pinjaman bank. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Timbalan Speaker. Soalan Tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Oleh kerana kita saya rasa semua maklum bahawa kepadatan di tempat pangsapuri kos rendah di seluruh Selangor ini di sinilah kalau kita nak jumpa orang yang miskin. Soalan saya kepada Kerajaan sanggup ke Kerajaan menganak angkat pangsapuri kos rendah ini dan mewujudkan satu *task force* yang khusus bagi memastikan segala isu dan masalah dengan KPI dengan masa waktu yang telah ditetapkan supaya satu persatu boleh dirungkaikan masalah ini. Mungkin sekarang ini ia secara terpisah, dia kena semua *STANDCO*, semua jabatan dan agensi kerajaan yang diperlukan termasuk yang saya kemukakan di sini kes lelong dan sebagainya difikirkan secara menyeluruh oleh Kerajaan. Fokus untuk orang miskin cuba di apakan di pangsapuri kos rendah.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat itu sebab diwujudkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengujudkan menjenamakan semula *STANDCO* setingga kepada *STANDCO* kehidupan bandar. Kehidupan bandar ini kita bukan sahaja nak *capture* dengan izin mereka yang tidak berkemampuan yang duduk di pangsapuri tapi di seluruh pangsapuri kos rendah tetapi di seluruh kawasan bandar jadi bermakna ia memang betul dan ia akan ditangani oleh Jawatankuasa Tetap Kehidupan Bandar. *Insyah-Allah*.

**TIMBALAN SPEAKER:** Soalan 170 telah dijawab bersamaan 37. Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker, soalan No. 171.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(KAJANG)**

**TAJUK : AGENDA PEMBERDAYAAN WANITA**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta Kerajaan Negeri nyatakan jumlah statistik golongan ibu tunggal yang menerima manfaat daripada skim mikro kredit kerajaan.
- b) Apakah rancangan untuk memartabatkan kaum wanita dalam bidang keusahawanan dan profesionalisme?
- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu NGO wanita membanteras keganasan rumah tangga?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kajang. Tuan Speaker Kerajaan Negeri sentiasa komited dan berusaha membantu ibu tunggal di negeri Selangor melalui program-program ekonomi seperti Skim Mikro kredit Miskin Bandar ataupun MIMBAR dan skim mikro kredit luar bandar. Sehingga Oktober 2014, Program Mikro kredit Miskin Bandar Selangor ataupun MIMBAR telah berjaya membiayai 3,186 wanita di bandar-bandar Negeri Selangor di mana 592 orang

ataupun 18.58% daripada golongan wanita tersebut adalah ibu tunggal. Jumlah pembiayaan yang telah diterima oleh ibu tunggal setakat 31 Oktober 2014 adalah sejumlah RM1,211,907. Statistik bilangan ibu tunggal yang menyertai MIMBAR Selangor dari tahun 2011 sehingga 2014 mengikut zon-zon bandar di Selangor saya apa ni bilangan keseluruhan ibu tunggal untuk MIMBAR adalah sejumlah 592 orang. Sementara skimSel ataupun Skim Mikrokredit Luar Bandar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan berdasarkan rekod ramai golongan ibu tunggal yang telah pun bersama-sama dalam program ini. Statistik golongan ibu tunggal yang menerima manfaat daripada Skim Mikrokredit Selangor adalah sejumlah 2,003 orang. Jadi keseluruhan ibu tunggal yang bersama dalam kedua-dua Skim Mikrokredit ini adalah sejumlah 2,595 berbanding statistik ibu tunggal yang ada di apa ni yang Kerajaan Negeri mempunyai maklumat iaitu sejumlah 17,184 bermakna 15% daripada ibu tunggal telah pun dibantu melalui kedua-dua Skim Mikrokredit Miskin Bandar dan juga Skim Mikrokredit Luar Bandar.

Kerajaan Negeri komited dalam memartabatkan kaum wanita dalam bidang keusahawanan dan *profesionalisme*. Justeru itu, melalui kedua-dua program ini yang bertindak sebagai serampang dua mata dapat memenuhi objektif pertama iaitu penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan dan profesionalisme manakala objektif kedua adalah mengeluarkan golongan ibu tunggal ini daripada kelompok kemiskinan. Sehingga kini terdapat seramai 4,829 orang dari golongan ibu tunggal atau 73% memperoleh pendapatan dari RM1,000.00 ke RM5,000.00 dan dijangka akan terus meningkat.

Selain itu Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga akan merangka program-program melalui Pusat Wanita Berdaya untuk melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti bagi wanita-wanita ini dalam bidang keusahawanan dan profesionalisme.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dengan kerjasama NGO di negeri Selangor telah merangka pelbagai program serta kempen dalam usaha membanteras keganasan rumah tangga. Antara program yang telah dilaksanakan adalah *Women Against Crimes* dan *One Stop Crisis Centre*. Manakala *at wokasi gender* dan hormat wanita masih dalam proses pelaksanaan. Program ini akan ditambah baik dan akan dijadikan program tetap Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dalam membanteras keganasan rumah tangga.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Soalan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya nak tanya EXCO tahniahlah ya kita dapat satu pencapaian yang baik tetapi apakah *target* dan jaringan ini akan diperluaskan kerana kalau 15% ataupun 18% sahaja iaitu merupakan golongan yang kecil walaupun mereka mendapat

pertolongan tetapi kita mesti lebar luaskan lagi apakah perancangan yang selanjutnya dan *follow up*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kajang. Kalau kita melihat statistik ibu tunggal ya sejumlah 17,184 orang kebanyakan mereka, mereka terbahagi kepada dua sama ada golongan muda ataupun golongan warga emas. Jadi kita belum ada saya tidak ada angka berapakah golongan warga emas jadi kita perlu membantu golongan ibu tunggal yang di bawah usia warga emas. Jadi untuk masa kini 15% ini kita akan tingkatkan di masa akan datang di dalam program-program ekonomi ini. *Insyah-Allah*.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan Tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada pihak EXCO apakah kita dalam konteks untuk memartabatkan kaum wanita dalam bidang usahawan, apakah kita tidak ada ataupun ada rancangan apakah kita ada rancangan untuk wanita-wanita selain ibu tunggal untuk kita berikan program-program keusahawanan dan dalam konteks usahawan bukan mikro sahaja tetapi usahawan dalam, dalam tahap yang lebih tinggi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Pihak Jawatankuasa Tetap Wanita sentiasa memikirkan apa yang terbaik untuk meningkatkan ekonomi wanita dan juga profesionalisme wanita. Jadi untuk meningkatkan bilangan usahawan wanita, tidak semestinya ibu tunggal tetapi keseluruhan wanita yang berminat di dalam bidang keusahawanan. Buat masa kini di bawah PWB juga kita ada ramai bilangan wanita-wanita yang telah pun berjaya yang mempunyai produk-produk mereka yang telah pun ada premis-premis ataupun kedai-kedai mereka, menjual barangan-barangan mereka dan di bawah PWB yang dikelolakan oleh EXCO sebelum ini, Y.B. Batu Tiga, akan dilaksanakan satu program untuk membantu usahawan-usahawan wanita yang dinamakan PWB MART. Jadi, yang ini *Insyah-Allah*, kita akan teruskan ya apa yang telah pun dilaksanakan oleh Batu Tiga sebelum ini.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Ok, saya ingin bertanya kepada EXCO. Terima kasih Tuan Speaker. Apakah masalah yang menyebabkan hanya penyertaan hanya 595 daripada 17,184 ya ibu tunggal. Terlalu sedikit penyertaan. Apakah ada kekangan ataupun tidak ada penerangan terus ke akar umbi menyebabkan terlalu sedikit penyertaan ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Bernam. Untuk Mimbar, yang mana 592 orang kalau kita maklum bahawa Mimbar ini adalah untuk golongan penduduk yang berada di bandar dan SkimSel adalah untuk golongan penduduk yang tinggal di luar bandar. Jadi untuk, untuk 592 orang ini memang kita lihat ianya agak rendah dan *Insyah-Allah* kita akan pertingkatkan lagi penglibatan wanita dan juga ibu tunggal. Kerana di bawah Mimbar ia bukan hanya untuk wanita sahaja seperti SkimSel ya, tetapi adalah untuk kesemua gender. Jadi, *Insyah-Allah* kita akan pertingkatkan lagi penerangan tentang kejayaan skim MIMBAR ini untuk, untuk melibatkan lebih ramai orang untuk bersama dalam program ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan Tambahan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk mengadakan atau melaksanakan dasar wanita niaga selaras dengan agenda wanita Malaysia yang telah dilancarkan pada 13 September 2012 ini? Memandangkan Negeri Selangor merupakan negeri yang pertama mempunyai dasar belia negeri. Sekian terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Teratai. Cadangan yang baik untuk kita memberdayakan lagi wanita di Selangor di bidang perniagaan. Jadi, insyallah di bawah Jawatankuasa Tetap Wanita kita akan mempertimbangkan untuk melaksanakan program dasar wanita niaga di Selangor. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya 172.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PROGRAM BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengeluarkan garis panduan untuk menambahbaikkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan?
- b) Nyatakan kekerapan mesyuarat pemilihan penerima bantuan program tersebut diadakan?
- c) Apakah sebabnya penerimaan bantuan mesin memakan masa 6 hingga 12 bulan selepas permohonan diluluskan?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya pohon izin untuk menjawab soalan 172 ini bersama dengan soalan 180 daripada Yang Berhormat Teluk Datuk dan juga soalan 227 daripada Yang Berhormat Kota Anggerik dan juga soalan daripada 292 daripada Yang Berhormat Paya Jaras.

Tuan Timbalan Speaker, paras garis kemiskinan Negeri Selangor bagi secara dasarnya telah ditetapkan sebanyak RM1,500.00 seisi rumah melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 2009 pada Januari, pada 7 Januari. Di antara program utama bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan yang dijalankan dalam usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan adalah Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Program tersebut bertujuan membantu meningkatkan taraf ekonomi dan taraf hidup golongan berpendapatan rendah menerusi pemberian bantuan peralatan dan atau mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Kerajaan Negeri amat prihatin dalam meringankan beban rakyat terutamanya yang melibatkan golongan berpendapatan rendah. Justeru itu, Kerajaan Negeri bersedia menambah baik program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat cadangan-cadangan atau syor-syor penambahbaikan. Selain itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan juga akan membuat kajian secara menyeluruh bagi menambah baik program ini dalam memastikan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu sejajar dengan peningkatan taraf hidup dan perkembangan ekonomi semasa serta berupaya menghasilkan impak positif dan berkesan secara berterusan. Berdasarkan perancangan tahunan, Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan penerima bantuan peralatan di bawah Bantuan Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diadakan sebanyak 9 kali setahun mengikut daerah. Walau bagaimanapun, ianya juga bergantung pada keperluan semasa. Sebagai contoh, pemilihan penerima bantuan bagi 2 daerah diadakan secara bersekali dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan yang bertujuan untuk mempercepatkan proses pemilihan bagi tahun 2013 sebanyak 3 mesyuarat telah diadakan. Manakala bagi tahun 2014 sebanyak 4 mesyuarat telah diadakan. Pada tahun 2008 hingga 2013, proses keseluruhan kelulusan bagi program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dikendalikan sepenuhnya oleh Seksyen Sektor UPEN. Proses dan prosedur terlibat meliputi lawatan tapak dan siasatan. Penyediaan laporan siasatan berserta senarai pendek penerima bantuan yang layak menerima bantuan, urus setia bagi mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan peralatan di bawah Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dan proses perolehan secara sebut harga bagi pembelian peralatan. Keseluruhan proses ini kebiasaannya mengambil masa 6 bulan sehingga setahun memandangkan bilangan permohonan yang diterima adalah terlalu tinggi. Namun begitu, bagi mempercepatkan kelulusan permohonan atas desakan pengerusi, atas desakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan pada 2 Disember 2013, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan melalui pihak UPEN telah menurunkan kuasa kepada Pejabat Daerah dan Tanah bagi melaksanakan beberapa proses atau prosedur meliputi siasatan dan lawatan tapak. Penyediaan

laporan siasatan berserta senarai pendek penerima bantuan yang layak dipertimbangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan. Dan proses perolehan secara sebut harga bagi pembelian peralatan berdasarkan penambahbaikan yang telah dijalankan didapati bahawa proses keseluruhan mengambil masa kira-kira 3 bulan.

Dalam pada itu, bagi menjawab soalan daripada Teluk Datuk, Yang Berhormat Teluk Datuk, sehingga 10 November 2014, kaum Melayu mencatatkan penerima bantuan seramai 1,749 orang iaitu 86%, 86.97% manakala kaum India dan Cina masing-masing mencatatkan seramai 197 orang, 9.8% dan 65 orang, 3.23% statistik penerimaan bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan.

Dalam pada itu selain daripada program Pembasmian Kemiskinan, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Anggerik, *STANDCO* Kemiskinan juga ada program-program seperti program tajaan kemahiran teknikal melalui Kolej Antarabangsa INSPENS. Sehingga 10 November 2014 kaum Melayu Mencatatkan penerimaan bantuan seramai 1,315 orang iaitu 64.49% manakala kaum India dan Cina masing-masing mencatatkan seramai 570, 28.15% dan 140 orang, 6.91%. Statistik penerima bantuan program tajaan kemahiran teknikal melalui Kolej Antarabangsa INSPENS di Negeri Selangor. Kalau kita ada jadual, jadualnya boleh dipanjangkan kepada Kota Anggerik sebab terlalu besar dan juga program pemberian baucar sempena perayaan sehingga 10 November 2014, kaum Melayu mencatatkan penerima bantuan seramai 1,233,424 orang iaitu 78.82%, manakala kaum India dan Cina masing-masing mencatatkan seramai 189,325 orang iaitu 12.10% dan 142,026 orang, 9.8%. Jadual juga ada bersama dengan saya, boleh dipanjangkan kepada Yang Berhormat Kota Anggerik.

Program *Back To School* sehingga Januari 2013 penerima bantuan adalah seramai 577,200 orang. Juga jadual akan dipanjangkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker. Soalan tambahan saya, apakah ya ada kajian-kajian ukuran pendapatan setelah mereka, penerima-penerima ini menerima *Blueprint* daripada kerajaan memandangkan ianya merupakan satu program Pembasmian Kemiskinan? Jadi satu kajian, yang keduanya peratusan yang dapat dikeluarkan daripada, daripada kemiskinan sekarang ini dalam keadaan yang lebih selesa pendapatan mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga. Seperti yang telah dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini memang daripada siasatan daripada Sektor dan juga Pejabat Tanah telah menampakkan ramai juga memanfaatkan apa yang telah, bantuan yang telah diterima. Namun begitu tiada kajian ataupun satu perangkaan yang telah dibuat, maka kita

telah melantik, akan melantik, kita belum, belum lantik lagi, dalam kajian melantik UNISEL dan juga UNITAR dalam supaya membuat kajian secara menyeluruh di Negeri Selangor tentang untuk merangka dasar kemiskinan Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya tentang, tadi Yang Berhormat EXCO ada menyatakan tentang mengalu-alukan untuk langkah-langkah pembaikan terhadap program Pembasmian Kemiskinan. Jadi, apakah bentuk penambahbaikan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri berkaitan untuk mempercepatkan proses apa ni keputusan terhadap pemohon-pemohon bahawa kita faham permohonan ini ataupun program ini yang dapat dibantu oleh kepada rakyat ini adalah merupakan nilainya taklah besar tetapi yang jadi masalah adalah tentang berkaitan tentang tempoh menerima keputusan terhadap sama ada ditolak ataupun diterima itu jadi faktor utama yang menjadikan rakyat atau pemohon ini rasa kecewa.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan saya tadi, memang diakui bahawa sebelum 2013 ada berlakunya begitu lambatnya proses disebabkan sehingga daripada penerima borang permohonan daripada Pejabat Tanah selepas itu daripada siasatan penurunan, sebutan harga, pemilihan barangan semuanya dilakukan oleh Bahagian Sektoral. Kini lepas 2013 dan 2014 kita telah merangka supaya menambah baikkan, siasatan dilakukan oleh Pejabat Tanah di mana peranan Ketua Kampung dan juga Ketua-ketua Kampung Tradisi, Ketua-ketua Komuniti memainkan peranan utama dalam buat siasatan dan juga memberi ulasan. Ini telah menyebabkan meningkatkan dalam masa yang digunakan untuk menyiasat mereka, yang keperluan mereka dan juga bantuan peralatan tersebut, sebut harga tersebut dilakukan di Pejabat Tanah itu tersendiri. Mereka yang akan buat menerima sebut harga bagi barangan tersebut. Pejabat Tanah yang akan mengukur keperluan tersebut, barangan tersebut, maka kini telah disingkatkan masa yang daripada lama kepada baru. Namun begitu saya percaya saya telah beritahu juga kepada Pejabat Sektoral supaya peranan pejabat seperti ADUN dan juga Ahli Majlis boleh dimanfaatkan dalam hal ini supaya dapat mempercepatkan proses siasatan dan juga proses yang melibatkan barangan yang diperlukan. Dan juga urusan seperti kewangan. Kita masih lagi kekangan dalam urusan seperti sebut harga dan kewangan masih lagi kita perlu disingkatkan lagi. Dan UPEN masih dalam kajian bagaimana untuk boleh dapat mempercepatkan proses tersebut.

**Y.B. DATO' ROSNI BIN SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian. Masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul No.29 Tahun 2014, usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persilakan Kg. Tunku

**Y.B. TUAN LIAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menyambung perbahasan ucapan pencadang saya yang telah pun bermula semalam dan saya kesal dengan tindakan ADUN-ADUN UMNO yang keluar dari Dewan semalam. Saya kira baru ni mereka sudah keluar beransur-ansur. Tidak apa. Saya kira ini adalah satu tindakan yang kurang matang. Saya masih ingat bahawa terdapat pesanan daripada DYMM Sultan Selangor bahawa sebagai Wakil Rakyat kita harus menggunakan Dewan ni sebagai forum ataupun sidang yang paling penting untuk membincangkan isu yang berkaitan dengan rakyat. Ini adalah berkaitan dengan hak rakyat. Dan saya rasa gelanggang di DUN Selangor ini cukup luas sekiranya mereka berbeza pendapat mereka mempunyai peluang untuk melafazkan dan menerangkan pandangan mereka. Mereka boleh berbahas dengan ADUN-ADUN kerajaan. Dan sekiranya mereka meminta mereka boleh menjalankan meminta belah bahagi dan mengundi tidak sokong atau bantah dalam usul ini. Lalu mereka suara dan juga pandangan mereka akan dicatat dalam *handsard*. Ini saya rasa adalah cara yang lebih bermakna dan bukan keluar daripada Dewan. Jadi saya ini sekali lagi mencerminkan politik dendam dan sikap kebudak-budakan mereka, sikap ketidakanggapan, sikap ketidakberanian mereka untuk berbahas berdepan dengan fakta dan kebenaran.

Tuan Timbalan Speaker, saya telah mengatakan bahawa YAB Dato' Seri Perdana Menteri telah pun mengatakan pada tahun 2012 bahawa Akta Hasutan akan dimansuhkan. Dan beliau mengatakan ini dalam satu jamuan bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara. Di antara isi-isi kandungan ucapan beliau ialah, saya petik; "Peruntukkan yang dicadangkan dalam akta Keharmonian Nasional ini akan memberi penekanan kepada pemupukan semangat harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama."

Saya petik; "kerajaan akan memastikan peruntukkan akta ini tidak akan menjejaskan kuasa untuk menangani perbuatan seperti mendatangkan kebencian dan penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada Yang Dipertuan Agong atau mana-mana Raja."

Saya petik lagi; "Ia juga meliputi perbuatan untuk menimbulkan permusuhan antara kaum dan mempersoalkan apa-apa hak, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau birokratik yang dilindungi dalam perlembagaan. Kerajaan sedar ada pihak yang menganggap Akta Hasutan sebagai alat untuk merencatkan tindakan dan

pandangan yang tidak sehaluan dengan kerajaan. Namun menegaskan anggapan itu tidak berasas sama sekali. Dan ini lagi penting. “Lantaran itu peruntukkan baru ini tidak akan menghalang rakyat untuk mengkritik kerajaan dan pentadbiran keadilan. Sebarang perbuatan menghina mahkamah akan dikendalikan sendiri oleh pihak kehakiman melalui peruntukkan didalam kaedah-kaedah mahkamah yang sedia ada.

Akhir sekali ini ucapan Y.A.B. Perdana Menteri; pucuk pangkalnya kita mahu mencipta sebuah Malaysia yang mana prinsip hak asasi manusia dijunjung. Kebebasan individu untuk menyatakan pendapat secara terbuka diraihkan supaya kepentingan individu dan komuniti diimbangi.

Tuan Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perdana Menteri telah mengulangi janji hampir sama setahun kemudian iaitu pada 3 Julai 2013, tahun lalu sahaja. Begitu indahnya janji-janji Perdana Menteri pada masa itu tapi kini semuanya seperti sedia maklum telah berkecai dalam ucapan terbaru beliau dalam perhimpunan Agung UMNO ataupun nama singkatan PAU. Pendirian Perdana Menteri yang membelakangkan janjinya cukup menunjukkan sikap hipokrit ataupun dalam Bahasa Arab munafik. Sikap munafiknya amat tertunjuk dalam peristiwa ini. Respons parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain tentang pendirian terbaru Perdana Menteri ini juga sangat menarik. Pemimpin MCA dan MIC berkata keputusan ini tidak pernah dibincang dalam kabinet. Seolah-olah perkara ini belum dipersetujui oleh kabinet. Soalannya ialah bukan keputusan yang begitu penting ini perlu dan patut dipersetujui di peringkat kabinet terlebih dahulu. Jadi soalnya ialah mana satu lebih penting, kabinet atau PAU. Bagi rakyat Malaysia kabinet lebih penting, tapi bagi orang UMNO, PAU lagi penting. Ini yang mengesalkan kita.

Tuan Timbalan Speaker, ADUN-ADUN daripada UMNO pasti akan bertanya, walaupun mereka suda keluar, saya bertanya bagi pihak mereka. Mereka akan bertanya samada usul ini mendapat perkenan Majlis Raja-Raja kerana dikatakan Perkara 159 Sub 5 dalam Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa pindaan Perlembagaan menyentuh Bahagian 3 38, Perkara 38, Perkara 63 Sub 4 Perkara 70, Perkara 71 Sub 1, Perkara 72 Sub 4, Perkara 152 atau 153 tidak boleh dilulus tanpa perkenan Majlis Raja-Raja. Maka sukacita saya melafazkan sekali lagi di Dewan Yang Mulia ini bahawa usul saya ini tidak ada kena-mengena dengan perkara-perkara yang disebut dalam Perlembagaan seperti di atas. Malahannya ia juga tidak ada perkaitan langsung dengan pindaan perlembagaan Persekutuan. Jadi saya memohon pada pembangkang supaya jangan percaya, sekalipun jangan percaya tohmahan ataupun fitnah pak lebai “*sycho trooper*” UMNO. Jangan percaya sekali kerana ianya adalah untuk menipu rakyat, janganlah pula sendiri terkena tipu. Bagaimanapun kami telah berkali-kali menegaskan pendirian kami bahawa perkara dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 152 dan 153 akan kekal seperti sedia kala. Jika pun pembangkang ingin bertanya soalan ni, maka saya pun bertanya balik semasa Perdana Menteri mengisytiharkan lebih kurang dua tahun yang lalu bahawa Barisan Nasional akan memansuhkan Akta Hasutan saya bertanya kepada YB daripada UMNO Selangor, adakah mereka pernah bertanya

kepada Perdana Menteri samada cadangan beliau pada waktu itu telah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja. Saya pasti tidak. Tepuk dada tanya selera. Memang para ADUN UMNO Selangor pada waktu itu tidak pernah dan tidak perlu pun bertanya Perdana Menteri kerana ianya tidak berkaitan langsung dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan. Jauh sekali daripada menyentuh perkara-perkara yang dimasukkan dalam Perkara 159 Sub 4 dalam Perlembagaan Persekutuan. Dan apabila Kerajaan Persekutuan sudah bersedia untuk menggubal, menggubal Akta baru bernama Akta Keharmonian Nasional. Jadi saya bertanya dimanakah relevannya Akta Hasutan ini. Walaupun pada masa sekarang kita tidak tahu lagi apakah isi kandungan akta Keharmonian Nasional, tapi sekiranya kerajaan sudah bersedia untuk mengubah undang-undang baru, memansuhkan akta hasutan maka ini juga pernah, ini juga bermaksud bahawa akta hasutan ini tidak ada relevannya. Malah saya cukup ingin bertanya dengan lebih lanjut apakah relevannya UMNO mengekalkan undang-undang kuno yang diwarisi daripada penjajah Inggeris ini. Mengapa...adakah....mengapakah UMNO perlu bergantung kepada akta yang zalim ini, di mana hanya mereka yang disiasat dan didakwa dibawah akta ini sehingga sekarang kebanyakannya adalah ahli-ahli politik pembangkang. Dan yang terbaru ahli-ahli masyarakat Madani *Survivor Society* yang kritikal terhadap kerajaan Barisan Nasional. Kezaliman, Tuan Timbalan Speaker, kezaliman Akta Hasutan ini begitu menonjol melalui Seksyen 3 Akta ini. Seksyen 3 menyentuh tentang kecenderungan menghasut, "*Tendency of suddission*" di mana Sub Seksyen 31 menggariskan kesemua kecenderungan menghasut dimana perkataan-perkataan seperti kebencian, penghinaan, perasaan tidak setia, perasaan tidak puas hati, perasaan permusuhan, perasaan niat jahat, kesemua perkataan-perkataan yang dimasukkan ini yang terkandung dalam Seksyen 3, adalah terlalu samar, terlampau luas dan dia tidak khusus. Ini boleh dilihat dalam kes pendakwaraya lawan Dr. Wee Kee Sak *and others*. Dan mahkamah telah menetapkan bahawa, dengan izin, saya membaca dalam bahasa Inggeris, ini adalah penghakiman mahkamah pada masa itu; "*In my view what the prosecution has to prove and all the prosecution have to prove is that the words complain of or word equivalent in substance to those words, words spoken by accused number one at the dinner party. Once that is proved the accuse will be conclusively presumed to have intended the nature consequences of the verbal acts and it is therefore sufficient if his words have a tendency to produce any of the quotes stated in section 3 sub 1 of the Act. In his material whether or not the words complain of could have to effect of producing of did effect produce any of the consequences inhumanited in the section. It is also in material whether to inpunch word true or false and it is not open to the accuse to say that he did not intend his words to bear the meaning which that naturally there.*" But it must be....apa maksudnya. Sama ada sesuatu percakapan atau kenyataan itu benar atau tidak tak penting. Ini bermaksud juga sama ada seseorang itu mempunyai niat untuk menghasut semasa melafazkan sesuatu percakapan atau kenyataan juga tidak penting. Apa yang penting satu sahaja, iaitu yang dituduh dia dalam melafazkan percakapan atau penyertaan yang mempunyai kecenderungan menghasut seperti dalam Seksyen 3 Sub 1 Akta Hasutan. Sekiranya dia dalam melafazkan

percakapan atau kenyataan itu maka tertuduh dia akan disabit bersalah dibawah Akta Hasutan. Dan ini sebab saya mengatakan bahawa dalam usul ini saya kata Akta Hasutan ini zalim. Sezalim Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dan ini juga sebab saya membawa dalam usul ini, ke dalam Dewan Yang Mulia ini dan memohon kita mendesak kerajaan Persekutuan memansuhkan hari ini juga.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin membawa juga satu perkara yang menarik iaitu Seksyen 3 Sub 1 Sub A yang berbunyi seperti berikut; "Sesuatu kecenderungan menghasut ialah kecenderungan A ya bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau kerajaan. Mana-mana Raja atau kerajaan bukan sahaja Raja, kerajaan pun terlibat. Maksudnya apa, adakah ini bermaksud kerajaan Selangor hari ini dia boleh mendakwa mana-mana ADUN Pembangkang daripada Barisan Nasional, daripada UMNO khususnya atas tuduhan menghasut. Kerana kerja mereka adalah untuk mengkritik kerajaan. Musuh politik mereka adalah Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor. Mereka mengkritik Kerajaan Selangor maksudnya mereka menghasut. Menghasut kerajaan untuk membenci Kerajaan Negeri Selangor. Kalau dari segi undang-undang mengikut apa yang saya terangkan tadi, bersalah, menghasut. Begitu senang yang Ahli-ahli YB sekalian, begitu senang dan mudahnya akta ini disalahgunakan oleh kerajaan khususnya Kerajaan Barisan Nasional sehingga hampir kesemua mereka yang disabit bersalah adalah pemimpin daripada parti pembangkang dan seperti apa yang saya katakana tadi baru-baru ini aktivis-aktivis daripada *Survivor Society* yang kritikal terhadap kerajaan Barisan Nasional juga didakwa di mahkamah. Shah Alam, saya akan bawa.

Mengikut maklumat yang saya bawa, yang saya ada daripada gagasan Akta Hasutan, ini sedikit tergepar, saya harap perkara ini boleh diperjelaskan sekiranya ada kemampuan daripada Barisan Nasional, Peguam Negara dan Ketua Polis Negara pernah bermesyuarat bersama-sama 60 Ketua-ketua Bahagian UMNO pada 14 Ogos yang lalu.

Kita ingat tarikh ini ya 14 Ogos dan tidak lama selepas mesyuarat 14 Ogos ini para pengkritik kerajaan disiasat dan didakwa satu demi satu. Bermula dengan Ahli Parlimen Padang Serai didakwa pada 19 Ogos diikuti dengan Ahli Parlimen Shah Alam 24 Ogos dan menurut maklumat daripada SUARAM terdapat sekurang-kurangnya 20 kes yang sedang disiasat dan 12 kes pendakwaan di bawah Akta Hasutan pada tahun ini sahaja. Tetapi sebelum 14 Ogos ini hanya ada enam kes siasatan dan empat pendakwaan yang berlaku lebih awal daripada mesyuarat Ketua Polis Negara dan Peguam Negara dengan ketua-ketua bahagian UMNO itu. Peningkatan mendadak siasatan pengkritik kerajaan di bawah Akta Hasutan berlaku selepas 14 Ogos dan ini menimbulkan persoalan sama ada Ketua Polis Negara dan Peguam Negara kini bertindak sebagai ala politik UMNO dan Barisan Nasional. Soalnya amat jelas tetapi saya menunggu jawapan daripada UMNO dan Barisan Nasional dan saya pasti mereka juga akan bertanya di manakah letaknya perlindungan terhadap bahagian 3, perlindungan terhadap perkara 152, perlindungan terhadap

perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan jika Akta Hasutan dimansuhkan. Saya pasti ini adalah soalan yang akan ditanya khususnya oleh UMNO dan saya rasa ini adalah soalan yang remeh temeh dan saya akan jawab dalam perbahasan ini iaitu jawapannya ialah senang. Kita ada Kanun Keseksaan, kalau kita rujuk Kanan Keseksaan Bab 6 dan Bab 6A iaitu Seksyen 121 hingga seksyen 130G memperuntukkan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan terhadap negara dan kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan atau pun....Begitu juga kita ada seksyen 504 dalam Kanun Keseksaan tajuknya dengan sengaja mengaibkan dengan niat untuk membangkitkan pecah keamanan. Seksyen-seksyen yang saya sebut di dalam Kanun Keseksaan ini semuanya sudah ada dan cukup untuk menangani mereka yang mempunyai niat yang tidak baik untuk menimbulkan huru-hara di negara kita.

Selain itu kita masih ada lagi akta-akta seperti Akta Fitnah, Akta Komunikasi dan Multimedia dan lain-lain. Dan ini sekali gus menjadikan bahawa Akta Hasutan ini *refunfent* atau pun berlebihan tidak diperlukan. Oleh itu saya memohon dan mencadang sekali lagi ke dalam dewan yang mulia ini supaya kita bersatu padu untuk menuntut supaya Kerajaan Persekutuan memansuhkan Akta hasutan ini. Bagaimana zalimnya saya sudah terangkan tadi saya kata ia sezalim ISA. Enam tahun yang lalu saya membawa usul di dalam Dewan yang mulia ini untuk menuntut ISA dimansuhkan. Dan saya gembira kerana kalau saya tidak silap tahun berapa yang lalu ISA memang pun dimansuhkan. Saya berharap dengan panduan daripada Tuhan Yang Maha Esa hari ini saya bawa usul ke dalam dewan yang mulia ini untuk mansuhkan Akta Hasutan. Saya berharap dalam masa-masa dan tahun-tahun akan datang barang kali Akta ini juga akan dimansuhkan dengan Rahmat Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu saya memohon memohon mencadang, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ada penyokong ke.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Hulu Kelang sokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Siapa nak sokong.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya sokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang sokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah disokong, usul untuk dibahaskan. Sila Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Kampung Tunku, kita ucapkan tahniah atas sifat dan sikap yang konsisten dalam menentang akta yang zalim. Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah DUN Dewan Negeri Selangor yang merupakan dewan yang pertama membawa usul enam tahun yang dahulu untuk menentang dan berusaha untuk kempen menghapuskan ISA dan saya percaya dengan sokongan dan hujah-hujah yang kuat Selangor sekali lagi akan merekodkan satu kejayaan sebagai negeri yang pertama

Dewan Undangan Negeri untuk menentang dan berusaha mengisytiharkan akan agar perjuangan menghapuskan akta hasutan diteruskan. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini tentang akta hasutan yang datanginya dari Britain lebih awal lagi di diamalkan di Negara Inggeris tapi mula diperkenalkan pada tahun 1948. Apa signifikan tahun 1948 jadi segi sejarahnya pada awal tahun 1948 pembunuhan terhadap Gandhi telah dilakukan di India. Sebagai seorang peguam muda yang mempunyai idealisme yang tinggi beliau telah terpanggil untuk pergi ke Afrika Selatan untuk memperjuangkan kesamarataan kemanusiaan dan menentang *aparteid* dan berkali-kali tidak kurang 4, 5 kali beliau telah disumbatkan ke dalam penjara. Itu telah memberikan inspirasi yang cukup kuat kepada Mandela dan rakan-rakannya pada masa itu baru berusia 20an dan 30an untuk menentang *aparteid* yang wujud di Afrika Selatan. Dan signifikan pembunuhan ini adalah sebaik sahaja pembunuhan ini berlaku maka Negara Israel diwujudkan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan satu deklarasi yang dinamakan..... sebagai satu dominasi kuasa barat untuk mengesahkan perjuangan liberal barat, ideologi barat sebagai menguasai dunia. Saya menimbulkan perkara ini kerana Negara Israel menanti masa dan ketikanya satu model perjuangan rakyat, memperjuangkan kemerdekaannya yang telah dibawa oleh Gandhi di Afrika Selatan dan kemudian ke India telah mencapai satu puncak yang agak popular. ....dengan izin dan semangat ini telah berlaku di Afrika Selatan dan kesan daripada itu apabila dua model ini telah wujud maka pembunuhan terhadap Gandhi telah berlaku sebaik sahaja itu Negara Israel ditubuhkan dan mendapat pengesahan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dan sebaik sahaja daripada itu kebangkitan masyarakat Arab Palestin disekat dengan meluluskan ordinan darurat, undang-undang darurat di Palestin untuk mengekang kebangkitan rakyat. Dan yang menarik juga adalah pada masa yang sama sekitar tahun 1946, 1947 telah berlaku kebangkitan rakyat khususnya di Gunung Semanggol berlakunya kerjasama di antara AMCJA dengan PUTERA sejarah lamanya. Dulu kita imbau telah berjaya mewujudkan satu perjuangan rakyat yang dinamakan *hartel* menyebabkan penglibatan lebih daripada 450 ribu rakyat Semenanjung berpiket memboikot demokrasi menentang elemen kezaliman Inggeris. Jadi kesan daripada semangat yang nak dibangkitkan di Palestin dan di Malaya pada masa itu darurat telah dikuatkuasakan. Yang menarik juga adalah pada masa itu tidak ada kerajaan yang menyeluruh di Malaysia dan ordinan adalah satu enakmen kalau di negeri-negeri di Semenanjung kalau Dewan Undangan Negeri meluluskan undang-undang dinamakan enakmen. Tetapi di Sarawak oleh sebab pengaruh Britain masih kuat dan sangat kuat ordinan telah diluluskan di peringkat Sarawak dan Sabah. Itulah asalnya dinamakan ordinan darurat. Dengan dinamakan ordinan darurat dikuatkuasakan di Malaya melalui keputusan yang dibuat perundangan di Sarawak maka ordinan darurat dirangkumi perjalanan pentadbiran Malaya yang menekan menangkap para pejuang kemerdekaan kebebasan di Malaya dan di Sarawak serta Sabah. Apa yang menarik ini ialah perjuangan rakyat menentang kezaliman ordinan darurat itu sekali diperkukuhkan oleh British dan pada masa yang sama pada tahun yang sama 1948 diluluskan ordinan hasutan, ordinan

percetakan dan ordinar mesin cetak. Jadi satu penekanan penindasan menyeluruh telah dilakukan oleh Britain di Malaya pada masa itu dan sebahagian daripada penguat kuasa ini undang-undang ini datangnya daripada Palestin. Pada masa itu mereka terkenal dengan nama Tuan Palestin sebahagiannya adalah orang British dan sebahagiannya adalah orang Yahudi. Ini termaktub dalam sejarah bahawa penglibatan Britain dan Israel dalam mengekang kebangkitan adalah berlaku di dalam konteks ordinar darurat, undang-undang darurat, ordinar hasutan, ordinar percetakan, ordinar mesin cetak.

Tuan Timbalan Speaker kita adalah sebuah negara yang unik kerana kita mencapai kemerdekaan dalam keadaan Malaya dan Sabah dan Sarawak walaupun belum bergabung berada di dalam keadaan darurat. Kalau kita lihat dalam sejarah mungkin tidak ada negara di dunia yang mendapat kemerdekaan dalam darurat. Kesan daripada adanya kempenya sedikit dan tekanan di peringkat antarabangsa terhadap pilihan raya akan diadakan 1959 maka British telah berjanji melalui UMNO, Perikatan MCA dan MIC untuk menimbangkan agar ordinar darurat ditamatkan sekiranya mereka menang besar dalam pilihan raya 1959. Jadi sekali lagi ini membuktikan sama ada ordinar darurat, ordinar hasutan, ordinar percetakan, ordinar mesin cetak dan seumpamanya adalah bermotifkan politik. Itu yang kita nak bawa isu bukan berkaitan dengan kesejahteraan juga sensitiviti keselamatan negara dan sebagainya tetapi dengan kepentingan satu parti politik yang akan diberikan kemerdekaan oleh Britain kerana sudah tidak tahan lagi dengan keadaan ekonomi yang telah tertekan dengan Amerika menekan dia yang terpaksa membayar hutang perang dan sebagainya. Dan saya ingin menjelaskan di sini signifikan kepada proses ini UMNO dan perikatan telah berjanji sekiranya menang besar mereka akan tamatkan darurat. Betul mereka menjanjikan itu apabila mereka menang kecuali di Kelantan dan Terengganu, mereka pada 30 Julai 1960 telah menamatkan undang-undang darurat tetapi pada 1 Ogos 1960 tahun yang sama mereka telah menggubal dan meluluskan Undang-undang ISA. Yang 80% daripada peruntukannya adalah undang-undang darurat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang 1 minit lagi.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** 5 minit ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** 1 minit sahaja.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Jadi dalam konteks ini Tuan Timbalan Pengerusi, Tuan Timbalan Speaker adalah sama undang-undang UMNO dan Perikatan juga Barisan Nasional hanya dalam sejarah Malaysia, Malaya mempunyai tidak negara ini tidak mempunyai undang-undang yang mengongkong hanya satu hari 31 Julai yang lain UMNO, BN ingin diberikan tongkat subsidi politik dengan undang-undang yang kejam ini. Ini kalau kita lihat apabila kempen kemasukan ISA menentang ISA itu akhirnya berkesudahan dengan kemansuhan ISA, maka ISA diganti dengan satu undang-undang yang seakan sama dengan SUSKMA. Jadi kita

yakin bahawa tekanan kepada ordinar darurat yang menjadi Akta Hasutan ini adalah satu perjuangan rakyat. Perjuangan yang tidak lain dan tidak bukan bertujuan untuk menekan suara kebebasan dan satu yang sangat dan saya percaya dewan yang mulia ini menyokong usul ini dan saya sendiri akan menyokong usul ini dan berjuang sebagai mangsa ISA sebanyak 2 kali saya yakin mereka menggunakan pelbagai cara negara ini tidak perlu akta-akta yang kejam yang zalim tapi akta yang boleh mewujudkan keharmonian dalam konteks yang tulen. Jadi tidak timbul lagi isu sensitif kerana UMNO telah diberi masa hampir 60 tahun tetapi masih lagi isu kaum dianggap sensitif sedangkan kalau kita orang Islam dan kita masyarakat yang beragama kita yakin open dialog, dis...dengan izin akan memberi keterbukaan. Tetapi UMNO kononnya atas nama sensitif agama, sensitif kaum, sensitif politik dan sebagainya mempertahankan tindakan mereka dengan mewujudkan undang-undang kononnya mengekalkan undang-undang yang kejam ini, Sekian saya harap dewan menyokong dan saya sendiri berdiri berbahas untuk menyokong usul ini, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Siapa lagi Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Saya hanya ada satu cadangan untuk Kerajaan Negeri, bahawa tidak sahaja kita, kita menyokong untuk mansuhkan Akta Hasutan tapi kita juga tubuhkan satu tabung, Tabung Kebebasan dan Hak Asasi di mana tabung ini akan membantu mangsa-mangsa yang terlibat ditangkap atas Akta Hasutan dan juga Akta Perhimpunan Aman dan juga Akta Universiti dan Kolej Universiti sebab semua-semua akta ini bercanggah dengan prinsip dan lokasi dan kebebasan. Dengan ini saya cadangkan supaya sebab kadang kala mangsa-mangsa ini ataupun sesiapa yang ditangkap atas akta-akta ini menghadapi masalah tabung. Yuran, mereka kena bayar yuran peguam. Kalau kita boleh menubuhkan satu tabung supaya kita boleh membantu mereka dari segi kewangan untuk mengupah peguam-peguam atau pun kita menubuhkan satu peguam panel untuk mereka gunakan apabila mereka di *charge under* akta sedemikian. Itu akan membantu sebanyak, sedikit sebanyak untuk menegak keadilan atau pun untuk *mefight for demokrasi and also freedom for Malaysia*. Dengan ini saya menyokong usul ini dan harap Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan cadangan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker untuk membenarkan Teratai menyertai sesi Perbahasan bagi usul 29 Tahun 2014 ini, pada pagi ini. Pada pagi ini melalui twitter Menteri Kementerian Dalam Negeri Y.B. Datuk Ahmad Zahid Hamidi. Beliau telah melalui *twitternya* telah meluahkan hasrat Kementerian beliau untuk meluaskan skop Akta Hasutan ini yang merangkumi penggunaan internet. Tindakan Kerajaan Pusat ini bukan sahaja tidak membantu

Negara Malaysia melangkah ke depan untuk memberi kebebasan bersuara kepada rakyat jelata bahkan melangkah ke belakang mengundurkan diri dengan membawa Malaysia balik ke tahun zaman Dinasti Cina yang mana orang awam tidak boleh bersuara dengan bebas. Keputusan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak dengan mengumumkan melalui perhimpunan UMNO telah dibuktikan bahawa Perdana Menteri ini yang mendapat sokongan minoriti daripada Pilihan Raya yang ke-13 ini, telah memandang rendah terhadap rakyat jelata yang mana tidak membenarkan rakyat yang mempunyai pemikiran masing-masing untuk bersuara. Ini menunjukkan Perdana Menteri Malaysia Najib Razak hanya suka dengan cakap manis sahaja. Kita melihat ada ramai mangsa yang kalau diheret disoal siasat, didakwa di bawah Akta Hasutan. Salah seorangnya telah meninggal dunia iaitu Mendiang Yang Berhormat Y.B Karpal Singh, yang mana beliau seorang peguam hanya memberi pandangan beliau seorang peguam terhadap taksiran perlembagaan. Apa yang berlakunya ialah disebabkan Akta Hasutan yang tidak berperlembagaan ini yang tidak perlu membuktikan niat seseorang yang didakwa iaitu bercanggah dengan kanun keseksaan jenayah telah didenda RM4,000. Walaupun Y.B. Karpal Singh telah meninggal dunia tetapi ahli keluarganya berhasrat untuk merayu disebabkan Y.B Karpal Singh merupakan mangsa yang telah ditindas di bawah Akta Hasutan ini. Bukan sahaja Wakil Rakyat yang ditindas merupakan mangsa kepada Akta Hasutan ini. Kita juga nampak ada seorang pelajar yang berumur 17 tahun sahaja yang dengan hanya satu klik, tak payah satu minit *klik* dengan *like* satu *frontpage* beliau juga telah didakwa atau diheret disoal siasat di bawah Akta Hasutan yang zalim ini. Pada 14hb. Ogos 2014 Menteri Barisan Nasional, Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Sabri Chik turut menindas penahanan pelajar tersebut yang mana saya kot. Kita tidak perlu bertindak balas dengan terburu-buru sebab apa sahaja yang dilakukan itu tanpa niat. Akta Hasutan ini yang jelas bercanggah dengan kanun keseksaan jenayah iaitu prinsip jenayah kita iaitu kita kena membuktikan niat seseorang yang didakwa kini telah diumumkan oleh Perdana Menteri kita yang terbukti seorang pembohong untuk mengekalkan Akta Hasutan ini. Tindakan Perdana Menteri kita telah merupakan satu tindakan menghina atau meremehkan kepentingan prinsip di bawah Undang-undang Jenayah ini. Lebih-lebih lagi dengan pengumuman Perdana Menteri ini. Kita boleh lihat UMNO Barisan Nasional ini telah menggunakan akta ini untuk mendakwa ramai orang, bukan sahaja pelajar yang berumur 17 tahun. Kita juga nampak seorang ahli akademik Pensyarah Undang-undang daripada Universiti Malaya, Prof. Madya Asri Shahrum. Beliau juga hanya memberi satu pandangan beliau dalam satu sesi forum, akhirnya beliau juga didakwa di bawah Akta Hasutan, akta yang zalim ini. Kerajaan Pusat Barisan UMNO ini telah menggunakan Akta Hasutan untuk cuba menutup suara rakyat, pandangan para cendekiawan malahan untuk menakutkan rakyat jelata terutama sekali golongan-golongan rakyat yang mempunyai pemikiran yang cerdas ini. Kita nampak ada pihak tertentu yang selalunya mengeluarkan kata-kata demi memecah belah kan kaum seperti Ibrahim Ali. Malahan Menteri Kerajaan Pusat sendiri Mashitah dalam zon selamat daripada didakwa atau pun dikenakan apa-apa

tindakan akibat daripada kata-kata mereka, pernyataan-pernyataan yang dikeluarkan oleh mereka demi memecah belahkan kaum. Sehingga masa kini tidak ada tindakan diambil terhadap Ibrahim Ali walaupun dia telah bercakap lebih daripada 100 kali atau berbagai-bagai jenis kenyataan demi memecah belahkan perpaduan kaum. Menteri Mashitah yang merupakan seorang pembohong lagi telah mendakwa orang Cina membakar Al-Quran yang mana telah dibuktikan bahawa orang yang membakar Al-Quran itu ialah seorang Melayu yang tidak siuman. Tidak ada tindakan yang diambil terhadap orang ini. Dengan mengekalkan Akta Hasutan ini ia hanya merupakan alat kepada UMNO Barisan Nasional untuk menutup mulut rakyat jelata dengan menindas mana-mana pihak yang mengeluarkan kata-kata atau bertindak yang mana UMNO Barisan Nasional tidak suka. Awal tahun ini kita ada seorang Ahli Parlimen Seputeh, Y.B. Teresa Kok. Beliau hanya menerbitkan satu video yang mana selalunya bagi kita, kita akan menonton wayang sempena cuti Tahun Baru Cina. Akibatnya dengan video klip berkenaan yang tidak ada apa-apa elemen hasutan berkenaan, beliau juga diheret ke mahkamah di bawah Akta Hasutan, akta yang zalim ini.

Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional UMNO ini akan menerus menggunakan Akta Hasutan untuk menindas rakyat jelata.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai, minta tamatkan dalam 1 minit.

**Y.B. TIEW WAY KENG:** Ia, tindakan pendakwaan secara perlahan ini merupakan satu tindakan yang salah guna kuasa yang mana telah memalukan seluruh rakyat jelata Malaysia. Teratai di sini menggulung ucapan Teratai dengan satu pantun

Kerajaan dengan rakyat dapat rakyat  
Kerajaan tipu rakyat hilang rakyat  
Akta Hasutan tindas rakyat halau rakyat  
Kerajaan Pusat asas rakyat patutlah ialah Pakatan Rakyat.

Dengan ini Teratai menyokong. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan berdiri dalam Dewan yang mulia ini turut ambil bahagian untuk menyokonglah usul No.29 Tahun 2014 yang dibawa oleh Yang Berhormat Kampung Tunku iaitu untuk menghapuskan, mansuhkan Akta Hasutan 1948. Kita sedia maklum bahawa Akta Hasutan 1948 ini tinggalan, tinggalan zaman British 1948 dulu ya. Satu akta drakoni, satu akta yang tidak relevan pada zaman sekarang ini. Sekarang ini zaman globalisasi, zaman teknologi maklumat dan kita tidak boleh sebagai sebuah kerajaan, tidak boleh menggunakan akta yang sedemikian untuk mengongkong rakyatnya daripada bersuara. Hak kebebasan bersuara yang seperti termaktub dalam perlembagaan harus kita hormati tetapi kerajaan Najib Tun Razak yang

dipimpin oleh Perdana Menteri Najib Tun Razak telah berjanji kepada rakyat secara terang-terang bahawa akta ini akan diganti dan dimansuhkan, akan diganti dengan akta harmoni kaum. Tapi apa yang kita maklum sekarang, tiba-tiba dia buat *u-turn* dan tiba-tiba dia kata bukan sahaja tak nak hapuskan, tak nak mansuh, sekarang dia nak kekal akta ini. Maknanya sebagai seorang pemimpin No.1 Malaysia boleh berbohong, tipu terang-terang di, kepada rakyat, makna pemimpin yang tidak berwibawa. Tiada kredibiliti, pemimpin yang tak ada maruah langsung. Dan seperti pada tengah hari ini semua pembangkang keluar sebab mereka takut, mimpi ngeri sekiranya Akta Hasutan ini dimansuhkan. Kerana pada mereka sokongan rakyat sudah hilang. Mereka hanya nak bergantung kepada Akta Hasutan ini untuk menyambung talian hayat yang terakhir nyawa kuasa mereka di Putrajaya. Mereka harapkan Akta Hasutan ini dapat mempertahankan mereka terus berkuasa. Tapi saya nak bagi amaran kepada pembangkang UMNO Barisan Nasional. Rakyat sudah cerdik. Rakyat tidak akan tertipu dengan janji manis Barisan Nasional. Jangan harap dengan Akta Hasutan ini Barisan Nasional UMNO boleh terus berkuasa. Tidak, rakyat sudah cerdik. UMNO sekarang ini sudah tak ada isu. Dan semakin bisu dan lesu. Isu keadilan, hak kebebasan mereka tidak mahu dengar. Ambil pendekatan apa? Keluar Dewan, duduk di luar seolah-olah cuba untuk meminggirkan diri daripada kehendak rakyat. Ha, inilah wajah sebenar UMNO Barisan Nasional.

Seterusnya saya ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia bahawa UMNO kena ambil iktibar. Jangan hanya jadi juara di dalam Perhimpunan UMNO sahaja. Jadi juara di situ kononnya nak pertahankan Akta Hasutan. Kalau rakyat tolak di luar jadi juara kampung sahaja lah UMNO ini. Yang pentingnya saya nak beritahu ambil iktibar daripada Parti Komingtan di Taiwan yang baru-baru ini kalah teruk di pilihan raya Taiwan kerana apa, kerana rakyat khususnya golongan muda, orang muda sudah tolak parti yang tidak mengikut peredaran masa, arus peredaran masa. Inilah parti UMNO Barisan Nasional dan BN dan yang paling saya sedih, saya kecewa, saya hairan dengan saya juga simpati dengan nasib ahli-ahli komponen Barisan Nasional khususnya MCA, mahu cari *ang pau* dengan izin, Gerakan yang tak bergerak, MIC yang sudah hampir si dan juga parti-parti yang sewaktu dengannya. Mereka PPP ah pergilah, mereka sebagai parti komponen Barisan Nasional di mana maruah parti-parti komponen ini dalam Barisan Nasional. Duduk dalam Barisan Nasional tetapi tidak dihormati langsung tak ada nilai satu sen pun. Mana boleh satu Akta yang begitu penting, Pengerusi UMNO, Presiden UMNO isytihar dalam Perhimpunan Agung UMNO sahaja kekal Akta tersebut tanpa bincang Kabinet, boleh buat keputusan dalam perhimpunan PAU. Maknanya mana maruah, mana kesepakatan, MCA, MIC, Gerakan, mana langsung tidak dihormati. Saya bagi tahu MCA, cukup la MCA, keluarlah dari Barisan, jangan melukut di tepi gantang, dah lah tak dihormati terus, hendak juga demi jawatan dan Menteri demi fulus terus nak bersama Barisan Nasional. Inilah wajah sebenar MCA. Tak apa kita biarkan rakyat sudah ada jawapan dalam hati mereka dan saya juga ingin nyatakan di sini satu perkara yang cukup penting. Seorang pemimpin yang cakap tak serupa bikin, yang

mungkir janji. Dalam Islam ada tiga-tiga ciri orang yang boleh dikategorikan sebagai munafik. Apabila dia bercakap dia berdusta, apabila dia berjanji dia mungkir janji. Yang ketiga apabila kita diberi amanah, dia khianat amanah. Dia khianat. Kalau tiga-tiga ciri ini ada satu pun cukup lah, mungkir janji, makna orang ini boleh dikategorikan sebagai munafik. Ini bahaya ni. Jadi Akta yang zalim seperti ini ya dah tangkap orang Seksyen 3 kononnya hasut dan sebagainya dengan Akta yang tidak adil, berat sebelah seperti ini, kita kategorikan sebagai akta zalim, zalim. Jadi tidak perlulah kita terus kekalkan, mansuhkan sahaja, ganti dengan akta yang lebih menghormati hak asasi rakyat. Ini pun UMNO tak boleh buat. Jadi akta yang zalim ini sebagai kerajaan kita jangan zalim kepada rakyat, jangan kata semua akta hasutan yang kita nampak ini siapa yang kena dakwa? Pembangkang kena dakwa. Ibrahim Akataki mana ada kena dakwa? Pemimpin UMNO siapa kena dakwa? Tak ada. Maknanya akta ini digunakan untuk kepentingan politik, akta zalim. Jangan kita menyokong orang yang melakukan kezaliman. Dalam Islam pun tak boleh. Kita cenderung pun tak boleh. Cenderung pun tak boleh dengan izin Tuan Timbalan Speaker. Barang siapa yang bersekongkol dengan orang yang melakukan kezaliman nescaya disambar api neraka, jangan. Saya minta jangan, tapi UMNO Barisan Nasional cenderung dan condong ke arah ini. Saya harap cukup lah UMNO, Barisan Nasional ambil iktibar, balik beritahu Najib cukup, cukup sudah, cukup sampai di sini saja. Kita sepakat bersama Pakatan Rakyat ayuh kita mansuhkan Akta Zalim Zarkolin 1998, Akta Hasutan ini dan saya menyokong penuh usul ini untuk dihapuskan akta, mansuhkan Akta Hasutan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker, Rawang ingin turut serta tetapi saya tidak akan bercakap panjang sebab saya rasa wakil-wakil rakyat kita telah sebutkan. Cuma saya ingin katakan di negara kita Malaysia ini, satu teras yang amat penting untuk kita adalah semangat Perlembagaan. Jadi apa yang dilindungi dalam Perlembagaan sepatutnya menjadi teras asas untuk kita menggubal mana-mana undang-undang sama ada di peringkat persekutuan ataupun negeri dan dalam Perlembagaan Malaysia jelas menyatakan bahawa rakyat di Malaysia ini ada kebebasan bersuara dan kita saling hormat-menghormati dan kita kena tanya balik kenapa Akta Hasutan ini sekarang pula diwujudkan, dilaungkan nak dikuatkuasakan bidangnya. Adakah jelas tujuannya adalah untuk memperkasakan rakyat ataupun mengukuhkan kuasa untuk golongan Penguasa yang ada di negara kita sekarang untuk terus menindas rakyat. Saya rasa sudah tentunya jelas kita faham dan tengok bahawa Akta Hasutan sudah tidak relevan dalam zaman digital ini. Kita sekarang sudah zaman digital dan kita balik ke zaman, kalau kita kata zaman British ataupun sebelum ini Yang Berhormat Hulu Kelang ada jelaskan sejarah kenapa akta ini digunakan. Jelas latar belakangnya adalah untuk menindas dan saya rasa undang-undang yang digubal adalah perlu dengan tujuannya dengan izinnya *empowering the people not oppressing the people*. Jadi saya rasa Akta Hasutan ini adalah untuk

*oppress* untuk menzalimi rakyat bukan untuk memperdayakan atau memperkasakan rakyat. Jadi untuk itu saya menyokong supaya Akta Hasutan ini dimansuhkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di depan Dewan ini adalah satu Usul yang berbunyi :-

“Bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk memansuhkan Akta Hasutan yang digubal oleh Kerajaan British pada tahun 1948 demi memulangkan hak kebebasan bersuara kepada rakyat jelata”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul nombor 30 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Kota Damansara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Timbalan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Speaker Dewan yang menerima Usul di bawah Peraturan 27 saya memohon mencadangkan satu Usul yang berbunyi :-

“Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan drastik yang berkesan bagi membanteras masalah penularan penyakit denggi yang disebabkan pembiakan nyamuk aedes yang tidak terkawal akibat daripada masalah saliran dan kebersihan khususnya di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) demi kesihatan hidup rakyat yang berkualiti.”

Timbalan Speaker, sebelum saya meneruskan cadangan dalam Usul ini izinkan saya menjelaskan beberapa perkara asas seperti yang disebutkan di dalam Usul. Bilangan kes denggi pada tahun 2010 hingga November 2014; 2010 kes denggi ini berjumlah 16,367, kematian 45; 2011 – 7,758, kes kematian 14; 2012 – 9113, kes kematian 12. Bagi tahun 2013, kes denggi berjumlah 23,853, jumlah kematian 24. Pada tahun 2014, kes denggi meningkat kepada 44,957 berakhir pada 15 November 2014 di mana kematian berjumlah 66.

Tuan Speaker, bagi saya jumlah ini sangat membimbangkan. Saya tahu Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan beberapa langkah pencegahan tetapi saya amat musykil dengan langkah dan tindakan yang dilaksanakan ibarat ikannya belum dapat airnya sudah pun keruh. Kalau dilihat kepada..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai, biarkan habis perbincangan dahulu, pembentangan Usul dulu.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Belum habis lagi saya. Kalau kita lihat daripada laporan 15 November 2014, dibandingkan sehingga 29 November 2014 peningkatan daripada 44,957 kes kepada 47,392 kes dan kematian daripada 66 menjadikan 69 kes. Saya melihat program pencegahan denggi melalui kempen kesedaran pendidikan kepada masyarakat serta agensi dan badan yang berkaitan telah dilakukan. Persoalannya cukup berkesankah program atau pun kempen terjah dan musnah aedes Negeri Selangor 2014 yang telah dilakukan yang dinamakan Gotong-royong Mega pada 120 kawasan pada 16 November 2014. Kalau kita lihat daripada *figure* yang telah saya terangkan tadi kita tidak ada penurunan, ia merupakan peningkatan. Jadi saya ingin menggesa pihak Kerajaan supaya memikirkan apakah kaedah yang lebih drastik untuk memastikan kawalan ini dapat dilakukan. Contoh mungkin Kerajaan boleh memikirkan, melakukan *fogging* setiap minggu di setiap kawasan dan mungkin..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku, biar habiskan dahulu lah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Boleh minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik bagi habis dahulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak bagi?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Bagilah saya dulu. Adakah Kerajaan memikirkan jangka program jangka masa pendek, jangka masa panjang supaya pencegahan ini dapat dilakukan dengan sebaik mungkin. Adakah agensi kerajaan telah berlakukan program ini, program-program yang dilaksanakan di kawasan-kawasan bersama dengan Jawatankuasa Penduduk dan agensi-agensi ini dilaksanakan mengikut sepatutnya. Sebab saya melihat kalau lihat kepada program gotong-royong megah seluruh Selangor ini memang program yang baik tetapi mungkin dari segi pelaksanaannya daripada agensi-agensi tertentu tidak dilaksanakan dengan sebaiknya. Sebab itu keberkesanan itu tidak begitu memuaskan. Timbalan Speaker saya juga ingin nak menyatakan bahawa Penubuhan Skuad Denggi dan Pasukan Combi iaitu *Communication for the Viral Impact* dikalangan Persatuan Penduduk Agensi Kerajaan, swasta mana pun Pertubuhan. Siapakah yang menjadi Ahli Pertubuhan tersebut? Apakah kita yakin di kalangan mereka ini bebas daripada denggi sebab saya lihat program ini tidak menyeluruh di setiap kawasan. Dan apakah yang dilakukan, diambil oleh kerajaan kepada kawasan-kawasan apartmen yang tidak mempunyai JMB contohnya. Maknanya di kawasan tersebut tak ada agensi pelaksanaannya untuk melaksanakan program ini. Jadi saya menggesa pihak kerajaan supaya mengambil perhatian di atas kes tersebut.

Saya juga ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya setiap program yang dilakukan mestilah dilakukan secara konsisten. Operasi setiap minggu mestilah

dijalankan dan operasi-operasi di kawasan-kawasan di mana kawasan-kawasan projek-projek terbengkalai ini mesti diambil perhatian. Sebab saya melihat terutamanya di kawasan-kawasan di mana banyaknya projek terbengkalai ini kes-kes denggi ini berleluasa dan saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya juga memikirkan bahawa apakah perancangan yang khusus selain daripada gotong-royong ini mesti dilakukan untuk mencegah denggi tersebut. Jadi saya dengan ini mencadangkan Usul tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ada sokongan?

**Y.B. TUAN SHARUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil menyokong. Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong untuk dibahaskan.

**Y.B. TUAN SHARUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. *Bismilahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker yang menerima Usul di bawah Peraturan 27, saya mahu menyokong Usul yang berbunyi "Bahawasanya Dewan Yang Mulia Ini menggesa Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan yang drastik, yang berkesan bagi membanteras masalah penyakit denggi yang disebabkan pembiakan nyamuk aedes yang tidak terkawal akibat daripada masalah saliran dan keberkesanan khususnya di kawasan Pentadbiran pihak berkuasa tempatan demi kesihatan rakyat yang berkualiti. Saya mengambil maklum di atas banyak cadangan-cadangan atau pun di peringkat berbahasan tempoh hari oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada Kajang, Seri Andalas, Selat Kelang dan sahabat saya juga Ketua Pembangkang, dari Sungai Burong membahaskan isu denggi semuanya memberikan sokongan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah yang serius untuk menangani isu ini. Di negeri Selangor menyumbang kira-kira 60% daripada jumlah kes denggi seluruh negara. Kalau kita ikut statistik kes 41,570 dan juga menyumbang lebih daripada 58 kematian sehingga 25 Oktober 2014. Kes ini perlu kita ambil perhatian ia perlukan kerjasama daripada semua pihak sama ada daripada Kerajaan Negeri sendiri malah saya juga dimaklumkan Kerajaan Persekutuan juga membantu Kerajaan Negeri terus menyalurkan sumbangan dan peruntukan kepada PBT-PBT dalam tempoh 3 bulan yang terakhir pada tahun ini. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan apa yang dipanggil peruntukan anti denggi Selangor yang berjumlah hampir RM1 juta, RM695,000.00 di peruntukan untuk sampah dengan izin iaitu untuk membekalkan perkhidmatan untuk membersihkan sampah haram dan RM240,000.00 disumbangkan untuk Kerajaan Persekutuan untuk membeli ubat *fogging* denggi yang dinamakan, saya ambil contoh Majlis Bandar raya Petaling Jaya di PJ MBPJ telah menerima peruntukan sebanyak RM153,000.00 daripada Kerajaan Persekutuan untuk sampah, RM20,000.00 untuk MBSA RM50,000.00 untuk

sampah, Majlis Perbandaran Klang RM60,000 untuk sampah dan RM20,000.00 untuk .....

Saya juga ingin mengambil maklum dan ucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan YAB Dato' Menteri Besar yang baru, baru-baru ini telah merancang apa yang dinamakan Kempen Terjah dan Musnah Aedes Negeri Selangor 2014. Juga dilancarkan pelancaran gotong-royong megah dan sebagainya. Namun adakah ini mencukupi, saya berpandangan program-program seperti ini jangan kita buat secara *one-off* ianya perlu dibuat secara berterusan, secara *consistent* dengan izin. Kalau ada Jawatankuasa di peringkat negeri, kalau ada ditubuhkan juga jawatankuasa menangani denggi di daerah di peringkat PBT dan juga di kampung-kampung. Kalau sudah ada ayuh kita perkasakan dulu. Pasukan pemantau juga perlu diwujudkan di semua peringkat, di peringkat negeri, peringkat daerah, di peringkat PBT di peringkat ambi di kampung-kampung sendiri. Konsep yang kita cuba tekankan di sini ialah *prevention is better than cure* kadang-kadang bila kita mendapati ada sesuatu kawasan itu dapat maklumat ada kes denggi barulah kita cuba untuk membuat sesuatu seperti *fogging* dan sebagainya. Kalau boleh kita mengenal pasti terlebih dahulu kawasan-kawasan *hotspots* dan *hotspots to be* dengan izin. Pihak PBT juga perlu mengambil langkah proaktif dengan menambah bilangan-bilangan sampah supaya ianya mencukupi kerap membersihkan parit juga pemeriksaan-pemeriksaan di tempat pembiakan aedes.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian itu merupakan antara program-program jangka pendek. Kalau kita lihat ianya mungkin tidak mendatangkan kesan yang begitu baik. Kalau kita juga tidak menekankan program jangka panjang. Lebih-lebih lagi di musim hujan dan banjir masalah denggi ini lebih teruk dan saya ingin menekan di sini PBT perlu dilengkapi dengan kakitangan yang mencukupi *equipment* dengan izin dan juga kemudahan-kemudahan yang lain. Program-program jangka panjang seperti yang disebutkan oleh Y.B. Kajang mengenai sikap manusia program pendidikan, kesihatan juga disentuh oleh Batu Tiga semasa Perbahasan. Mestilah dimulakan di peringkat awal lagi, di peringkat pra Sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan kita juga ingin menekankan supaya sistem makluman perlu sampai ke peringkat umbi melalui televisyen, surat khabar, media sosial dan sebagainya. Ini penting bagi kita mendidik masyarakat kita tentang bahayanya penyakit denggi ini. Daripada segi kawalan biologi saya juga bersetuju dengan Batu Tiga bagaimana kita boleh melalui musuh alamia mencipta haiwan pemangsa seperti nyamuk *tox*, ikan gambusia m..... tilapia. Yang ini dia pun ambil kira supaya kita dapat menanganinya dengan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita juga perlu meletakkan Undang-undang yang sedia ada, boleh dipinda di peringkat PBT, Enakmen yang melibatkan perkara ini untuk kita mengetatkan Undang-undang. Saya cadangkan ia perlu dilakukan dengan segera supaya kuatkuasaan boleh dijalankan dengan lebih mantap dan kesan. Akhirnya sekali saya ingin merayu supaya dalam masalah, dalam kita mengatasi masalah denggi ini kita kena bersatu. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan

Negeri, Wakil-wakil Rakyat pimpinan-pimpinan Masyarakat semuanya kena bersatu tanpa mengira ideologi politik. Ini penting sekali bukan isu politik, bukan isu yang menyebabkan Akta-akta Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya tetapi isu ini kepedulian rakyat Negeri Selangor ini. Saya menyeru YAB Menteri Besar krisis Menteri Besar pun sudah selesai, saya kira krisis Timbalan Speaker pun dah selesai, Sekinchan tak ada, saya harap dah selesai dan saya menyeru supaya kita memberikan sokongan penuh kepada Usul ini kita menyeru Kerajaan Negeri untuk memberikan penekanan yang paling utama untuk kita menyelesaikan masalah denggi di negeri Selangor ini. Saya menyokong sekian, bila..... *Assalamualaikum Warahmatuallah Wabarakatuh.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Pandamaran dulu.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam Perbahasan tentang Usul ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini bahawa Usul ini tidak dibawa secara bona fide. Walau pun kita mendengar Perbahasan daripada pihak penyokong dan pencadang dan Ahli-ahli yang daripada Barisan Nasional telah menegaskan tentang isu denggi. Sedap didengar tanpa mengira politik dan kesemuanya tetapi apa Perbahasannya sebenarnya hanyalah isu-isu untuk menyokong Usul yang telah dibawa. Sekiranya kita membaca Usul ini secara teliti dia menyatakan bahawa "Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini men... Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan drastik yang berkesan. Bagi membanteras masalah penurunan denggi yang disebabkan pembiakan nyamuk aedes yang tidak terkawal. Bahagian ini *okay* tapi bahagian keduanya akibat daripada masalah sayuran dan kebersihan khususnya di kawasan pentadbiran PBT demi kesihatan hidup yang berkualiti tinggi, inilah yang bermasalah. Nampaknya pencadang atau pembawa Usul ini dia hanya menyalahkan pihak PBT atas masalah denggi tapi kita sedia maklum kita tahu bahawa punca yang mengakibatkan masalah denggi adalah luas termasuk pemilik tanah yang tidak bertanggungjawab, sikap penduduk-penduduk dan sebagainya. Jadi kalau sekiranya Usul ini disokong oleh Dewan Yang Mulia ini maka dia akan membawa maksud bahawa punca untuk mengakibatkan masalah denggi di negeri Selangor yang begitu serius ini disebabkan oleh kegagalan PBT melaksanakan kerja mereka. Jadi saya rasa ini adalah satu Usul berniat jahat dan tidak ..... saya rasa ini tidak boleh disokong dan perlu, walau pun kita menyokong memang untuk membanteras masalah denggi seperti apa yang telah dibahas. Saya rasa perlu disokong secara penuh tetapi sokongan adalah terhadap Usul yang di bawa bukan sokong apa yang dibahas jadi itu perlu dibahagikan perlu difahami oleh Dewan, Ahli-ahli Yang Mulia ini. Jadi saya rasa untuk bahagian yang kedua ini sekiranya kita terima tidak adil pada pihak-pihak PBT yang telah membuat kerja, yang telah mencuba dengan sedaya upaya bersama dengan Pejabat Tanah untuk sentiasa mencari cara untuk menyelesaikan masalah. Ini adalah satu Usul yang terus, yang telah batal keseluruhan usaha yang telah di laksanakan oleh PBT.

Jadi saya dengan itu meminta Ahli-ahli Dewan Yang ini supaya tidak menyokong Usul ini yang bermotif politik, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Siapa lagi mahu bahas? Kampung Tunku bangun dulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, bagi saya Usul ini nak kata malah fida, malah fida saya rasa kita kena kaji tapi setelah meneliti ucapan isi kandungan ucapan daripada pencadang dan penyokong saya berpendapat bahawa kebanyakan isi kandungan ucapan kedua-duanya khususnya mencadangkan kesilapan-kesilapan dan kepincangan-kepincangan yang sangat-sangat besar. Pertama sekali saya rasa saya kena tegur sedikit dan satu adalah cadangan untuk mengadakan *fogging* setiap minggu. Saya rasa kalaulah kita sebagai wakil rakyat sentiasa mengikut cara dan strategi untuk menangani denggi dan nyamuk aedes ini kita pasti tidak akan setuju dengan cadangan yang begitu, sesuatu cadangan yang tidak cerdik. Kita ada sebenarnya ada satu kes di kawasan Petaling Jaya Yang Berhormat di flat Desa Mentari. Nyamuk aedes keimunan nyamuk aedes terhadap ubat perosak *fogging* itu telah bertambah dan sebabnya ialah kekerapan terlalu banyak dalam menjalankan *fogging*. Ini sama seperti manusia, kalau kita makan antibiotik setiap kali kita sakit jadi *dose* yang perlu diambil pada masa-masa akan datang dia akan meningkat kerana penyakit atau pun bakteria, dia akan *immune* dengan *dose* yang lama dan oleh sebab itu kita perlu *dose* yang lebih kuat. Dan ini sebenarnya bukan cara yang paling baik untuk menyelesaikan masalah denggi. Saya setuju bahawa kita perlu menekankan pada sikap penduduk dan saya menyambut apa yang disebut oleh Y.B. Pandamaran tadi. Apa yang perlu dilakukan ialah sikap penduduk, sikap penduduk itu sendiri yang menganggap bahawa air hanya bertakung di luar rumah sahaja, air bertakung di longkang-longkang di bawah kawal selia PBT yang menyebabkan nyamuk aedes itu melahirkan telur dan bertumpu. Ini adalah konsep atau pun pemahaman atau pun salah faham yang paling besar yang perlu diperbetulkan. Saya terjah dan kita terjah dan kita lawat rumah ke rumah. Kita tengok sebenarnya apa yang berlaku ialah di dalam rumah mereka apa yang menjadi masalah ialah air itu yang bertakung di dalam rumah mereka dan takungan air yang dipilih oleh nyamuk aedes ini dia bukan air bertakung biasa, dia hanya cari tempat yang bersih sahaja. Rumah bersih, memang betul bersih bila semak air yang bertakung itu bersih juga dan itu sebenarnya tempat yang paling sesuai, paling disukai oleh nyamuk aedes untuk bertelur. Oleh sebab itu saya rasa kalau kita membahaskan isu-isu seperti ini kita perlu buat kaji selidik. Dan kalau Yang Berhormat daripada Barisan Nasional kekurangan sumber untuk menjalankan penyelidikan bolehlah guna penyelidik-penyelidik di dalam Dewan Yang Mulia ini dan mereka pasti akan

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Timbalan Speaker, Tuan Timbalan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mendapat penjelasan dari Kampung Tunku adakah air longkang itu dianggap sebagai air yang bersih?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Air longkang tengok keadaan kalau air longkang itu dia jernih maka tempat itu akan menjadi tempat pembiakan nyamuk tapi air itu kalau dia busuk dia ada tikus, minyak, kalau tikus pun mati saya rasa nyamuk aedes pun tak nak tempat itu. Yang mungkin tertumpu atau melahirkan telur ialah nyamuk biasa bukanlah nyamuk aedes tapi khusus untuk nyamuk aedes. Saya rasa Y.B. tanya soalan sebenarnya saya rasa dia pun sudah tahu jawapannya. Nyamuk aedes hanya memilih takung air bersih sahaja dan takungan air bersih ini.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kajang nak tanya dulu.

**Y.B. DATUK SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih, Kampung Tuanku, Tuan Timbalan Speaker, saya nak kembali sedikit ke belakang kerana nak tanya Kampung Tunku bahawa nak di katakan *fogging* ini dia selalunya membunuh nyamuk-nyamuk yang dewasa. Tidak melibatkan jentik-jentik jadi kalau kita buat *fogging* pun tidak membunuh, pergi ke *fastnya* sebenarnya pendapat Kampung Tunku bahawa kalau nak *fogging* tiap-tiap minggu itu kesannya tidak akan menyeluruh.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Itu sebabnya saya rasa kita perlu dengar nasihat Doktor yang memang faham tentang isu ini. *Fogging* dia akan menyelesaikan masalah sebenarnya persoalan Yang Berhormat Kajang dia sedikit sebanyak pun telah memberi jawapan kepada Dewan Yang Mulia ini. *Fogging* ini hanya syok sendiri, dia akan hanya menyelesaikan masalah rakyat 7 hari sahaja. Kena 7 hari selepas *fogging* bukan nyamuk sebenarnya lalat pun mati dan ada juga kajian berkata bahawa dia akan menjejaskan ekologi, katak. Jadi saya rasa ini .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Timbalan Speaker, boleh minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong minta.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Walau pun saya kesilapan *fogging* ini dengan izin *not the solution* bukan satu sahaja penyelesaian bagi masalah itu. Tapi sebenarnya *fogging* pun menyelesaikan masalah tersebut. Adakah yang pertama Kampung Tunku itu bersetuju sebab tadi memberi analogi yang sama kita makan ubat antibiotik, kita makan antibiotik ini kalau makan pun *immune* tapi kita hari-hari kalau pun jumpa Doktor pasti dia bagi antibiotik. Bahawa antibiotik penting. *Fogging* pun saya kira walaupun ia menyebabkan tapi ini yang dilaksanakan dasar oleh apa ini jabatan, jadi kalau program memang tak boleh tak payah pakai *fogging*. Itu satu, yang kedua saya ingin penjelasan kerana program gotong-royong yang dibuat kerja oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar ini adalah menyebabkan turun ke longkang-longkang jadi kalau longkang-longkang ini telah

dikenal pasti satu perkara yang menjadi punca kepada masalah aedes ini, jadi saya berpendapat kalau minta penjelasan adakah bersetuju perlu diteruskan program untuk membersihkan longkang-longkang sebab longkang-longkang ini telah bersih, air akan mengalir dan kalau air mengalir nyamuk aedes pun tak boleh bertelur sebab aedes bertelur dalam air bertakung.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kalau saya mengikut isi kandungan Usul yang ada di sini ditekankan bahawa PBT kena menjalankan tugasnya dan saya kira ini juga termasuk Pembangkang yang mencadangkan agar PBT menjalankan tindakan penguatkuasaan. Penguatkuasaan termasuk menyaman mereka yang mempunyai tempat takungan air di dalam rumah mereka dan ini cadangan daripada Pembangkang kalau saya boleh *interpret* isi kandungan dengan betul. Saya hanya ingin mengatakan bahawa apabila kita membahar sesuatu masalah kita perlu mengena pasti punca kejadian pemurahan nyamuk aedes dan juga penyakit denggi ini. Dan kita sedia maklum bahawa punca ialah kerana sikap penduduk yang tidak menjalankan pemeriksaan yang rapi terhadap sekeliling mereka. Dan ini saya rasa kita boleh mencapai satu persetujuan sebulat suara di dalam Dewan Yang Mulia ini. Tapi kalau kita terlalu meyakinkan cara-cara seperti *fogging* ia bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah untuk jangka panjang masa yang lama tetapi ianya juga akan mendatangkan masalah baru seperti apa yang saya katakan tadi. Jadi untuk *fogging* dia kena tengoklah rekod *fogging* di seluruh kawasan. Kalau minggu lepas dia sudah *fogging* kali ini tak *fogging* lagi maksudnya akan menyebabkan *dose* yang digunakan bertambah. Ini adalah maklumat yang saya ingin bawa kepada Dewan Yang Mulia ini. Jadi itulah sedikit pandangan saya terhadap isu ini dan saya memohon supaya

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Alasan saya itu tadi isu yang longkang, yang tadi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kalau longkang itu sama ada dia mencari tempat pembiakan nyamuk aedes atau tidak saya rasa tetap dibersihkan, itu, itu logiknya. *Okay*, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker, saya ingin ambil sedikit Perbahasan ini melalui apa yang dibawa oleh sahabat saya Kota Damansara, isu denggi dan pertama saya ingat kita patut *scan* kepada Kampung Tunku dan juga Pandamaran. Sebenarnya isu ini tidak ada pun malafidiah niat jahat yang tak bagusnya *intepreter C* dari Yang Berhormat yang cuba melaga-lagakan kami dengan PBT. Itu sebenarnya jadi Usul ini cuba dimonopolasi oleh pihak Kerajaan atau penyokong kerajaan seolah-olah kita ada niat untuk merendah-rendahkan kebolehan. PBT tidak timbul apa yang kita sebut di sini jelas oleh Kota Damansara, apa yang kita nak di hadapan kita ialah satu isu besar, Negara pun bukan sahaja di negeri Selangor tapi faktanya disebut bila rakan-rakan

*team building* sebahagian besar 41,000 kes di Selangor. Apa yang kita nak tekankan dalam Usul ini ialah supaya dan kita lihat satu fakta saya boleh sampaikan bila disebut oleh rakan-rakan sebahagian besar daripada kes denggi berlaku di negeri Selangor terletak di kawasan-kawasan bandar. Ini fakta, bandar bukan di kawasan-kawasan kampung. Di kawasan Permatang, Sungai Burong tak banyak kes pun tapi banyak kawasan bandar, di kawasan bandar ini pengurusan utama terletaknya di PBT. Jadi kita tekankan di sini bukan PBT tak buat kerja pun, ini salah anggap yang di bawa oleh Kampung Tunku atau pun Pandamaran. Kita tak ada niat, kita nak supaya Dewan in memberi satu pandangan supaya menangani kes denggi. Ini PBT kena memikul tanggungjawab semua. Saya habis sedikit lagi. Jadi apa yang kita nak kita nak tekankan selepas kita mengenal pasti di antara ialah kebersihan longkang, sampah saraf dan sebagainya yang ini adalah di bawah bidang PBT dan nak ditekankan dengan lebih berkesan, sistem pengutipan sampah yang lebih teratur, yang lebih baik, longkang-longkang pun bersihan dengan baik dan kekerapan yang sesuai dan ini akan memberikan sumbangan kepada penurunan kepada kadar denggi ini sebenarnya kita nak habiskan isu ini supaya tidak ada pun niat menuduh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

**TUAN TIMBLAN SPEAKER:** Okay, saya bagi Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN FOK SHYONG:** Ya, saya ingin bertanya sama ada penjelasan diberikan adakah berdasarkan kepada perkataan-perkataan usul ini kerana apa yang diberi penjelasan saya rasa adalah bermaksud lain iaitu hanya untuk mengatasi secara amnya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak dengar tadi ucapan daripada Kota Damansara atau pun Dengkil yang menyokong Usul, burukkan mana-mana PBT tak sebut. Jadi....

**Y.B. TUAN TAN FOK SHYONG:** Bukan, bukan soalan saya adakah penjelasan yang diberikan berdasarkan perkataan-perkataan Usul yang dibawa oleh pencadang ini? Atau pun kalau *you* bagi penjelasan yang lain yang tidak berkaitan dengan perkataan kerana apa yang diluluskan adalah perkataan-perkataan Usul ini. Jadi *you* boleh jelaskan dengan apa-apa perkataan yang manis tetapi apa yang kena diluluskan atau pun dipertimbangkan oleh Dewan Yang Mulia ini adalah perkataan-perkataan Usul ini. Jadi sekiranya Usul ini tidak membawa apa maksud yang dijelaskan, saya rasa masa depan mestilah belajar untuk mendrafkan satu usul yang baik untuk di bawah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Usul ini sudah diterima oleh Speaker. Jangan... jangan...

**Y.B. TUAN TAN FOK SHYONG:** Bukan, bukan .... Y.B. Permatang sekarang tengah memberi penjelasan atas Usul yang dibawa ini jadi

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ijok, Ijok, sila.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, untuk izin saya ingat *they are barking at the wrong trees* sebab apa untuk mengendalikan denggi bukan PBT sahaja yang melibatkan diri tetapi Kementerian Kesihatan, Kerajaan Persekutuan sebab pegawai-pegawai yang memantau denggi dari Pejabat Kesihatan datangnya dari Kementerian, dari Persekutuan yang saya dapati di Kuala Selangor saya telah berbincang dengan pegawai Kesihatan di sana, tak cukup orang untuk memantau kes-kes atau pun menjalankan program denggi. Jadi saya ingat Usul ini salahkan PBT kenapa tak disalahkan Kementerian Kesihatan, sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Okay, Ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dan saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** Sambungan perbahasan. Ada sesiapa lagi yang nak bahas?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak habiskan sikit lagi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ok. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya ingin ambil beberapa minit sahaja lagi untuk sebagai penggulungan kepada perbahasan saya mengenai isu yang dibawa oleh Kota Damansara. Yang mana saya simpulkan bahawa isu Denggi ini merupakan isu yang begitu apa ni, besar hari ini di seluruh negara kita bukan sahaja di Negeri Selangor. Dan sebagai rakyat Selangor dan Ahli Dewan ini tentulah kita sama-sama merasakan perlu mendapatkan satu bentuk keputusan ataupun satu bentuk langkah pengawalan bagaimana kita nak menurunkan apa ni, kes-kes Denggi dalam negeri Selangor ini. Maka saya menyeru kepada pihak kerajaan, pihak-pihak PBT yang terlibat kepada orang-orang awam, NGO termasuk juga agensi-agensi yang berteraskan kerajaan Persekutuan termasuk Pejabat Kesihatan. Saya terima kasih kepada celahan daripada Ijok tadi kemudian Kesihatan pun, Jabatan-jabatan Kesihatan juga sewajarnya memainkan peranan yang bersama-sama secara kolektif untuk memastikan isu Denggi ini dapat kita. Dapat kita perbaiki ataupun dapat kita atasi dan kerana kesan yang besar, jumlah kematian yang agak tinggi kes yang begitu besar jadi kita mengharapkan kerjasama di antara semua pihak Kerajaan Negeri, Persekutuan termasuk agensi-agensi akan dapat sama-sama membantu untuk memastikan Denggi ini dapat kita hapuskan sepenuhnya. Itu sahaja Tuan Speaker, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kota Damansara, Dengkil dan Permatang yang cukup prihatin tentang isu menghapuskan Denggi dan Aedes. Dan bagi saya, bagi saya menghapuskan penyakit Denggi penting, menghapuskan Aedes penting, menghapuskan hasutan-hasutan juga penting. Apa-apa pun kita ucap terima kasih. Jadi isu yang ingin saya sentuh pertamanya dari segi semangat di sebalik usul ini saya sokonglah tapi dari segi beberapa teknikal contohnya tadi dinyatakan fasal COMBI. Kota Damansara menyentuh COMBI sebagai satu teknik untuk merubah tingkah laku, *live able change*. COMBI ini telah terbukti berjaya oleh WHO dengan izin, melalui pembanterasan penyakit AIDS yang mereka berkeyakinan dengan kaedah dan prinsip yang sama dapat mengatasi penyakit-penyakit seperti Aedes dan seumpamanya. Tetapi *problem* atau masalah perubahan tingkah laku ini adalah *slow*, perlahan. Dan saya menampakkkan daripada pengalaman di Hulu Kelang masalah yang *founding* mental dalam isu Denggi ini adalah pertamanya

pengetahuan dan kesedaran rakyat kita penggerak masyarakat aktivis dan rakyat awam tentang nyamuk Aedes dan penyakit Denggi. Contohnya dia membawa kematian yang tidak sepatutnya berlaku adalah kerana orang yang kena Denggi, dia tak tahu yang dia kena Denggi. Ini satu proses yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Kesihatan, PBT, macam-macam pihak tapi masih tidak boleh berlaku suatu perubahan yang drastik. Kalau Kota Damansara ada formula drastik ini kita alu-alukan. Tapi saya nak ingatkan memang mengubah suatu tingkah laku itu proses yang cukup lama, cukup panjang. Keduanya, fasal Aedes pun banyak salah faham. Tentang tabiat nyamuk ni, yang boleh bertelur di setengah sudu air pun dia boleh, dia boleh kering bekas itu kering enam bulan kena air balik telur dia menetas pun rakyat kita tak tahu. Jadi ini satu perkara saya rasa perlu tingkatkan di semua pihak, iaitu kesedaran dengan menggerakkan kempen-kempen kesedaran. Kementerian dah buat banyak, saya yakin. PBT dah buat banyak, Pejabat Daerah Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah dah buat macam-macam. Wakil rakyat, ADUN dah buat macam-macam tapi tak tembus lagi. Kalau Kota Damansara ada kaedah macam mana nak merubah cara drastik kita alu-alukan. *Is not a one way*, bukan tanggungjawab PBT sahaja, bahkan bukan tanggungjawab Kerajaan sahaja tapi tanggungjawab semua pihak. Ha, itu satu. Yang keduanya, oleh kerana penegasan saya tadi kurang prihatin kita, kefahaman kita tentang nyamuk Aedes, salah tanggap ni, kesalahan persepsi dan salah tanggapan tentang masalah saluran sebagai masalah utama. Longkang tersumbat, air bertakung di dalam longkang, jadi daripada wakil rakyat sampailah rakyat biasa persepsi ini disalahkan kepada PBT. Jadi saya, saya ingin mengambil semangat, dari segi semangat untuk bekerjasama untuk menggembeleng tenaga untuk membanteras Denggi, membanteras Aedes itu cukup baik. Tapi dari segi ayat ini, saya harap kalau boleh kita dapat petua daripada Speaker dibetulkan ke, diperbaiki ke agar dari segi semangat usul ini dapat kita dukung bersama-sama tapi kita tak *finger point*, tidak mempersalahkan, menuding jari kepada satu-satu pihak sahaja khususnya PBT. Jadi saya mengalu-alukan dan menyokong pada dasarnya pada *spiritnya* dengan izin usul ini tapi dengan beberapa pembaikan dari segi ayatnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih, Puan Speaker. Saya ingin turut bahas untuk usul ini tetapi bacaan saya terhadap usul ini saya rasa kita perlu ambil ini sebagai satu pendekatan yang mana kita mahu cari satu penyelesaian. *Is more on solution oriented* dengan izin bukan *fault finding*. Walaupun kita kenal pasti ya, banyak punca yang menyebabkan Denggi ini dan saya rasa Kerajaan Negeri kita sedia maklum dan memang kita pandang serius dengan apa yang berlaku di Selangor ini. Kita tidak boleh nafikan kenapa Selangor catatkan statistik yang begitu tinggi kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Saya rasa pada pandangan saya salah satu puncanya kita adalah sebuah negeri yang maju. Kita banyak pembangunan dan kita punya populasi penduduk pun tinggi. Jadi sudah tentunya

dari segi angka itu dan kes yang tercatat ia dibandingkan adalah lebih tinggi. Dan saya petik apa kenyataan yang disebut oleh Yang Berhormat Sementa sebelum ini pada awal tahun memang Selangor kita akur statistiknya telah meningkat kalau ikut bulan awal tahun ini kita catat peningkatan sehingga 354 peratus. Saya rasa semua pihak agak *concern* dan seperti apa yang saya selalu bila turun kempen dengan penduduk di kawasan saya, saya katakan Selangor ini kita ada beberapa cabaran. Pertama sebelum ini kita ada jerebu, kita ada isu air, kita ada isu demam Denggi tetapi pada saya demam Denggi adalah lebih serius sebab boleh bawak maut. Itulah sebabnya kita perlu pandang serius. Dan saya hendak menarik perhatian Dewan ini, saya rasa mungkin setiap kawasan dia ada dinamikanya yang berbeza. Macam mana punca Denggi ini berlaku. Di Rawang, saya rasa memang Jawatankuasa wabak Denggi ini aktif setiap minggu, setiap minggu ada mesyuarat, dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Gombak. Yang mana Jabatan Kesihatan Daerah Gombak, PBT dan semua agensi yang terlibat duduk bincang, termasuk wakil rakyat sekali. Jadi kita sama-sama cari penyelesaian dan saya akur kita nampak pegawai PBT mereka giat turun buat gotong-royong, kita ada Pegawai Jabatan Kesihatan Daerah Gombak yang bila dia pagi ini dia datang sepuluh minit dia jelaskan dalam program gotong-royong dia kena *rush* pergi ke tempat lain. Jadi kita nampak dari segi kekurangan tenaga itu yang mana saya rasa adalah penglibatan semua pihak sekali untuk kita selesaikan. Dan di Rawang spesifiknya saya nampak mungkin saya perlukan kita cari satu pendekatan yang saya nampak salah satu puncanya adalah di *flat* kos rendah yang mana memang ada masalah sikit disebabkan tiada JMB ataupun tiada Persatuan Penduduk ataupun tak ada mana-mana badan yang boleh jalankan aktiviti seperti ini. Jadi ada bumbung yang terbuka, rumah yang bertakung dengan air tetapi gotong-royong sudah dibuat tapi dia masih berulang. Jadi saya cadangkan kita boleh cari yang pertama satu kita kena ada satu *anchor body* yang memang kena jalankan dengan drastik. Dan dia bukan kita buat pada tahun ini sebab statistik tinggi kita buat. Tapi dia sepanjang tahun sebab kita nak ubah sistem itu, ubah sikap itu dengan cara itu kita perlu konsisten. Jadi saya rasa, saya menyokong dan saya bersetuju isu Denggi ini penting. Tetapi saya juga cadangkan kita ada pindaan kepada usul ini supaya Kerajaan Negeri dia sedia maklum dan bertindak drastik tetapi kita tidak letak kesalahan itu terhadap PBT. Saya rasa kita kena cadangkan satu usul yang proaktif dengan cara yang progresif macam mana kita nak selesaikan masalah tetapi tidak menyalahkan satu pihak. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Ha, Balakong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya berpandangan bahawa masalah Denggi merupakan satu cabaran yang harus dipikul bersama. Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, PBT, Kementerian Kesihatan, NGO dan juga individu sama-sama mempunyai peranan masing-masing dalam isu Denggi ini. Jalanlah menolak semua tanggungjawab kepada PBT sahaja. Sebenarnya saya sendiri dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, juga bertanggungjawab dalam terjah

dan musnahkan Denggi. Tidak bermaknalah kalau berbuat demikian kalau nak saling tolak-menolak peranannya dan kita sama-sama mencari jalan penyelesaian. Balakong ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengkaji serta membantu penduduk-penduduk rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana dari segi penyelenggaraan kawasan. Ini adalah kerana kebanyakan rumah pangsa kos rendah dan sederhana gagal menubuhkan badan pengurusan bersama ataupun JMB dan walaupun sekiranya ia dapat ditubuhkan kebanyakan tidak mampu beroperasi dengan lancar kerana kutipan cas penyelenggaraan yang sangat rendah. Contohnya, hanya 50, hanya 155 daripada 254 pembangunan rumah pangsa kos rendah di dalam kawasan pentadbiran MPKJ berjaya menubuhkan JMB ataupun MC dan lebih daripada separuh tidak mampu beroperasi disebabkan oleh masalah kutipan caj penyelenggaraan. Perbalahan yang sering berlaku adalah seperti perbalahan macam telur dan ayam, ada telur dahulu atau ada ayam dahulu. Mereka yang tidak bayar menuduh JMB tidak bekerja dan JMB pula akan mengatakan tidak dapat berfungsi kerana tidak ada dana yang mencukupi. Justeru itu, Balakong menyeru supaya pihak kerajaan memberi tumpuan kepada rumah pangsa kos rendah dan sederhana di dalam negeri yang maju ini dengan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membantu mereka memulakan dengan memberi perkhidmatan pembersihan awam kepada mereka. Yang Berhormat sekalian, memang maklum bahawa pembersihan awam di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana merupakan permasalahan yang paling kritikal dan ia sering menimbulkan masalah kesihatan seperti menyebabkan penyakit Denggi. Balakong yakin bahawa, sekiranya kerajaan sanggup memperuntukkan kos untuk melaksanakan cadangan ini, kebersihan di sekeliling negeri Selangor pasti akan bertambah baik dan ia jelas akan membantu Yang Amat Berhormat Menteri Besar mencapai sasaran Selangor bersih di samping meningkatkan mutu kesihatan anak-anak Selangor. Dengan ini penyakit Denggi akan dikurangkan walaupun isu kebersihan di rumah pangsa bukannya punca utama penyakit Denggi kerana semua maklum bahawa ada punca-punca daripada pelbagai aspek. Tuan Speaker, Balakong juga ingin ambil maklum bahawa kebanyakan masalah kebersihan persekitaran adalah disebabkan oleh kawasan yang majoriti di majoriti warga asing. Ini telah menjadi satu permasalahan yang sangat membimbangkan. Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri yang telah menyediakan risalah di dalam pelbagai bahasa dan Balakong amat memerlukannya. Saya ingin mencadangkan bagi meningkatkan keberkesanan kempen-kempen yang bakal diadakan, PBT ataupun Kerajaan Negeri perlu mendapatkan maklumat tempat kediaman pekerja-pekerja asing yang tinggal di dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Perjumpaan dan perbincangan dengan majikan mereka harus diadakan supaya mendapat kerjasama daripada majikan masing-masing. Saya yakin keadaan kebersihan di kawasan warga asing akan bertambah baik dengan pendekatan sedemikian. Dengan itu, Balakong menyokong usul ini dengan pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Rawang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker kerana mengizinkan Teratai untuk menyertai sesi perbahasan ini walaupun kawasan Teratai buat masa kini bebas daripada *Hotspot* Denggi. Puan Speaker, Ahli-ahli yang berhormat dalam Dewan ini ingin terus *straight to the point* untuk membuat cadangan bagi usul-usul yang telah dibentangkan tadi. Usul nombor 30 ini, Teratai memohon supaya pindaan dilakukan di bawah peraturan 30 sebentar nanti. Bagi, memang bagi isu Denggi ini merupakan suatu isu yang kritikal di negeri Selangor dan juga di seluruh Malaysia, seperti mana yang dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Tapi apa yang berlaku ialah kita mempunyai undang-undang yang lengkap. Masalah di sini ialah dari segi pelaksanaan, sama ada badan-badan, agensi-agensi kerajaan ataupun Skuad COMBI yang ditubuhkan itu sama ada mereka ada melaksanakan undang-undang yang sedia ada. Teratai di sini ingin mencadangkan supaya kerajaan Selangor boleh menggalakkan pertandingan cari jentik-jentik di kalangan komuniti supaya pendidikan ini dapat meningkatkan kesedaran kanak-kanak kita terhadap bahayanya Denggi di komuniti di dalam kehidupan kita. Ini bukan satu benda yang baru.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Ya Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya ingin bertanya kepada Teratai apakah agaknya amaun yang sesuai satu, seekor jentik-jentik berapa sumbangan yang patut dapat. Bagi Yang Berhormat Batu Tiga pertandingan mencari jentik-jentik ini memang pernah dilakukan di kawasan Teratai yang mana mendapat sambutan yang tinggi. Ini bukan kita mencari satu ekor berapa ringgit. Ini ialah kita menggalakkan kanak-kanak kita supaya mencari jentik-jentik dan hapuskan sebelum nyamuk aedes ini membiak. Jadi apa yang berlaku ialah Teratai telah memberikan peruntukan bukan banyak sahaja bagi kanak-kanak mencari jentik-jentik yang paling tinggi Teratai hanya memberikan RM100.00. Jadi, kanak-kanak semua mereka gembira. Mereka boleh berusaha untuk mencari jentik-jentik pada masa lapang dan terutama sekali pada hujung minggu. Ahli-ahli Yang Berhormat apa yang berlaku ialah tempoh masa untuk nyamuk aedes untuk kita kata daripada bertelur sampai hidup atau sebagai satu nyamuk aedes adalah satu minggu. Sekiranya bagi orang rakyat jelata, kita dapat bersama-sama membanteras denggi ini saya sesungguhnya percaya bahawa bagi kes nyamuk aedes, bagi kes denggi di negeri Selangor ini dapat diturunkan. Selain daripada pertandingan mencari jentik-jentik kita juga harus mencari pihak yang membuang sampah merata-rata, sesuka hati. Saya masih ingat bagi Puan Speaker yang pernah mengambil tindakan yang tegas terhadap seorang, atau satu syarikat yang membuang sampah di kawasan tempat haram yang tempat pembuangan sampah yang tidak diizinkan sehingga membuka sampah plastik beg yang dibuang di tempat itu dan cari orang yang membuang sampah begitu. Kadang-kadang kita kata adalah senang bagi kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat untuk

berucap di sini tapi kita juga perlu untuk melaksanakan atau pun bertindak bersama-sama dengan anggota dan juga *Skuad COMBI* kita supaya saya kita dapat mengambil tindakan yang drastik untuk menangani kes denggi di negeri Selangor ini. Tambahan pula bagi penguat kuasa, bagi denda harus juga mengenakan denda yang lebih tinggi. Barang kali sebagai Wakil Rakyat kita selalu kena berjumpa dengan penduduk yang mana mereka memohon kita supaya menolong mereka untuk menulis surat supaya denda-denda yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dapat dikurangkan sekiranya diizinkan saya di sini memohon supaya kerajaan Selangor memberi arahan kepada semua Kerajaan Tempatan tidak membenarkan diskaun terhadap kompaun-kompaun yang dikenakan atas kebersihan alam sekitar yang telah di isu kan kepada mana-mana pihak pesalah. Rampasan tanah juga harus dilakukan terhadap mana-mana projek pembangunan yang sedang dijalankan yang mana kerap kali telah didapati merupakan tempat pembiakan nyamuk aedes. Tempat pembiakan nyamuk aedes ini bukan sahaja daripada saluran seperti mana yang di tulis dalam usul No. 30 ini bahkan juga kita juga dapati bahawa ada tempat pembiakan nyamuk aedes di kawasan tanah projek-projek perumahan ada kalanya adalah projek terbengkalai atau projek-projek yang sedang dijalankan. Jadi, kerajaan Selangor boleh menggunakan kanun tanah negara untuk merampasnya sekiranya terdapat mana-mana pihak pemaju yang gagal untuk menjaga kebersihan alam sekitar ini. Memang Teratai menyokong bahawa bagi isu denggi ini semua pihak harus bekerjasama untuk menangani dan membanteras denggi ini. Akan tetapi Teratai mendapati bahawa laman web bagi Kementerian Kesihatan Malaysia yang sepatutnya memaparkan status terkini bagi kes-kes denggi hanya status dia, status bagi maklumat ini hanya setakat 1 Julai 2013 sahaja. Teratai berharap bagi pihak Wakil Rakyat Pembangkang boleh menyarankan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia ini untuk mengemaskinikan maklumat yang terkini supaya bagi orang awam termasuk Wakil Rakyat kita ada maklumat yang terkini berkenaan dengan status denggi di Malaysia ini. Selain daripada itu bagi pemeriksaan yang dijalankan kita nak cegah kes denggi daripada bertindak selepas ada kes kematian yang melibatkan 66 nyawa seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Kota Damansara. Pemeriksaan berkala harus dilaksanakan sekurang-kurangnya satu minggu bukan sahaja daripada badan penguat kuasa atau pun jabatan, jabatan kesihatan. Sebagai seorang penduduk di negeri Selangor kita juga harus untuk memeriksa rumah sendiri sepuluh minit satu minggu tiap-tiap hari, ah! Tiap-tiap minggu yang mana mesej ini sesungguhnya saya percaya tidak disebarkan cukup luas kepada penduduk kita atau pun galakkan tidak diberikan kepada penduduk kita untuk melakukan atau mengamalkan tabiat ini setiap minggu. Jadi Teratai di sini akhir sekali berharap supaya kerajaan Selangor, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini bukan sahaja daripada Pakatan Rakyat bahkan daripada UMNO, Barisan Nasional supaya kita bersama-sama untuk bertindak untuk membanteras denggi ini. Dengan ini Teratai menyokong usul 30 ini dengan pindaan yang akan dilakukan kemudian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, Sungai Burong juga terpanggil untuk membahaskan isu ini memandangkan isu ini merupakan isu yang sangat penting pada masa ini. Ini adalah kerana masalah denggi merupakan masalah yang amat serius melibatkan 40,000, lebih 40,000 kes yang melihatkan kematian 66 nyawa di negeri Selangor ini dan sudah sampai masanya supaya satu *crisis management* dibuat untuk mengatasi masalah ini. Saya amat bergembira kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah, telah pun menjalankan satu program untuk memastikan bahawa gerakan untuk mengatasi denggi ini melalui pembersihan longkang-longkang itu dijalankan. Walau bagaimana pun saya yakin dan percaya oleh kerana masalah denggi ini melibatkan bukan sahaja beberapa tanggungjawab agensi tetapi melibatkan semua pihak maka penanggung jawaban ini kenalah digemblengkan secara menyeluruh. Tapi pada masa yang sama kita mengharapkan supaya dalam masa jangka masa pendek ini satu tindakan yang betul-betul drastik dibuat ya, untuk memerangi nyamuk aedes ini. Saya kalau boleh meminta supaya diisytiharkan perang kepada nyamuk aedes inilah supaya kita dapat menghapuskan semua nyamuk aedes di negeri Selangor. Saya menyokong cadangan daripada Kota Damansara supaya Pihak Berkuasa Tempatan terus menjalankan tindakan-tindakan untuk memastikan untuk supaya penguatkuasaan dijalankan tujuannya tidak lain memastikan supaya pelaksanaan undang-undang bagi mengawal aedes ini dapat dilaksanakan. Selain daripada itu juga, sebenarnya saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan telah berusaha bersungguh-sungguh ya, untuk apa kata untuk memberikan penerangan dari segi *preventive* tentang masalah aedes ini, ya. Kalau di tempat sayalah sendiri ya, kempen-kempen, penerangan-penerangan kepada rakyat di kampung-kampung khususnya telah dijalankan hampir setiap bulan tapi kekangan yang dihadapi oleh jabatan kita tahu ialah masalah *man power* dengan izin dan juga masalah keupayaan untuk bertindak untuk apa ni, berjalan kempen-kempen ini di seluruh kawasan. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri oleh kerana ada kekangan dari segi perjawatan mungkin keutamaan atau fokus kena diberikan. Tumpuan-tumpuan bolehlah diberikan kawasan-kawasan yang *the most urgent*, iaitu dengan izin iaitu di kawasan-kawasan *hotspot* yang telah dikenal pasti dengan cara penggemblengan tenaga. Pada masa ini mungkin kita boleh di *deploy* dengan izin, staf atau kakitangan daripada jabatan kesihatan di kawasan-kawasan tidak ada atau pun kurang masalah denggi ini ke kawasan yang betul-betul serius ada masalah denggi ini dan ditumpukan untuk memberikan apa, ah! Tindakan-tindakan program *preventive*. Pada masa yang sama juga ya, kita tidak boleh menolak hakikat bahawa aedes ini membiak di kawasan-kawasan yang terdapat orang kata masalah sampah, ya. Sampah yang menjadi punca. Dan masalah sampah ini datangnya pertamanya ialah daripada penggunaan *container-container* atau pun barang-barang yang boleh menakung air seperti yang disebutkan tadi iaitu satu sudu, sudu yang bertakung air itu pun boleh menyebabkan pembiakan nyamuk. Botol-botol, penutup botol plastik ini pun boleh menyebabkan nyamuk-

nyamuk aedes ini bertelur, dan kita dapati hari ini penggunaan plastik di negeri Selangor atau pun khususnya di negeri kita ini adalah begitu berleluasa sekali. Saya ingin menyarankan supaya hari ini ya, tindakan secara orang kata berkesan hendaklah dibuat untuk memastikan bahawa pembuangan atau pun *disposable* dengan izin, bahan-bahan seperti plastik dan yang boleh menyimpan air ini kena diambil orang kata tindakan yang tegas. Masalah sampah merupakan masalah pokok di negeri Selangor yang belum selesai. Ini kita kena terima hakikat dan saya sangat berharap bahawa tindakan ini kalau dapat diselesaikan dengan sendirinya dapat membantu untuk menyelesaikan masalah pembiakan nyamuk-nyamuk aedes ini. Selain daripada itu saya ingatkan gerakan melalui pertubuhan-pertubuhan di dalam kawasan-kawasan taman seperti jawatankuasa penduduk taman di kampung-kampung seperti JKKK dan JKKP ini perlu dimainkan peranannya untuk memastikan bahawa segala kerja-kerja gotong-royong yang dibuat ini bukan sahaja dibuat secara berkala tetapi berterusan. Hingga akhirnya sekurang-kurangnya kita ingin melihat bahawa masalah aedes ini dapat di, apa orang kata dapat menurun dalam masa terdekat dan kemudian dalam masa jangka panjang ini merupakan pendekatan-pendekatan yang perlu dilaksanakan secara bersepadu bukan sahaja oleh agensi-agensi tetapi dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri. Saya sangat berharap supaya isu ini janganlah dijadikan isu apa orang kata menyalahkan, orang kata dari segi menjadikan ini politik tetapi lebih kepada untuk menyelesaikan masalah denggi negeri Selangor. Walau pun apa pun ya, pandangan yang dikatakan ya, tentang cara macam mana usul ini dikeluarkan tetapi saya ingin menegaskan bahawa pada hakikatnya ialah kita ingin mahu melihat cara ikhlas masalah apa orang kata serangan nyamuk aedes mengakibatkan denggi ini dapat diselesaikan di negeri Selangor. Dengan itu saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Dusun Tua, dua minit. Bukit Gasing, dua minit dan Sekinchan, dua minit. Dusun Tua.

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Kota Anggerik, tak nampak ya.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya terus sahaja kepada usul yang ke-30 ini kerana saya mengambil bahagian ini ada perkara sejarah berlaku kepada saya dan saya terkesan dengan perkara ini. Sudah semestinyalah saya menyokong usul yang dibawa oleh Kota Damansara ini tetapi setelah saya teliti minta pihak Kota Damansara membuat pindaan ya, berhubung dengan terus sahaja kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sedangkan yang kita tahu bahawa yang terlibat terus dalam menyelesaikan masalah kesihatan denggi ini ialah Kementerian Kesihatan. Apa yang saya kata terkesan tadi sungguh pun isu ini jangan dipolitikkan tetapi pada bulan Julai, ya, Jabatan Kesihatan telah membuat pemeriksaan rumah ke rumah mencari jentik-jentik ini dan mereka telah menerjah ke rumah saya. Masa itu saya tidak ada di rumah, ya. Isteri saya tak tahu siapa yang datang. Jadi, isteri saya buka pagar, dia masuk terus pergi ke bawah pokok rambutan. Jadi dia jumpa jentik-jentik di bawah pokok rambutan. Ya. Jadi, perkara ini berlaku dan keluar surat kompaun pada sayalah dan saya seminggu lepas itu

pergi bayar kompaun tu di Pejabat Kesihatan di Kajang. Dia bagi saya kekurangan bayar denda itu. Saya tak sebut kurang berapa dia terperanjat pegawai terperanjat oh rupanya rumah Y.B. dia orang pergi itu hari, minta maaf Y.B. dia kata, tak perasan rumah Y.B. Jadi yang saya nak tanya pegawai itu begitu banyak rumah-rumah orang lain di sekeliling itu pun ada kilang tayar dia bertakung air tetapi dia kejar rumah saya. Jadi saya tak tahu lah sama ada itu isu politik atau pun tidak? Jadi apa yang saya ingin ingatkan bahawa memanglah denggi ini satu perkara yang perlu kita tangani bersama, berhabis-habisan kerana salah satu daripada daerah ya....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, perasan, perasan.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Ya, ya tak habis lagi, tak habis lagi.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku jangan, jangan ganggu Dusun Tua, saya nak Dusun tua habiskan. Kita ada banyak lagi Usul dalam senarai.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Jadi saya ingin bertanya kepada Y.B. Dusun Tua bila pegawai Kesihatan dia datang ke rumah? Dia tak lihat longkang, dia terus semak bawah pokok rambutan itu sebenarnya telah pun menunjukkan bahawa kesilapan orang ramai selalunya ada tangkapan yang salah bahawa longkang yang menjadi masalah. Sebenarnya bukan apa pendapat Y.B.?

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Betul, itu yang saya kata tadi sepatutnya PBT ini terus mengatakan PBT yang bertanggungjawab dan kita juga telah diperjelaskan atau pernah diberitahu oleh Kementerian Kesihatan ialah pembiakan nyamuk aedes ini ialah di air jernih yang bersih, bukan air yang kotor. Jadi itu kita minta supaya pihak yang bentang surat ini supaya buat pindaan tentang Usul ini dan saya teruskan tadi ya. Kerana salah satu daripada daerah yang banyak kes denggi ini ialah di Hulu Langat dan di Dusun Tua satu DUN yang ada 2, 3 kes yang kita nampak perkara ini perlulah diambil perhatian serius dan saya menekan di sini supaya Kementerian Kesihatan mestilah menjalankan tugasnya dan perkasakan lagi perkara-perkara yang sepatut dibuat untuk program-program supaya memahami apa sebenarnya apa tindakan yang perlu dibuat oleh orang ramai supaya perkara ini dapat diselesaikan. Dengan ini saya menyokong Usul 30 ini.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, 2 minit masa yang paling pendek. Bukit Gasing diberi untuk memadai debat tetapi saya ingin menarik perhatian kepada mungkin taktik-taktik kita pakai dalam tahun 2014. Saya ingat lagi sesi bajet tahun lepas 1 *year ago exactly* kita membincangkan perkara yang sama fasal denggi masa ini Sementa dan Sg Pinang menjawab dan menjadi satu Perbahasan yang hebat di dalam Dewan ini. Saya rasa kita kena ubah taktik, taktik yang dipakai untuk selama 1 tahun yang lepas ini tidak beberapa berkesan. Kita kena tambah baik saya memberi sedikit cadangan *straight to the*

*points* masa tidak mengizinkan mungkin kita boleh *promote* kan seperti di Singapura *mosquito repellent* kepada kawasan-kawasan *hotspots*. Jika nyamuk tidak menggigit nyamuk yang berjangkit itu tidak menggigit manusia yang lain incident itu akan berkurangan. Bukan di seluruh negeri Selangor yang bukan *hotspots* tak payah kita tak ada peruntukan yang *unlimited*. Kita fokus *on the hotspots* kawasan wabak. *Mosquitoes repellent* menjadi satu *defence*. Yang kedua *mosquitoes netting* dengan izin jaring halus boleh dipasang di tingkap, juga di kawasan *hotspots*. Kawasan macam DUN Bukit Gasing pun tak ada kawasan *hotspots*. Tak payah letak *mosquitoes netting* tapi di kawasan yang ada banyak di sementara di Flora Damansara dan sebagainya. Mungkin kita boleh memberi sedikit peruntukan kerana sana flat kos rendah untuk membantu mereka memasang *mosquitoes netting* kita kurangkan insiden di mana nyamuk menggigit manusia ini. Nyamuk-nyamuk yang berjangkit mungkin di kawasan yang tak ada *hotspots* seperti kampung nyamuk itu tidak berjangkit so bila dia menggigit memberi penyakit denggi. Yang ketiga kita kena maklumkan dengan lebih jelas kepada penduduk bahawa situlah kawasan *hotspots*. *I think* kalau sekarang kita tanya penduduk kawasan perumahan kamu pun kawasan kerja kamu adakah itu *hotspots* atau tidak. Ramai masih lagi tidak tahu, tidak jelas mungkin kalau kita rujuk dokumen di Kerajaan Negeri atau pun PBT dia tahu bila saya *call* pegawai di MBPJ *off handphone* tak boleh bagi tahu saya kena rujuk dokumen berapa kes dalam 2 minggu yang lepas tetapi mungkin *signboard-signboard* yang besar. Saya memberi contoh di MPSJ dah mula melakukan letak banner-banner besar. Kita pertingkatkan banner besar di kawasan tersebut maklumkan sini sekarang *hotspots*. Ini tiga langkah di mana penduduk boleh membuat untuk mencegah dijangkiti. Kita juga mengatasi masalah *fogging* sebab saya dimaklumkan nak betulkan saya kalau saya silap, tapi saya dimaklumkan sekarang PBT tidak buat *fogging* sendiri. PBT tunggu Pejabat Kesihatan Daerah untuk maklumkan mana tempat nak buat *fogging* baru dia buat *fogging*. Hospital hari pertama *patients* masuk hospital mungkin itu sudah hari ketiga dia dijangkiti, hari kedua baru Pejabat Kesihatan dimaklumkan oleh Hospital, hari ketiga baru PBT dimaklumkan oleh Pejabat Kesihatan, hari keempat baru dilakukan *fogging*. Dalam beberapa hari itu mungkin ada lagi 5, 10 orang dijangkiti. Ini proses di mana Barisan Nasional dengan Pakatan kena duduk bersamalah. Saya rasa daripada Hospital ke *fogging* kena mempercepatkan proses kita pendekkan kita hapuskan birokrasi di sana. Akhir sekali juga di flat kos rendah, kerja-kerja pembersihan di dalam flat kos rendah di bawah tanggungjawab JMB atau pun MC tetapi di jawab pada hari pertama Persidangan oleh Y.B. Cempaka banyak flat kuasa di negeri Selangor tak ada MC, tak ada JMB. Saya harap PBT boleh memasuki dan membersihkan semua flat kos rendah, jangan tunggu MC dan JMB membersihkannya. Jangan kita tunggu untuk mereka mencari dana untuk melupuskan sampah pukal mereka. Kita buat, kita boleh buat saya harap ini menjadi sedikit strategi baru untuk difikirkan dan harap diterima, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pembahas terakhir, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan bangun untuk turut serta dalam Perbahasan Usul No. 30 yang dibawa oleh Y.B. Kota Damansara, saya ingin tegaskan di sini pada Dewan Yang Mulia bahawa kita ADUN-ADUN dari Pakatan Rakyat, kita mengambil sikap terbuka dengan hati yang ikhlas, berbesar hati, meneliti Usul-Usul yang dibawa oleh pihak Pembangkang. Kalau Usul itu bagus, baik demi rakyat tak ada masalah kita sokong, kita sokong, kita tak macam Barisan Nasional, kita tak macam UMNO, dengar Usul dia pun takut. Saya, saya tak tuduh memang betul dengar Usul, nak dengar, nak dengar Usul dia pun tak nak, dia keluar Dewan. Dengar Usul dia pun takut, saya tak pernah, saya tak pernah nampak Wakil Rakyat yang takut dengan Usul. Ai... ini sindrom ketakutan yang menara tak apalah ini penyakit Barisan Nasional dan saya nak teruskan bahawa dalam Usul ini bagus, sapu, sapu...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker, ini tekan 36, ini sangkar jahat ini tak bolehlah menuduh orang takut dan sebagainya, saya minta dia tarik balik. Kita dah bagi alasan kita, kita bukan takut berbahas mana yang kita perlu kita bahas, kita bahasa, kalau yang perlu kita rasakan tak perlu bahas kita tidak mana ke bahasan, tapi itu pun bukan sikap takut. Sekinchan janganlah menakut-nakutkan orang kita dah takut ya, saya minta ini supaya tarik balik sangkar jahat.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan ambil maklum ya. Okey teruskan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ambil maklumlah sebab perkataan takut dia pun takut. Tak apalah biar, biar saya ambil maklum, saya ambil maklum ya. Jadi kalau dalam saya baca dalam kandungan Usul ini bagus cuma ayat dia pakai tak berapa bagus. Ah ayat itu dia hanya kata PBT sahaja itu tak berapa bagus, tak tepat menyeluruh kita kena merangkumi seluruh jabatan-jabatan yang terlibat Kementerian Kesihatan, Pejabat Kesihatan, PBTnya, Pejabat lainnya, Bombanya, Menteri Besarnya, ADUNnya, Ketua Kampungnya, Ahli Majlisnya, penduduknya seluruhnya baru barulah kita dapat membanteras wabak denggi aedes ini. Dan sikap penduduk di sana memberitahu di Dewan Yang Mulia ini, sikap penduduk di Taman Kampung Baru, Bagan Kampung Tersusun, Kampung Tradisional penduduk kena beri kerjasama yang erat kepada Kerajaan dan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Kalau penduduk tak bagi kerjasama tak buang air yang takung, tak bersihkan halaman rumah menunggu kita terjah menunggu pemimpin terjah, Permatang terjah Sungai Burong pun nak ikut terjah, Kota Damansara pun ikut, Sekinchan pun datang. Kita nak buang air rumah mereka tak selesaikan masalah denggi ini. Jadi untuk menyelesaikan masalah wabak denggi menular caranya dengan izin senang tapi kerjasama raya perlu sentiasa waspada, dengan izin waspada kalau rakyat tak berhati tak wasbodoh memang habis ya. Hari-hari Dewan Yang Mulia ini tak boleh hapus nak tuduh sini tuduh A, tuduh B, tuduh C tak boleh hapuskan masalah sebab nyamuk aedes ini dia ada keunikan saya dah buat penelitian di sini. Dia hebat kenapa saya kata dia hebat, dia hebat sebab dia ini lebih baik dari UMNO. Sebab dia tak ada unsur perkauman dia gigit, Cina dia gigit, Melayu dia gigit, India dia gigit,

Kerajaan dia gigit, Pembangkang dia pun gigit, semua dia gigit jadi dia melampaui batas perkauman nyamuk ini jadi saya kata nyamuk ini semangat dia bagus cuma dia gigit orang tak nak teguh boleh mati, boleh mati jadi Tuan Speaker nyamuk ini kena terjah dan musnah, terjah dan musnah kerjasama semua pihak, kita ambil sikap jadi jangan tuduh. Kita boleh sokong Usul ini dengan syarat Tuan Speaker saya minta Usul ini dipinda. Menurut Peraturan Tetap 33 Pinda Usul saya cadang di sini.

“Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini mengesakan Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan drastik yang berkesan bagi membanteras masalah penularan penyakit denggi yang disebabkan oleh pembiakan nyamuk aedes yang tidak terkawal demi kesihatan hidup rakyat yang berkualiti. Saya minta Usul ini disokong Ahli-ahli Dewan yang boleh sokong Usul saya, ini dipinda jadi kita akan sokong Usul ini demi rakyat sebab isu ini tak ada masalah. Cuma kita tak mahu tuduh satu pihak. Sekian, saya mencadangkan Usul ini dipinda, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ada penyokong?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum Usul ini diputuskan di hadapan saya terdapat cadangan untuk meminda Usul No. 30 Tahun 2014 daripada Y.B. Kota Damansara. Dewan meminda secara memotong akibat daripada masalah saliran dan kebersihan khususnya di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dikeluarkan daripada Usul. Saya kemukakan Usul Pindaan ini untuk diputuskan oleh Dewan. Saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan pindaan ini sila bangun. Setiausaha Dewan sila mengira. Boleh duduk yang tidak bersetuju dengan pindaan sila bangun, yang berkecuali sila bangun Batang Kali ada pendirian? Oh dah bangun, maaf saya tak nampak. Baiklah nampaknya keputusan undian adalah jelas sebulat suara oleh pihak Dewan untuk meminda Usul tersebut. Seperti yang dicadangkan oleh Y.B. Sekinchan dan disokong oleh Bukit Gasing saya kemukakan Usul yang berbunyi seperti berikut untuk diputuskan:-

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan drastik yang berkesan bagi membanteras masalah penularan penyakit denggi yang disebabkan pembiakan nyamuk Aedes yang tidak terkawal demi kesihatan hidup rakyat yang berkualiti”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 31 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5), oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut : -

“Bahawasanya mengikut Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) Berkenaan Pejabat Daerah dan Tanah (“PDT”) Daerah Petaling yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 49 Tahun 2014”.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah telah membuat lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah Petaling pada 19 Mei 2014. Lawatan ke Pejabat Daerah salah satu rangka kerja Jawatankuasa bagi melihat sendiri perkembangan dan perjalanan Pentadbiran Pejabat Daerah di Negeri Selangor. Jawatankuasa juga ingin juga mengetahui pencapaian dan permasalahan yang dihadapi oleh semua Pejabat Tanah dan Daerah di Selangor. Isu-isu khusus, yang pertama, Laporan Prestasi Kerja terhadap kutipan hasil. Jawatankuasa telah meneliti bahawa kutipan hasil cukai tanah bagi Pejabat Tanah Petaling telah berjaya mengutip 76% daripada jumlah hasil cukai tanah yang perlu dipungut yang melibatkan kedua-dua cukai semasa dan cukai tunggakan bagi tahun berakhir 2013. Manakala untuk tahun 2014 bagi tempoh sehingga bulan April, peratusannya adalah sebanyak 47%. Statistik penyediaan Kertas Kerja tentang permohonan tanah melalui Skim Pemilikan Kediaman Persendirian juga merupakan tajuk yang diteliti Jawatankuasa dan kami telah diberi maklumat tentang permohonan pembermilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Dan difahamkan permohonan adalah tidak terlalu banyak, permohonan tidak terlalu banyak berbanding jumlah permohonan lanjutan tempoh pajakan di bawah Seksyen 197 dan 76 Kanun Tanah Negara, kerana kekurangan tanah-tanah kerajaan di daerah Petaling. Jawatankuasa juga meneliti isu tentang lesen pendudukan sementara ataupun TOL, dan antara permohonan-permohonan yang diterima dan diproses oleh Pejabat Tanah dan Daerah adalah permohonan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, untuk tujuan pembinaan tempat letak kereta dan juga institusi-institusi pendidikan seperti di Taylor’s Universiti, Subang Jaya. Bagi permohonan TOL untuk papan-papan iklan, kebanyakan permohonan juga adalah datang daripada pejabat Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPJ dan MPSJ, dan ia akan dibawa ke MTES untuk kelulusan. Jawatankuasa juga telah dimaklumkan bahawa MBPJ telah pun di saman atas kesilapan-kesilapan teknikal berkenaan dengan penggunaan terma sewaan tapak tersebut di mana ia sepatutnya dikenali sebagai projek usaha sama dan bukannya sewaan. Jawatankuasa juga meneliti permohonan pewartaan tanah perkuburan bagi orang bukan Islam dan kini dapat satu tunggakan bagi permohonan tanah perkuburan Kristian tetapi ia ditolak kerana tanah tersebut terletak di dalam rizab jalan. Bagi tanah perkuburan India dan Cina terdapat juga dua tunggakan di mana permohonan ini sedang di proses dan mendapat laporan

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, tolong ringkaskan tak payah baca seluruh laporan kerana telah dibentangkan atas meja-meja Ahli Dewan Negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, ya. Jadi sedang menunggu daripada, laporan daripada pegawai penempatan. Kami juga menjalankan siasatan terhadap isu ataupun status tanah milik bebas dan juga pajakan di DUN Taman Medan dan DUN Bukit Gasing, kita telah menjalan satu sesi pendengaran tertutup terhadap isu ini, dan kami bercadang akan meneruskan pendengaran dan siasatan selanjutnya terhadap isu ini selepas Sidang Dewan. Terdapat juga beberapa penemuan lain yang saya akan ringkaskan sebenarnya di Dewan yang mulia ini iaitu tentang tunggakan bayaran hasil yang tinggi di daerah Petaling dan kami difahamkan terdapat beberapa isu-isu teknikal seperti pemegang-pemegang ataupun rekod *Approved Application* ataupun AA yang tidak dapat diproses oleh Pejabat Daerah dan ini menyebabkan merupakan punca, salah satu punca tunggakan cukai yang masih tidak dapat dikutip oleh pejabat daerah. Kami juga dimaklumkan bahawa terdapat pembinaan, isu kawasan perumahan yang dibina di atas tapak pencawang elektrik dan rizab TNB dan isu ini juga merupakan satu isu hangat yang masih belum dapat diselesaikan oleh Pejabat Tanah dan kami telah pun berjanji akan meneliti perkara ini selepas Sidang Dewan ini. Isu-isu teknikal yang lain seperti dan termasuk *Master Title* yang tidak dibatalkan walaupun hak milik individu yang telah dikeluarkan, saya rasa ini juga merupakan beberapa isu teknikal yang rasa agak remeh temeh tetapi selalu membelenggu keberkesanan kerja di Pejabat Tanah dan Daerah. Untuk isu berkenaan dengan tunggakan hasil cukai yang di sebabkan oleh *Approved Application* ataupun AA, saya, Jawatankuasa telah pun mencadangkan supaya Kerajaan Negeri di bawah Setiausaha Kerajaan untuk mengadakan satu Jawatankuasa atau *Task Force* yang khusus untuk menangani isu tunggakan cukai ini. Pemerhatian daripada Jawatankuasa ialah selalu kami melawat ke setiap Pejabat Tanah dan Daerah, kami mendapati bahawa kutipan cukai semasa sangat bagus. Tapi kutipan tunggakan cukai amat lemah, walaupun kerajaan telah pun menetapkan sasaran 75%, kebanyakannya kami mendapati tidak mengena sasaran dan jauh tersasar daripada apa yang sepatutnya. Jadi saya rasa ini adalah satu isu bagi Jawatankuasa, satu isu yang telah pun mencapai tahap kronik dan memerlukan campur tangan daripada Kerajaan Negeri. Jadi sekian saja, itu adalah beberapa isu utama dan selebihnya ada di dalam penyata dan saya memohon kerajaan untuk memberi perhatian. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya menyokong Usul 31, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) yang dibawa oleh Kampung Tunku.

Tuan Speaker, kalau kita lihat Daerah Petaling merupakan daerah terbesar dengan jumlah kutipan hasilnya melebihi RM500 juta setahun. Difahamkan ini melebihi jumlah kutipan Kelantan campur Kedah. Sudah pastilah untuk menguruskan daerah yang sebegini besar ia perlukan kecekapan pegawai-pegawai yang ada, latihan

diberi di samping itu ia perlukan teknologi digunakan. Dan memastikan bahawa semua data-data dan rekod-rekod tanah daerah Petaling dapat di kumpul dengan baik. Satu lagi masalah daerah Petaling ialah kerana Pejabat Daerahnya itu agak berjauhan. Sedangkan saya, Shah Alam, yang ke sana pun rasa jauh, apa lagi mereka yang daripada Serdang ataupun kawasan yang hujung daerah Petaling. Saya rasa satu kesilapan kerajaan dahulu memindahkan Pejabat Daerah Petaling ke kawasan yang begitu ribut sekali. Saya cadangkan supaya satu Pejabat Daerah bergerak berada di tengah-tengah bandar atau bergerak untuk memudahkan orang awam untuk berurusan dengan Pejabat Daerah Petaling. Keduanya, saya dapati banyak isu-isu yang datang ke Pejabat Daerah Petaling ialah berulang-ulang. Soalan yang sama yang dibangkitkan yang berkunjung, soal bayaran, cara bayaran, mohon tanah dan sebagainya. Saya cadangkan supaya distandardkan soalan-soalan yang biasa ini agar orang awam, soalan lazim ini, orang awam boleh access dengan mudah. Saya sekarang sedang melihat laman web Daerah Petaling. Saya dapati tidak ada yang sedemikian, supaya orang awam mudah access maklumat Pejabat Daerah Petaling dan soalan-soalan lazim tersebut, tak payah tanya pegawai. Itu saya rasakan Petaling ini daerah yang perlu dipertingkatkan keupayaan pentadbirannya sebab ia penyumbang terbesar kepada hasil negeri. Di katakan tadi bahawa isu yang utama di Pejabat Petaling ialah isu lanjutan pajakan. Seperti ada kelewatan ketika saya buat kempen lanjutan pajakan dengan bayaran RM1,000.00 di kawasan Kota Anggerik, terima kasih kerana pegawai-pegawai turun. Tetapi prosesnya makan masa, dan untuk dapat *title* dan sebagainya makan masa. Saya rasa ini perlu dicekapkan. Jadi itu saya fikir menyokong Usul ini.

**TUAN SPEAKER:** Ada lagi yang nak bahas. Kalau ada, saya bagi 5 minit seorang. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyokong Usul ini, dan ingin membawakan satu isu sahaja iaitu berkaitan dengan permohonan lanjutan pajakan tanah di Petaling Jaya. Saya mendapat banyak aduan ataupun persoalan daripada penduduk yang telah menghantar permohonan untuk lanjutan pajakan lot tanah milik mereka kerana apa yang telah dijanjikan sebelum ini oleh kerajaan proses lanjutan ataupun proses permohonan lanjutan pajakan hanya akan mengambil paling lama 3 bulan. Tapi apa yang dihadapi oleh pemohon adalah tempoh yang lebih lama daripada 3 bulan. Jadi saya fikir mungkin ada perkara yang melengahkan proses pemberian lanjutan pajakan tersebut. Itu pertama. Yang keduanya, adalah, sebenarnya saya sudah bangkitkan perkara ini dalam perbahasan perbekalan belanjawan 2015 berkaitan dengan tapak yang sebenarnya adalah bagi kediaman telah ditukar ataupun dijadikan tapak untuk perniagaan. Jadi bagi lot-lot tersebut, kini telah hampir tamat tempoh pajakan mereka. Jadi mereka hadapi masalah untuk melanjutkan pajakan tanah tersebut, kerana apa yang ada sekarang adalah satu perniagaan yang telah dijalankan belasan tahun. Jadi apa yang dinasihatkan oleh Pejabat Daerah Petaling adalah mereka perlu mengubah semula lot perniagaan tersebut menjadi lot kediaman.

Maksudnya tu, dengan kata lain merobohkan kedai yang ada tersebut menjadi lot kediaman, dengan itu baru diberi lanjutan pajakan lot tersebut. Jadi saya lihat mungkin ini tidak boleh menyelesaikan masalah yang telah berlanjutan begitu lama. Hanya saya mohon mungkin ada satu formula untuk tangani masalah yang memang berleluasa khususnya di Seksyen 2, 3 & 4, Petaling Jaya. Yang saya dapati mereka sekarang merasa agak bimbang kerana tidak dapat lanjutkan pajakan tanah mereka. Itu yang kedua. Yang ketiganya adalah berkaitan dengan permohonan untuk menukar tanah *list hold* ataupun pajakan kepada *freehold*, pegangan bebas. Kerana apa yang mereka katakan sebelum ini, tanah tersebut adalah berstatus pertanian. Jadi kemudian telah di bagi, kerana mereka telah menunjukkan geran tanah dan sebagainya yang semasa zaman penjajah dahulu. Jadi telah kemukakan perkara ini kepada Pejabat Menteri Besar sebelum ini dan permohonan tersebut telah dipanjangkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri pada ketika itu, dan saya diberitahu telah mengarahkan Pejabat Daerah untuk mengkaji semua lot-lot tanah di Seksyen 1, 2, 3 dan seterusnya tentang asal status tanah itu kerana apa yang berlaku di dalam Seksyen 1, saya bagi contoh, di dalam Seksyen 1, Petaling Jaya, dia ada lot-lot yang bersebelahan, satu statusnya adalah pegangan bebas, di sebelahnya adalah pajakan, status pajakan. Jadi ini menimbulkan tanda tanya di kalangan penduduk mengapa ada layanan istimewa terhadap setengah pemilik tanah di Petaling Jaya yang mendapat status *freehold*, dengan izin. Jadi saya masih lagi menunggu jawapan daripada Bilik ataupun Pejabat Penasihat Undang-undang berkaitan dengan kajian yang telah diarahkan kepada Pejabat Daerah untuk jalankan bagi mengenal pasti sama ada lot-lot tanah ini memang asalnya adalah pegangan bebas dan sebaliknya. Jadi saya mohon menyokong Usul ini untuk tindakan seterusnya oleh pihak berkaitan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Merujuk penyata yang dibentangkan sebagai Usul. Muka surat 8, Perkara 312, jumlah kelulusan permohonan TOL, tanah TOL, adalah kecil berbanding jumlah permohonan. Di mana penyata ini pada *point* 3.1.2.1 menyatakan berkenaan isu penolakan TOL, Jawatankuasa difahamkan sekiranya terdapat permohonan di atas tanah yang sudah diwartakan, pihak Pejabat Tanah dan Daerah Petaling berhak untuk menolak permohonan tersebut secara *summary rejection* tanpa perlu membawa kepada MMKN dan MTES. Cuma saya dalam perbahasan baru-baru ini ia ada kaitannya Tuan Speaker. Saya bertanya kepada Dato' Menteri Besar tentang status tanah sebahagian dari Balai Penghulu Kelang dan tapak kedai makan berhadapan dengan Pejabat Daerah Tanah Gombak. Jawapan yang saya terima pada pukul 4.05 petang, 1 Disember, saya bacakan ; "Yang Amat Berhormat dan Y.B. Berikut maklum balas isu yang dibangkitkan. (i) Kedua-dua tanah yang dimaksudkan berstatus Tanah Kerajaan. (ii) Tanah di sebahagian Balai Penghulu Mukim Hulu Kelang pernah dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) pada tahun 1997 dan telah tamat tempoh pada tahun 2001. Manakala tanah pada tapak

kedai makan berhadapan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak pernah dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara pada tahun 2000 pada Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah Tanah Gombak. (iii) Kedai makan yang dibangunkan di Balai Penghulu mukim Hulu Kelang adalah beroperasi secara tidak sah manakala kedai makan yang beroperasi di hadapan Pejabat Daerah Gombak dikenakan sewaan sebanyak RM 500.00 sebulan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah Tanah Gombak bermula pada tahun 2010. Jadi isunya macam *double standard*. Penyata menyatakan amalan ini sukar nak dapat kelulusan dalam satu sudut dinyatakan macam mudah dan apabila saya bertanya kepada DO Gombak, dia menjawab dengan terus terang mengatakan mungkin di tempat-tempat lain pun begini juga keadaannya dan kemungkinan di PBT. Jadi saya serahkan, saya bangkitkan ini kerana tertarik dengan isu yang dinyatakan oleh Penyata dan berkaitan dengan satu masalah yang sedang berlaku dalam pentadbiran kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada satu perkara yang ingin saya bangkitkan sebelum saya menyokong Usul ini merujuk kepada muka surat 3, penemuan yang dibuat oleh Penyata ini iaitu Skim Pemilikan Kediaman Persendirian. Permohonannya tidak sebanyak permohonan Pelanjutan Tempoh. Jadi atas alasan kemungkinan ia tidak dapat diakses ataupun difahami oleh penduduk-penduduk jadi saya ingin menyatakan di sini setelah membaca keseluruhan Penyata ini saya ingin mencadangkan selain cadangan yang dinyatakan supaya kes-kes tanah-tanah yang lot ini pada asalnya tanah-tanah pertanian contohnya ataupun tanah kediaman, minta maaf tanah lot kedai tetapi telah digunakan untuk kediaman selain daripada diberikan kepada Lembaga Perumahan, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk melihat perkara ini dengan lebih serius. Memandangkan daerah Petaling merupakan daerah yang begitu pesat membangun dan kalau kita lihat tidak ada banyak aktiviti pertanian yang dilakukan, kalau kita lihat satu persatu lot ataupun geran status tanah pertanian ini sebenarnya telah pun digunakan sebagai rumah kediaman. Jadi saya ingin mencadangkan supaya ada satu usaha oleh pihak Kerajaan untuk memutihkan tanah-tanah pertanian yang sekarang ini telah padat diduduki oleh penduduk-penduduk dengan membuat *structure-structure* atau rumah-rumah kediaman dengan cara kita memulakan satu usaha atau satu *Task Force* pemutihan tanah-tanah pertanian untuk dijadikan tanah pemilikan. Sebab dengan adanya Skim Pemilikan Rumah Kediaman iaitu setiap mereka yang mempunyai duduk di atas tanah persendirian ataupun kerajaan yang telah pun lama lebih daripada 15 tahun boleh memohon skim ini dan ia hanya membayar premium sebanyak RM1,000.00. Jadi saya ingin pihak Kerajaan menjadikan satu usaha yang proaktif di samping kita memutihkan salah guna tanah itu, kita juga memberikan mereka yang sudah lama buat rumah-rumah kediaman ini satu akses atau satu cara untuk mereka boleh mendapat geran persendirian. Jadi saya mencadangkan *Task Force* pemutihan

tanah-tanah pertanian ini diwujudkan dan mungkin ada perjawatan tambahan yang perlu dibuat secara kontrak selama mungkin 5 tahun supaya pemutihan ini dibuat dalam jangka tertentu dan akhirnya *Insyah-Allah* di daerah Petaling dan mungkin daerah-daerah yang lain juga tidak ada lagi dah tanah-tanah pertanian yang dah salah guna, disalah gunakan dengan isu ini dan juga boleh di sekaligus mungkin *Task Force* ini untuk membuat kutipan-kutipan yang tertanggung, yang tertanggung yang dikemukakan di dalam Penyata ini. Jadi dengan itu saya yakin tidak ada selepas 5 tahun mungkin isu-isu tanah yang masih lagi tidak jelas statusnya dan kita saban kali tidak dapat mengutip hasil dengan baik. Saya yakin dengan adanya pemutihan tanah-tanah pertanian kepada tanah-tanah persendirian kediaman akan menaikkan juga hasil di samping membantu rakyat boleh memiliki geran persendirian dengan cara yang sah. Jadi itu sahaja cadangan daripada saya. Terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker. Pertama sekali saya ingin merujuk kepada 2.3.3.3 di muka surat 5 berkenaan dengan isu TOL untuk paparan iklan. Saya melihat statistik juga yang diberi laporan dalam Penyata ini pun permohonan TOL itu adalah rendah. Saya rasa di sini ada beberapa masalah. (i) Apakah saiz iklan minimum sebelum TOL perlu dimohon? Jelas sekali iklan yang besar tepi lebuhraya yang 60' x 30', yang itu perlu mohon TOL tetapi bagaimana pula dengan iklan *billboard-billboard* yang lebih kecil seperti 8' x 8', iklan-iklan yang bersamaan dengan *road signboard* dengan izin ataupun *gantry* ataupun dengan jejantas. Apakah perkara tersebut juga perlu permohonan TOL? Perkara ini yang tertanggung akan menyebabkan kehilangan hasil untuk Kerajaan Negeri. Banyak *billboard* telah naik tanpa kelulusan sebab birokrasi tidak dapat menentukan sama ada *billboard* saiz ini perlu mohon TOL ataupun tak payah mohon TOL dan ada tak harga berbeza untuk iklan berbeza? Iklan 8' x 8' dengan iklan besar tepi lebuhraya tak boleh dikenakan bayaran TOL yang sama sebab *value* iklan tersebut pun sangat berbeza. Jadi di sini kita lihat ada komen juga MBSA tidak memohon pun untuk sebarang TOL, jadi saya mohon sedikit penjelasan. Pertama, untuk saiz tu, kedua, boleh tak proses ini dipermudahkan? Kalau PBT sudah meluluskan kenapa pihak Pejabat Tanah mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan TOL? Sepatutnya dia boleh jadi dalam masa dua tiga minggu, *should be just be normal processing*, sebab dalam pihak PBT, bila dibincangkan pun ada banyak agensi yang terlibat sebelum kebenaran diberi. Jadi *to less work to cut down the red tape* supaya kita boleh mengurangkan *billboard* haram dan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. (ii) Berkenaan isu *leasehold* dan *freehold* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taman Medan. Perkara ini saya telah *follow-up* setelah saya menjadi ADUN Bukit Gasing tahun lepas daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang kepada PTG dan dimaklumkan ada Unit *Task Force* dalam PTG yang sepatutnya menyiasat dakwaan-dakwaan ini bahawa tanah di Seksyen 1 hingga Seksyen 16 Petaling Jaya sepatutnya tanah *freehold* sebab dahulunya dia adalah sebahagian

daripada Petaling Estate, Petaling Estate itu adalah *freehold* tetapi apabila Petaling Jaya dibangunkan ada seksyen-seksyen yang lain kekal *freehold* tetapi bahagian Seksyen 1 hingga Seksyen 16 menjadi tanah pajakan (*leasehold*). Jadi saya harap dari tahun 2012, sekarang 2014 sudah dua tahun berlalu kita boleh mempercepatkan penyiasatan ini, kita boleh memberi satu *conclusion* kepada isu ini tidak menderet, *don't let this issue drag for so long*. Saya harap Unit *Task Force* boleh mempercepatkan penyiasatan terhadap isu ini dan saya dan Persatuan-persatuan Penduduk akan bekerjasama apa-apa perbincangan atau mesyuarat yang perlu diadakan tolong maklumkan, kita akan bekerjasama untuk mengatasi masalah ini. Juga saya ingin ambil perhatian dalam laporan penyata ini terdapat *slide-slide* yang dibentangkan oleh Pejabat Daerah. Saya berterima kasih kepada Jawatankuasa kerana melampirkan *slide-slide* ini tapi saya mengambil maklum bahawa maklumat di sini mungkin tidak berapa tepat sebab di *slide* di muka surat 16, DUN Bukit Gasing, Pegangan Bebas dikatakan Seksyen 5, 6, 18 itu betul Pegangan Bebas tapi Seksyen 17 yang ada lebih kurang beribu rumah di Seksyen 17 yang Pegangan Bebas tidak dicatit di sini. Saya tak tahu kenapa tercicir. Lagi satu muka surat berkenaan Seksyen 1, pemaju asal diberitahu sebagai PKNS tapi Seksyen 1 dibangunkan pada tahun 50an, saya rasa PKNS tak wujud pada tahun 50an. Jadi mungkin pihak Kerajaan ataupun pihak Jawatankuasa boleh memberi sedikit penjelasan. Kalau rekod-rekod di pejabat kerajaan ini tidak begitu tepat, mungkin susah kita mengatasi sedikit masalah pada masa depan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, pihak Kerajaan, saya jemput untuk memberi ulasan jika ada.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Kita mengambil maklum tentang penemuan yang dibuat oleh Jawatankuasa yang terkandung dalam Penyata tersebut dan semua cadangan ini akan diberikan maklum balas dalam sesi yang akan datang seperti yang telah diberikan jaminan dalam sidang baru-baru ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) , Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) Berkenaan Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah petaling yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 49 Tahun 2014”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul No. 32 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) Berkenaan Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 47 Tahun 2014”.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan masa semakin kesuntukan jadi saya di sini ingin membentangkan Penyata ini dan semua maklumat yang penelitian dan juga penemuan Jawatankuasa serta maklumat yang diterima oleh Jawatankuasa ini juga telah dilampirkan bersama untuk tatapan semua dan perhatian Kerajaan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, saya menyokong usul ni dengan saya cuma nak *highlight* berapa perkara yang penting dalam usul ini yang saya nampak lebih kepada sistem pengurusan dan pentadbiran dan juga aspek penguatkuasaan tetapi terlebih dahulu saya rasa satu penemuan jawatankuasa yang penting adalah kita ingin ucapkan Tahniah dan Syabas kepada PTD Gombak sebab ini salah satunya yang kita nampak dari hasil kutipan hasil tunggakan cukai adalah Pejabat Tanah yang begitu efisien sekali dan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Cuma ada dua aspek yang penting iaitu *first-in-first-out* yang kita nampak jelasnya PTD Gombak tidak dapat *follow* apa yang kita perlu percepatkan proses pemprosesan tanah itu dan kedua berkenaan dengan penguatkuasaan tentang konflik antara dasar dengan Kanun Tanah Negara sebab polisi Kerajaan Negeri sebelum ini adalah tanah yang kosong tidak akan diluluskan tetapi ini telah menggalakkan satu fenomena yang mana orang awam dia duduk tanah dulu baru dia pergi mohon. Jadi kita harap Kerajaan Negeri boleh perhalusi dasar dan polisi ini dan juga keselamatan penguat kuasa untuk PTD bila mereka mahu melaksanakan operasi mereka boleh diganggu oleh gengsterisme dan sebagainya. Jadi ini antara isu yang saya bawakan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) , Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Yang Mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP Padat berkenaan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Gombak yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 47 tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tak bersetuju sila kata Tidak. Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul No. 33 Tahun 2014 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(v) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya menurut Peraturan Tetap 76(v) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP Padat ke Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat yang telah dibentangkan dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 48 tahun 2014. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian memandangkan masa kesuntukan maka saya ingin membentangkan penyata yang telah disediakan oleh JP Padat ini ke dewan yang mulia ini untuk tatapan dan perhatian semua Ahli Yang Berhormat cuma saya rasa ada satu isu yang nak dibangkitkan di sini ialah lawatan JP Padat ke Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat merupakan satu-satunya pejabat yang difahamkan telah pun mengambil usaha yang proaktif untuk menyelesaikan kes-kes atau permohonan tanah tunggakan di Negeri Selangor dan saya percaya perkara ini perlu diberi perhatian sama ada usaha ini boleh dicontohi di semua Pejabat Tanah dan Daerah yang lain. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Menyokong.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Teratai ingin membangkitkan dua isu dalam DUN Teratai sahaja berkenaan dengan saya merujuk muka surat ke-35 bagi kertas bilangan 48/2014 yang mana di dapati bahawa dengan jumlah tunggakan kutipan cukai RM7.4 juta adalah berkenaan dengan masalah hak milik pemaju, masalah pindah milik yang mana di kawasan DUN Teratai khasnya di sekitar kawasan Pandan Perdana pemaju dia adalah Talam atau syarikat-syarikat berkaitan dengan pemaju Talam yang mana penduduk memang menghadapi masalah pindah milik disebabkan isu dengan pemaju. Jadi saya berharap supaya kerajaan Selangor dapat membantu untuk mengkaji bagaimana untuk menolong bagi penduduk-penduduk atau pemilik rumah di sekitar kawasan Pandan Perdana supaya mereka dapat melakukan hak pindah milik dengan secepat mungkin supaya tunggakan mereka ini dapat dikurangkan. Kedua adalah berkenaan dengan permohonan *title* dengan izin daripada Kampung Cheras Baru saya difahamkan bahawa penduduk telah kemukakan permohonan secara berkelompok. Saya berharap bahawa kerajaan Selangor khususnya bagi Pejabat Tanah Hulu Langat dapat membantu supaya mempercepatkan proses permohonan mereka supaya

pejabat tanah juga mendapat mengutip cukai-cukai untuk menurunkan tunggakan cukai di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat ini. Dengan ini Teratai menyokong. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi Bahawasanya menurut Peraturan Tetap 76(v) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP Padat ke Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 48 tahun 2014. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul no. 34 tahun 2014 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(v) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya mengikut perenggan 5 dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya jawatankuasa pilihan khas mengenai pembasmian kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan golongan gelandangan yang dibentangkan sebagai kertas bilangan 37 dalam tahun 2014 diterima.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian memandangkan masa makin kesuntukan saya membentangkan penyata ini untuk perhatian dan juga tatapan semua Ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong. Ya Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Isu gelandangan ataupun isu yang dikatakan sebagai *homeless* dengan izin ataupun jalanan. Kalau di Jakarta, komuniti jalanan ataupun gelandangan ini mencecah 7,000 orang dan adalah kerana kawalan yang tidak dilakukan apabila terlantiknya Presiden baru Jokowi langkah-langkah pembaikan dan pemulihan menyantuni mereka telah dilakukan secara bertahap. Di negara kita gelandangan ini terutamanya berada di ibu kota walau pun kesan-kesan tempat tinggal mereka ada di Petaling Jaya, Hulu Kelang, Setiawangsa, Wangsamaju tapi mereka fokus di ibu kota. Amat sukar untuk kita memahami mereka kerana pada pandangan kerajaan di peringkat Persekutuan mereka ini menjejaskan imej kerajaan dan negara. Jadi langkah yang diambil ialah *one off* dengan izin bila ada *event-event* yang penting, ada sukan, ada mesyuarat-mesyuarat antarabangsa maka berlakulah operasi

dilakukan oleh pihak polis ataupun oleh pihak DBKL. Tapi penyelesaian keseluruhan tak berlaku. Apa yang ada lepas beberapa tahun yang berjalan ini pihak NGO yang mengambil peranan. Jadi kita rasa terpanggil kerana isu kerajaan prihatin, kerajaan berkebijakan seperti Selangor ini perlu memahami mereka. Jadi cadangan daripada penyata yang saya bacakan ini adalah untuk memulakan langkah agar pihak Kerajaan Negeri Selangor dapat mengambil inisiatif bekerjasama dengan NGO dalam menyelami dan memahami mereka. Mereka bukan pengemis, mereka ada bakat, ada potensi tapi mereka tidak ada peluang atas alasan pelbagai sebab. Jadi kita pertamanya perlu membetulkan sikap masyarakat terhadap mereka dan membantu mereka kerana mereka juga manusia yang perlu pembelaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ini kerana mengambil berat isu *homeless*. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Hulu Kelang masalah ini lebih ketara di ibu kota, Kuala Lumpur dan mungkin tidak seberapa banyak di negeri Selangor tetapi masalah itu tetap ada juga di negeri Selangor. Saya mendapati saranan jawatankuasa agak *general* izinkan saya membuat satu saranan yang lebih spesifik. Saya nak memberi cadangan bahawa satu asrama perlu disediakan untuk mereka yang tidak ada apa-apa rumah, tidak ada apa-apa opsyen untuk penginapan yang lain supaya mereka dapat satu tempat berteduh. Ia tidak perlu mewah, *no fills* dengan izin. Satu asrama yang *basic*. Saya juga ada bertanya kepada NGO-NGO ini saya pun pernah berjumpa dengan mereka, kenapa agaknya ramai mungkin tidak hendak pergi ke mana-mana institusi. Saya rasa masalah *conditions* yang *attached* dengan pertolongan institusi ini kita perlu kaji semula. Kalau kita hendak beri pertolongan saya rasa pertolongan pertama kita, kita bagi mereka satu tempat tidur dengan tak perlu tanya banyak soalan. Bagi saja tempat mereka tidur. Lepas itu kita menjalinkan satu hubungan dengan mereka, petugas-petugas di asrama ini *develop* satu *relationship* dengan mereka baru kita boleh tengok apa cara lain yang kita boleh membantu mereka untuk mengatasi masalah mereka atau untuk mencari pekerjaan ataupun mencari penyelesaian kepada masalah lain yang dihadapi. Saya juga cukup risau jika ada terlibat kanak-kanak yang turut sama dengan ibu bapa mereka hidup di tepi jalan. Jadi saya harap kita boleh *start* dengan satu asrama *no question asked*. Siapa yang perlu kita bagi mereka tempat untuk tinggal dan bukan satu benda yang mewah, *simple, no fills*. *At least* mereka ada tempat untuk berteduh. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Tuan Speaker saya cuma ingin rujuk kepada beberapa fakta yang saya nampak jawatankuasa ini dalam sesi tertutupnya salah satunya adalah tentang golongan gelandang di negeri Selangor walau pun tidak ramai tetapi kebanyakan mereka tertumpu di Klang. Dan ramai golongan

miskin tegar yang tinggal di kawasan rumah PPRT Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar. Saya nampak Selangor kita banyak juga flat ini yang mana ramai yang daripada golongan miskin tegar ini dan salah satu golongan usia yang ditekankan ialah mereka yang berumur 45 tahun ke atas. Kerana kesukaran mereka diberikan pekerjaan untuk menjadi berdikari. Saya setuju bahawa ini bukan sahaja satu inisiatif atau peranan yang perlu dimainkan oleh NGO tetapi pihak kerajaan perlu menyediakan satu saluran yang saya nampak dari aspek ini sebelum ini dalam ucapan dasar juga dinyatakan Kerajaan Negeri akan memberi peluang untuk kita melatih kalau boleh saya rasa golongan seperti ini Kerajaan Negeri Selangor juga boleh memainkan peranan untuk tawarkan kursus kepada mereka untuk *retrain* dengan izin, kita melatih mereka yang masih ada semangat nak cari kerja tetapi dia perlu asah dari segi kemahirannya ataupun pengetahuannya dan lepas itu dengan *network* Kerajaan Negeri yang ada dengan syarikat-syarikat ataupun dengan agensi-agensi yang kita nampak ada peluang untuk kita tempatkan mereka-mereka ini saya rasa kita boleh mainkan peranan. Ini yang saya cadangkan supaya pendekatan untuk golongan ini lebih holistik daripada bidang NGO dan juga kerajaan dan masyarakat secara amnya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut Peraturan 76 (v) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan khas mengenai pembasmian kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan golongan gelandangan yang telah dibentangkan sebagai kertas bilangan 37 dalam tahun 2014. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul No. 35 tahun 2014. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (v) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(v) Peraturan-Peraturan Tetap Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan iaitu *Special Select Committee Of Competence, Accountability And Transparency* Atau pun SELCAT bagi dewan negeri Selangor berhubung isu kualiti air lombong untuk digunakan untuk rakyat negeri Selangor yang telah di bentang di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2014.

Tuan Speaker, isu ini adalah berkaitan dan bersangkutan dengan peristiwa di mana kita terpaksa mencatu bekalan air kepada penduduk seluruh Selangor. Terbeban mereka dan terbeban kakitangan kerajaan dan pegawai-pegawai dalam menjayakan

usaha ini. Walau bagaimanapun apa yang lebih penting dalam pembentangan SELCAT ini adalah satu berita sensasi yang mendakwa dan membuat penjelasan bahawa penggunaan Kerajaan Negeri Selangor telah menggunakan air lombong sebagai bekalan air kepada rakyat dan oleh sebab itu telah menimbulkan kontroversi kerana didakwa dan dikatakan bahawa kualiti air adalah tercemar dan berbahaya kepada penduduk dan kesihatan yang serius kepada rakyat negeri Selangor. Oleh sebab itu punca kepada perkara ini adalah apabila dua orang Ahli Parlimen iaitu Klang dan Kelana Jaya telah membuat kenyataan media dan telah disambut dengan berbagai-bagai reaksi yang begitu emosional dan membawa satu kontroversi yang besar. Jadi oleh sebab itu jawatankuasa SELCAT telah mengadakan pendengaran tertutup. Walaupun SELCAT ditugaskan utamanya untuk mendengar pendengaran terbuka tetapi jawatankuasa telah bersetuju di peringkat awal dan itulah kesudahannya untuk mengadakan pendengaran tertutup dan pihak jawatankuasa SELCAT telah berjaya mengadakan tiga pendengaran tertutup pada tarikh-tarikh 10 Jun 2014, 7 Ogos 2014 dan 12 Ogos 2014. Yang mana terlibat adalah EXCO yang berkaitan, Ahli Parlimen dari Klang, Ahli Parlimen dari Kelana Jaya, jabatan-jabatan seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kimia Malaysia (JKM).

Dan butiran-butiran terdapat didalam penyata dan ada *supportive material* lagi dengan izin, bahan-bahan tambahan yang telah kita dapat. Dan kita juga, SELCAT juga telah mengadakan pendengaran tertutup dengan, dapat pada sumbernya sendiri iaitu *research* atau pun penyelidikan yang telah dilakukan oleh 2 orang profesor daripada Universiti Malaya yang kajiannya itu telah dirujuk tanpa dapat berhubung dengan penyelidik itu sendiri dan oleh sebab itu tidak mendapat gambaran yang setepatnya. Hasil daripada pendengaran tertutup SELCAT yang ketiga, kita mendapat pendengaran terus daripada Exco dan sekali lagi pendengaran daripada LUAS, Jabatan Kimia dan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengukuhkan lagi penemuan-penemuan yang telah dilakukan oleh pihak SELCAT. Dan kita juga dapat bahan tambahan dengan keterangan yang diberikan oleh Puncak Niaga Sdn Bhd dan juga daripada *e-mail* SPLASH daripada SPLASH yang menguruskan air.

Dan daripada situ juga kita telah membuat beberapa penemuan yang terkandung di dalam No. 8, 1 hingga 88 yang memperlihatkan beberapa penemuan menarik di antaranya, secara amnya, air bekas lombong sememangnya mempunyai kandungan logam tetapi apabila telah bercampur dan dicairkan bersama air sungai dan selepas itu dirawat maka keadaannya adalah selamat. Ini adalah penemuan yang telah diuji daripada beberapa pandangan pakar dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Jadi dengan itu masalah yang ditemui dalam konteks kontroversi air lombong yang tidak selamat dalam media itu sebenarnya disimpulkan oleh Jawatankuasa SELCAT dalam perkara 8.8 bahawa tuduhan bahawa penggunaan air lombong adalah tidak selamat yang telah berlanjutan dalam media sememangnya boleh ditangani dengan mudah dan cepat sekiranya MMKN mengambil langkah proaktif untuk berbincang

dengan Ahli Parlimen Kelang dan Kelana Jaya dan juga pihak LUAS, pihak Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia, Operator Loji Rawatan. Dan dengan cara ini kontroversi ini akan dapat diselesaikan. Namun walau bagaimana pun, Jawatankuasa menemui, membuat penemuan bahawa oleh kerana MMKN agak lewat dalam memberikan maklumat dan penjelasan yang boleh meyakinkan orang awam kerana tidak melibatkan pihak KKM dan sidang akhbar yang sepatutnya dilakukan lebih awal.

Tuan Speaker, dalam penutup kepada penemuan dan pendengaran tertutup yang telah dilaksanakan oleh SELCAT, SELCAT dalam penyata ini telah membuat 10 saranan. Antara saranan yang terpenting adalah pertama Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menjalankan usaha-usaha inisiatif untuk rehabilitasi dan pembersihan air kolam, bekas lombong berdasarkan piawaian dan cara pulih yang diterima Badan Sainifik Antarabangsa. Kita boleh menggunakan lombong-lombong ini, itu satu penemuan. Prejudis yang mengatakan *assumption* dengan izin, satu pendapat yang seolah-olah *conclusive* adalah tidak benar dengan mengatakan lombong itu mempunyai logam-logam berat dan tidak boleh digunakan dan berbahaya. Dan tidak semua lombong bersifat demikian kerana lombong ini yang kita dapati dia telah di *design* dengan izin, di Sari Jaya khususnya dia ada saluran yang menyebabkan dia mengalir ke sungai. Seluruh air lombong itu bercantum antara satu sama lain walau pun pada dasarnya tidak dilihat ada saluran tetapi ada saluran yang telah direka bentuk daripada awal dulu. Hanya satu dua lombong yang tidak mengalir airnya dan pengaliran air inilah yang sebenarnya menjadikan proses pencairan logam-logam berat apabila berlaku hujan.

Di samping itu Tuan Speaker, saya ingin menegaskan lagi di antara cadangan, saranan Jawatankuasa adalah Kerajaan Negeri hendaklah juga mengambil perkhidmatan perunding luar, yang bebas, untuk memastikan bahawa penemuan kajian pakar-pakar kerajaan adalah tepat dan menggunakan teknik-teknik yang selamat dan terkini. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor harus meningkatkan usaha mendidik pengguna air Negeri Selangor untuk tidak membazir air terawat dan kegunaan seharian. Dalam konteks kita memfailkan sumber-sumber air termasuk lombong yang selamat selepas pencairan dan rawatan, maka kita juga mencadangkan kepada pihak kerajaan daripada sekarang berusaha untuk mendidik rakyat Negeri Selangor, penduduk negeri Selangor agar berjimat-jimat menggunakan air. Di samping itu ada tiga lagi yang kami rumuskan, yang Jawatankuasa SELCAT merumuskan adalah Kerajaan Negeri Selangor harus menggunakan Jawatankuasa Teknikal untuk melaksanakan penuaian air hujan di Kerajaan Tempatan untuk projek-projek pembangunan. Seterusnya Kerajaan Negeri Selangor harus memperuntukkan satu dana untuk usaha pemuliharaan dan pemeliharaan air sungai supaya sungai-sungai di negeri Selangor mencapai tahap Kelas 2 dan sekurang-kurangnya Kelas 3.

Yang akhir sekali Tuan Speaker, satu jawatankuasa badan khas pengurusan air di negeri Selangor harus diwujudkan untuk memastikan krisis air di Selangor tidak

berlaku lagi dan memantau usaha membekalkan air terawat yang mencukupi kepada seluruh pengguna di Selangor. Sekian mohon disokong, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker, Sekinchan menyokong Usul No. 37 Tahun 2014 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya buka untuk perbahasan. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin *highlight* satu *point* yang saranan Jawatankuasa - 9 saranan Jawatankuasa 9.6. Saya berasa bahawa Kerajaan Negeri apabila mengendali krisis ini memang bukan dalam prestasi yang baik, krisis ini berlanjutan 2 bulan. Kerajaan tidak ada apa-apa idea *how to solve the problem, when it comes to* apabila ada kolam, Kerajaan Negeri tidak boleh berkomunikasi dengan *public* dengan baik supaya yang bahawa kolam air ini adalah selamat. Lepas itu, apabila kita mengumumkan RM10 juta untuk beli pam, kita tertanya-tanya, tunggu berbulan-bulan, pam tidak sampai. Krisis sudah lalu, apabila kita menghadapi krisis, ini prestasi, prestasi sebegitu kita dapat dari Kerajaan Negeri. *RM10 million is already out but nothing is done and* keyakinan *public* untuk Kerajaan Negeri semasa itu saya ingat sangat-sangat rendah sebablah itu mereka pun mensyaki bahawa itu lombong pun *I think* ada racun. Sebab keyakinan untuk kerajaan memang sudah rendah, saya, Damansara Utama berpendapat bahawa Kerajaan Negeri perlu bertanggungjawab sebab itu saya menyokong saranan 9.6 bahawa satu audit kenalah dibuat untuk menerangkan kenapa ada kelewatan, kenapa langkah-langkah tidak diambil, kenapa begitu lambat, siapa yang bertanggungjawab? Adakah LUAS yang akan bertanggungjawab? Ataupun Kerajaan Negeri yang akan bertanggungjawab? Siapa yang bertanggungjawab? Apabila kita hadapi krisis, saya mendapati tiada orang yang bertanggungjawab, yang nak *own up to the crisis*. Saya sangat kecewa nampak 6.4.6, saya baca ya. Yang ini perkara berkaitan dengan pam itu. Perkara ini telah diuruskan oleh Jabatan Ukur (JUPEN) wakil LUAS tidak pasti bila pam-pam tersebut akan tiba. Nilai dan perolehan pam-pam tersebut juga tidak pasti. Pam-pam ini akan dikendalikan oleh JPS.

Kenapa semasa kita menghadapi krisis air, JPS pula kena *own up to the effort and* LUAS *don't have a clue or when is the pump is going to come*. Saya memang tidak faham. So, saya memang sokong bahawa kita kena ada satu tindakan yang lebih *strict* kepada sesiapa yang bertanggungjawab, pihak yang bertanggungjawab dalam krisis ini. Siapa yang salah? RM10 juta itu tidak digunakan, krisis sudah lalu, keyakinan sudah *dropped* pun sampai sekarang pun tak ada orang tahu siapa yang bertanggungjawab. So, saya rasa bahawa Kerajaan Negeri..ya..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dalam nada SELCAT, bukan untuk mencari siapa salah tetapi Kota Damansara telah menyebut begitu. Apakah asas

sebabnya perkara ini dianggap penting untuk kenal pasti, *identify* siapa yang membawa masalah.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya memang faham. Sebab SELCAT itu baik. Sebab krisis air bukan, bukan satu masalah yang kecil. *It affects investors' confidence in Selangor. And it affects people's confidence to us.* So, saya berasa bahawa kenapa, siapa yang salah sini? So, saya memang, *I think somebody needs to be accountable.* Ini *committee, special committee on competency, accountability and transparency.* Now we have transparency and definitely we need to find out who is accountable to it. So, saya berasa bahawa, audit dibuat seperti yang, apa yang disarankan. Apakah punca-punca kelambatan *but I think, somebody needs to be accountable.* Dan saya berasa bahawa *the whole crisis* untuk yang, semua krisis yang timbul sehingga keyakinan *public* untuk kerajaan Selangor begitu rendah adalah kerana koordinasi di antara *standco-standco* ataupun apa, saya pun tak tahu tetapi memang itu satu prestasi yang sangat rendah, saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh membuat satu *reflection* ataupun satu kajian apakah yang kita boleh buat kalau krisis ini akan jadi, berlaku lagi, apakah yang lebih baik kita boleh buat? Dan saya juga nak meminta penjelasan daripada Kerajaan Negeri, sudahkah pam itu sudah sampai? Pam itu di mana sekarang, lepas itu apakah fungsi pam itu? Berapa sudah, kita sudah *spent* dan ya, so, saya memang ingin tahulah macam mana RM10 juta itu sudah digunakan, kononnya untuk mengatasi masalah krisis air. Dengan ini Damansara Utama menyokong usul.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker, saya tidak akan ulas *detail about this report.* Saya rasa, apa saranan adalah perlu diberi perhatian tetapi saya nampak daripada laporan ini, apa yang kita *concern*, dengan izin, adalah mekanisme macam mana kita menghadapi krisis. Bagi saya, dalam keadaan krisis, yang pertama maklumat adalah perlu tepat, cepat dan telus. Telus, maksudnya sebab kita nak kurangkan kerisauan itu. Walaupun kita tahu, kita ambil satu contoh, bila kita adakan catuan air, walaupun kita sudah jelas dengan, dan kita mahu *convince* penduduk di kawasan kita bahawa tidak perlu simpan air begitu banyak, tetapi mereka tidak ada maklumat. Jadi, dia akan respons ikut apa yang dia risaukan. Jadi, itu lah sebabnya saya rasa, dalam keadaan krisis itu, Kerajaan Negeri, perlu saya rasa mungkin kita minta penjelasan EXCO yang bertanggungjawab macam mana mekanisme Kerajaan Negeri dalam menghadapi kalau dalam masa akan datang saya yakin. Bukan kita mahu aspek krisis berlaku di Selangor tetapi saya nampak di Selangor dengan cabaran keadaan cuaca sekarang ataupun mana-mana isu yang berubah-ubah sekarang, kita perlu ada satu mekanisme pengurusan krisis yang jelas, yang sedia maklum oleh semua orang termasuk wakil rakyat supaya kita boleh, saya rasa wakil rakyat juga boleh membantu untuk menjelaskan, dan, keadaan ini diubah. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Dua perkara, satu berkenaan dengan cadangan 9.9 ini berkaitan dengan pembersihan air sungai dan saya menuntut supaya kerajaan dalam sidang dewan yang akan datang memberi makluman kepada dewan ini dengan nada yang tertentu, yang *certain* bahawa apa status terkini ataupun perkembangan terbaru berkenaan dengan ROL ataupun *River of Life*. Saya telah membangkitkan perkara ini, saya rasa ROL penting untuk memastikan bahawa sungai-sungai di Selangor khususnya Sungai Gombak dan Sungai Kelang berada di tahap yang lebih bersih dan memastikan bahawa ia boleh digunakan untuk kerajaan Selangor menghadapi musim kemarau yang mungkin akan berlaku bila-bila tahun, masa depan. Cadangan kedua adalah berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Khas hari ini kita tengok dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah pun dinyatakan di situ dan saya ingin memberi sedikit penambahbaikan iaitu terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas ini perlulah menjurus, perlu juga melihat perubahan iklim yang sedang berlaku di seluruh dunia ini kerana ia memberi kesan yang mendalam terhadap apa yang telah berlaku di Selangor setahun yang lalu iaitu musim kemarau yang berlaku. Ia tidak sahaja berlaku di Selangor, ia berlaku di semua negeri di Malaysia dan berlaku di banyak tempat di seluruh dunia ini dan kita tidak ada satu mekanisme ataupun satu strategi untuk menanganinya dan saya rasa mungkin ini boleh dimaafkan kerana ini kali pertama kita menghadapi tapi bagaimana dengan kali kedua. Jangan biar pisang berbuah dua kali dan saya memohon cara ataupun strategi untuk menangani perubahan iklim ini dijadikan sebagai satu terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas yang akan ditubuhkan oleh dewan, itu sahaja sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk beri penjelasan. Taman Templer. Ah, Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Puan Speaker. Berkaitan dengan usul No. 7, berkaitan dengan isu kualiti air lombong untuk kegunaan rakyat yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, pada masa itu saya adalah EXCO yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi jurucakap atau pun memaklumkan kepada rakyat tentang *progress* yang berlaku di dalam Jawatankuasa atau pun isu yang berkaitan air di negeri Selangor. Sebenarnya di Kerajaan Negeri mempunyai satu Jawatankuasa Air di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' SUK. Dan saya kira ini adalah pengalaman kita yang pertama dalam menghadapi krisis yang walau pun sedikit sebanyak kita menjangkakan tetapi kita tidak menjangkakan keadaan yang begitu teruk sekali. Sehingga beberapa Ahli Parlimen memberikan *respond* yang saya ingat sebagai satu juga pengajaran kepada kita, bagaimana kita hendak menghadapi *crisis-crisis* seperti ini. Cuma saya ingat perkara ini juga dimainkan oleh media-media yang termasuklah media yang menggambarkan seolah-olah keadaan air begitu bahaya sekali, terlalu toksin sehingga sebenarnya kita tidak mempunyai satu *communication* atau pun perhubungan yang baik sama ada di

peringkat media dengan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Negeri untuk memberikan maklumat-maklumat yang tepat pada ketika itu. Sebab itulah memang benar banyak kelemahan yang terpaksa kita hadapi. Dan cuma satu perkara yang saya hendak betulkan di sini kebetulannya saya tidak sempat untuk membetulkan penyata ini, sebab saya menjalani ibadah Haji tempoh hari. Dalam penyata itu ada disebutkan JUPEM tapi bukannya JUPEM adalah UPEN ya, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor yang menjadi, mengeluarkan peruntukan untuk pembelian pam yang kita sebutkan.

Dan peruntukan sejumlah dana RM10 juta itu bukan sahaja untuk pembelian pam semata-mata tapi termasuklah urusan atau pun pengurusan kita menggunakan kolam-kolam takungan ini sebagai sumber air mentah dalam kita menghadapi *crisis* itu. Termasuk daripada segi pengawal yang terpaksa mengawal ataupun kakitangan yang terpaksa membuat kerja-kerja di lapangan. Jadi kebetulannya, saya ingat pada masa ini saya dimaklumkan bahawa pam yang dibeli itu telah sampai dan dia mengambil masa yang begitu lama 7 bulan untuk kita mendapatkan pam tersebut dan kita serahkan kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran kerana mereka ini yang mempunyai pengalaman dalam menguruskan banjir menggunakan pam-pam ini. Dan cuma kita bernasib baik kerana kita dapat mengeluarkan jumlah air yang kita perlukan semasa kita menghadapi *crisis* walau pun pam-pam itu belum sampai lagi. Matlamat kita pembelian pam itu bukan semata-mata untuk kita menyelesaikan semasa kita *crisis*, tetapi pam ini juga dapat digunakan apabila HORAS 600 dapat kita bina dan kita gunakan untuk tujuan tersebut. Antara usaha yang telah dilakukan oleh pihak LUAS sebenarnya kita telah memanggil atau pun mengadakan satu perbincangan forum berkaitan dengan isu terkini berkaitan dengan air di negeri Selangor semasa sidang dewan yang lalu. Dan kita mendapat respons yang baik dan kefahaman-kefahaman ini termasuklah makmal-makmal yang terlibat di dalam mengeluarkan keputusan-keputusan air ini. Kita dapat panggil dan memberikan maklumat-maklumat kepada kita, cuma Kerajaan Negeri terpaksa bergantung pada makmal kimia negeri kerana ini adalah makmal yang ada autoritinya untuk memberikan segala keputusan atau pun sampel-sampel yang kita hantar. Kita boleh memanggil makmal yang *independant* dengan izin, tetapi yang ada autoriti Kerajaan Negeri adalah makmal kimia yang kita gunakan keputusan itu. Jadi secara ....

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang, Hulu Kelang minta mencelah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Baru-baru ini Dato' Menteri Besar telah mengatakan bahawa *review* satu jawatankuasa besar induk akan meneliti semua tugas-tugas yang sepatutnya dibawa dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap dan juga Jawatankuasa Dewan. Dalam tempoh 3 bulan akan di *review*. Jadi sebagai ahli kepada SELCAT dan Jawatankuasa, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO apakah *timeline* dengan izin, perancangan daripada hari ini hingga seterusnya

langkah-langkah yang akan diangkat, dilaksanakan oleh EXCO dalam menangani isu ini.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, saya kira pengalaman kita yang lalu, ia mengajar kepada kita bagaimana kita hendak uruskan air secara seluruhnya di negeri Selangor. Kalau dahulunya air mentah kita semata-mata bergantung pada empangan yang kita ada, termasuk empangan Sungai Selangor, empangan tinggi yang kita ada untuk kita jadikan sebagai sumber air mentah untuk dirawat dan diberikan dan disebar kepada masyarakat tetapi melalui pengalaman itu kita lihat sumber-sumber air yang lain termasuklah kolam ini bagaimana apabila kita ada lebih kita boleh menyimpan air di kolam dan kita kurangkan pengeluaran kita di empangan dan mencukupi sekiranya ada paras air di sungai itu lebih tinggi, jadi kita boleh simpan paras itu mencukupi untuk kita rawat. Dan ini memberikan satu proses bagaimana penyusunan atau pun perancangan kita di dalam menguruskan air ini adalah lebih baik daripada sebelum ini. Dan saya kira selepas ini sudah tentulah saya bersetuju kalau ada satu jawatankuasa pengurusan air sendiri, di peringkat negeri dan kemudian ada Jawatankuasa Tetap di peringkat yang boleh juga memantau, yang boleh memantau perjalanan pengurusan air ini, saya kira satu perkara yang baik dan saya, kita harapkan selepas ini satu komunikasi yang lebih baik. Tujuannya untuk memberikan penerangan apabila berlaku *crisis-crisis* seperti ini di masa akan datang.

Dan Kerajaan Negeri akan bersedia dengan pengalaman yang kita ada dengan perancangan-perancangan kita termasuklah dengan penstrukturan semula air Langat 2 yang akan berlaku. Saya kira ianya juga akan membantu dalam kita menguruskan secara keseluruhan

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama meminta mencelah.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Puan Speaker, adakah Kerajaan Negeri ada akan membuat satu SOP supaya apabila berlaku satu lagi *this crisis* kita tahu apa-apa langkah untuk *take, who is taking charge of what*.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, saya ingat ini juga perkara yang penting, sebab itulah saya katakan tadi kita kena keluar atau *come up with the* dengan satu jawatankuasa pengurusan air di peringkat Negeri Selangor yang lebih mantap dan ada SOP-SOP yang tertentu supaya akhirnya bukan saja kita menunggu *crisis* itu datang tetapi kita bersedia dengan perancangan kita yang lebih baik, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Yang tidak dikaji yang tidak dilakukan penemuan dalam penyata ini adalah tentang sabotaj. Jadi elemen sabotaj ini ada dikatakan ada wujud tetapi kami tidak buat siasatan. Jadi sebagai Ahli Dewan Negeri saya ingin kepastian adakah dalam krisis yang telah sedang kita hadapi pada masa itu terdapat unsur sabotaj.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Sebenarnya kita menghadapi beberapa isu kacau ganggu termasuklah ada kumpulan yang datang dan menghalau walau pun tanpa senjata yang berbahaya. Tetapi menggunakan besi dan kayu untuk mengarahkan, marahkan kepada pegawai kita yang berada di lapangan pada waktu malam. Dan juga berlaku pembakaran tiub air dan termasuklah jentera kita dipotong *wiring system* sehingga ia tidak dapat beroperasi. Ini berlaku dan kita tidak tahu sama ada ini adalah sabotaj atau pun tidak cuma kita beranggapan bahawa ini adalah sabotaj yang mana laporan polis juga telah dibuat kepada berkaitan dengan isu-isu ini. Dan sebenarnya kita dapat sebelum perkara ini berlaku kita sudah bincangkan dalam peringkat Jawatankuasa Air Negeri, perkara-perkara ini termasuklah antara perkara yang diputuskan kita meletakkan pegawai termasuklah Rela yang kita harap dapat membantu dalam segi kawalan. Dan kita juga minta kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk membuat rondaan membantu kita sekurang-kurangnya apabila berlaku. Dan ini telah berlaku sebenarnya dan ada juga difikirkan kita perlu, kita juga telah mewartakan kawasan ini sebagai kawasan larangan kepada *public*. Dan saya ingat langkah-langkah yang kita jangkakan telah kita buat dan ini masih lagi berlaku terutamanya di kawasan-kawasan yang kita bermasalah untuk mendapat perhubungan. Perhubungan telefon kita tidak sampai ke situ dan kawasan yang terlalu jauh ke dalam. Saya ingat ini antara beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dan sudah tentunya lah kita, bagi saya, saya melihat sebagai satu bentuk kawalan kawasan ini perlu dilarang kepada *public*, sama ada perlu dipagar dan sebagainya cuma, sebahagian daripada kawasan-kawasan ini juga menjadi laluan kepada pengusaha-pengusaha pasir yang mendapat lesen daripada Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan *Special Select Committee and Competence Accountability and Transparency (SELCAT)* bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu kualiti air lombong untuk kegunaan rakyat Selangor yang telah dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas Mesyuarat Bil. 36 Tahun 2014. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli dewan menyebut ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

Baiklah sebelum saya menangguhkan dewan sehingga esok, ingin saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat hari jadi kepada Ahli Yang Berhormat Kajang. Saya baru dimaklumkan hari ini hari jadi beliau. Selamat Hari Jadi dan

dengan ini saya menangguhkan sesi dewan sehingga esok hari Khamis 4 Disember jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )**